

Naskhah belum disemak

**PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 18**

**Selasa**

**11 Disember 2008**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 2009 (Halaman 34)

## AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
10. “ Tan Sri Amirsham A. Aziz (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
16. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal
18. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
19. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
20. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
21. “ Dato' Ir. Hiang A Li (Pahang)
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
24. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
30. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
31. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)

32. Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato’ Maznah Mazlan (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
35. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
36. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
37. “ Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)  
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
38. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī (Kelantan)
39. “ Tuan T. Murugiah (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
40. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
41. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
42. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
43. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
44. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
45. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
46. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
53. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
54. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
55. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
56. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
57. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
58. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
59. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
60. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh (Terengganu)  
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
61. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
62. “ Dato’ Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
64. “ Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)

65. Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
66. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS**

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****KHAMIS, 11 Disember 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah kerangka strategi kerajaan untuk memperhebatkan pembangunan lebih banyak jenama tempatan bagi memperkenalkan produk dan perkhidmatan Malaysia di peringkat antarabangsa, yang berteraskan "jenama unggul" daripada Malaysia, yang sekali gus akan lebih memberi kesan positif apabila persaingan perniagaan menjadi lebih sengit melewati perbatasan sempadan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang begitu hebat. Untuk makluman Yang Berhormat persaingan perniagaan yang lebih sengit pada zaman globalisasi sekarang memerlukan rakyat dan syarikat Malaysia mengambil langkah-langkah untuk membezakan produk dan perkhidmatan mereka. Ini lazimnya dilakukan melalui jenama produk atau perkhidmatan syarikat tempatan.

Kerajaan memahami akan kepentingan penjenamaan dan isu-isu yang berkaitan dengan penjenamaan seperti hak cipta, pengetahuan penjenamaan, mereka cipta, pembungkusan dan penyeragaman produk atau perkhidmatan dan telah mengambil langkah untuk memudah dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran penjenamaan di negara kita ini. Ini termasuk membangunkan jenama syarikat tempatan dan memperkenalkan jenama produk dan perkhidmatan Malaysia di peringkat antarabangsa dan menyediakan insentif seperti program sokongan berkaitan penjenamaan dan pemasaran untuk membantu syarikat Malaysia bersaing di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, antara insentif sedia ada untuk memperhebatkan dan memperkukuhkan lagi jenama produk dan perkhidmatan Malaysia termasuklah:

- (i) Geran Promosi Jenama (*Plan Promotion Grant*);
- (ii) Skim Pinjaman Mudah Bagi Penjenamaan Antarabangsa (*Soft Loan Scheme for International Branding*);

- (iii) membantu *enterprise* kecil dan sederhana melaksanakan rancangan penjenamaan dan penjenamaan semula;
- (iv) menubuhkan saluran pengedaran di luar negara;
- (v) menyertai pameran-pameran perdagangan antarabangsa;
- (vi) mengambil alih jenama asing dan rangkaian pengendalian di luar negara untuk mempromosikan jenama Malaysia; dan
- (vii) melaksanakan pengiklanan dan promosi di luar negara.

Geran yang lain ialah:

- (i) Geran Pembangunan Pasaran yang dikenali sebagai *Market Development Grant*, dengan izin;
- (ii) Dana Eksport Perkhidmatan atau *Service Export Fund*;
- (iii) menganjurkan program latihan eksport untuk pengeksport Malaysia dan bakal pengeksport bagi meningkatkan pengetahuan pengeksport berkenaan akses pasaran, keperluan perdagangan global dan amalan perdagangan;
- (iv) menganjurkan promosi perdagangan dan pelaburan ke luar negara dengan perniagaan utama di dalam penjenamaan perdagangan dan perkhidmatan dari Malaysia dengan menunjukkan pencapaian syarikat Malaysia di peringkat antarabangsa; dan
- (v) menubuhkan pasukan petugas Bagi Penjenamaan Kebangsaan atau *National Branding Taskforce* dengan izin, untuk merealisasikan 17 inisiatif penjenamaan di peringkat kebangsaan, industri dan korporat yang telah dikenal pasti dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Sekian.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu lengkap sekali. Soalan atau pertanyaan tambahan saya ialah selepas kita memperuntukkan begitu banyak kepada program tersebut, adakah pihak kementerian ada membuat penilaian tentang hasil yang kita terima. Seterusnya *target* negara ataupun *regional market* ataupun *country* yang kita *target* untuk kita *conquer*, dengan izin, pasaran di dunia ini. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, kementerian memang ada membuat penilaian untuk meninjau kejayaan dalam proses penjenamaan ini. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, kejayaan sesuatu *branding process* ini bergantung pada pengguna ataupun orang ramai yang menggunakannya, *the human factor*, dengan izin yang menentukan kejayaan sesuatu *branding process*.

Untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan Malaysia ke luar negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di bawah agensinya MATRADE sentiasa mengadakan

pameran perdagangan antarabangsa. Yang terakhir sekali ialah pada bulan pertama tahun ini di mana MATRADE telah pun menyertai 39 pameran perdagangan antarabangsa di seluruh dunia. Antara pameran yang mendapat jualan tertinggi adalah di *Malaysia Service Exhibition* tahun ini di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu yang telah mencatat perolehan projek berjumlah RM39 bilion.

■1010

Bagi pameran MIHAS tahun ini yang diadakan pada bulan Mei, sebanyak RM2.2 bilion jualan telah dicatat dengan RM185.3 juta merupakan jualan langsung dan RM2.02 bilion adalah jualan dalam rundingan. MATRADE memang telah bersedia untuk menubuhkan pejabat-pejabat baru di negara-negara berpotensi tinggi untuk meningkatkan perdagangan Malaysia untuk mempamerkan produk-produk tempatan dan juga perkhidmatan Malaysia ke luar negara. Cadangan ini meliputi penubuhan 10 pejabat perdagangan MATRADE di Mumbai India, Dhaka di Bangladesh, Karachi di Pakistan, Tehran di Iran, Algiers, di Algeria, Lagos di Nigeria, Warsaw di Poland, Almaty di Kazakhstan, Doha di Qatar dan juga Istanbul di Turki. Sekian, terima kasih.

**Dato Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahannya ialah, daripada penjelasan pihak kerajaan telah memperlihatkan beberapa usaha yang dilaksanakan secara agresif. Apakah setakat ini telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dari segi perisikan pasaran dengan izin, *market intelligence* serta pengukuhan jaringan pemasaran produk ataupun barang-barang keluaran dalam negara di pasaran antarabangsa yang telah pun menghadapi suatu masalah ataupun dengan izin, *constraint* yang dihadapi oleh pihak kementerian setakat ini. Jadi apakah halangan-halangan yang menjadikan suasana pemasaran di peringkat antarabangsa masih lagi terbatas?

**Datuk Liew Vui Keong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, halangan-halangan yang selalu dihadapi oleh perkilangan untuk memasarkan produk-produk mereka adalah dalam atas kos dan juga di mana kos yang tinggi telah pun menjadi satu masalah untuk mereka mempamerkan barangan mereka dan juga *funding* melainkan daripada kos yang tinggi yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, pelabur-pelabur daripada luar negara selalu juga menghadapi masalah di mana insentif-insentif untuk mereka mem *promote* kan jenama produk tersebut tidak diberikan kepada mereka. Seperti yang saya nyatakan tadi, apa sahaja jenama yang memberi harapan ataupun *expectancy* kepada seseorang pengguna akan menyebabkan kekecewaan apabila jangkaan ataupun *expectancy* tersebut tidak ditunaikan ataupun di *deliver* kan. Umpamanya, sekiranya kita selalu membeli tiket kapal terbang yang mahal dan kita *expect* perkhidmatan yang baik daripada kapal terbang yang sedemikian.

Akan tetapi sekiranya kita tidak mendapat *expect* perkhidmatan yang cemerlang dan baik, kita akan merasa kecewa kerana mengalami masalah seperti *check-in staff* yang kasar ataupun yang tidak dapat membantu. Itu yang memberikan masalah kepada *expectancy* seseorang

pengguna ataupun orang ramai yang meng *expect kan* perkhidmatan yang baik. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**2. Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh manakah pelajar Malaysia telah mengukir nama di peringkat dunia dan sekiranya ada, senaraikan pelajar tersebut mengikut kejayaan yang diperoleh.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merasa bangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh murid-murid sekolah bukan sahaja di dalam negara bahkan juga mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Sumbangan besar dapat kita lihat khususnya dalam pembangunan sukan negara dengan melahirkan atlet negara bertaraf dunia walaupun mereka masih di bangku sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa orang pelajar Malaysia dari Sekolah Sukan Malaysia (SSM) telah mewakili negara dan mengukir nama di peringkat dunia. Seramai lima orang atlet dari Sekolah Sukan Malaysia (SSM) layak bertanding dalam Sukan Olimpik Beijing 2008 yang telah diadakan pada 8 hingga 24 Ogos 2008. Pelajar-pelajar tersebut ialah Brian Nickson anak Lomas dari sukan terjun, Elizabeth anak Jimmy dari sukan terjun, Pandalela Rinong anak Phang juga dari sukan terjun, Koh Chye Lin dari sukan renang dan Mohd. Azizul Hasni bin Awang dari sukan berbasikal. Manakala dalam Sukan Remaja Komanwel kali ketiga yang telah diadakan di Pune India pada 12 -18 Oktober 2008, dua orang pelajar dari Sekolah Sukan Malaysia telah meraih pingat emas dalam acara sukan beregu badminton.

Mereka ialah Ow Yau Han dan Yew Hong Kheng. Di samping itu, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah menyerlahkan bakat-bakat melalui murid-murid pendidikan khas khususnya dalam bidang sukan. Pencapaian yang membanggakan dalam Sukan Para Asean IV di Korat, Thailand pada Mac 2008 adalah dalam acara olahraga, catur dan renang. Melalui acara olahraga, Malaysia telah memperoleh pingat emas dalam acara 100 meter, 200 meter, 400 meter, 4 x 100 meter, 4 x 400 meter, lompat jauh dan lontar peluru.

Tuan Yang di-Pertua, KPM juga mempunyai murid-murid yang berjaya di peringkat antarabangsa dalam bidang-bidang yang lain iaitu seperti reka cipta dan robotik. Di antara kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2008 adalah mendapat pingat emas, perak dan gangsa di pertandingan *World Robotic Olympiad* yang telah diadakan di Yokohama, Jepun. Murid-murid juga telah mendapat pelbagai kejayaan dalam pertandingan *The International Exhibition For The Young Inventors Di Taiwan*, *Intel International Science And Engineering Fair* di Amerika Syarikat, *International Chemistry Olympiad* di Hungary, *International Mathematics Olympiad* di Sepanyol dan *International Physics Olympiad* di Vietnam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Azian.

**Dato' Azian Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan. Sekarang, tahniahlah ke atas kejayaan tersebut. Akan tetapi di dalam keadaan sekarang ini, kita lihat di samping cemerlangnya pelajar-

pelajar kita, kita lihat ramai juga pelajar kita yang pada peringkat awalnya cemerlang tetapi kemudiannya prestasi mereka merosot malah kalau mereka keluar negara kita lihat ada pelajar-pelajar kita yang hilang semangat kenegaraannya.

Malahan ada juga yang kadangkala sudah terlupa bahasa Melayu. Bercakap bahasa Melayu berleenggokkan Inggeris, kita sering kali terjumpa. Jadi soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah kementerian di peringkat awal untuk membentuk pelajar-pelajar ini menjadi seorang warganegara Malaysia yang ke mana pergi pun tetap orang Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Seperti kata pepatah Melayu, di mana *'bumi dipijak, di situ langit dijunjung'*. Sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia baik di Sekolah Sukan Malaysia ataupun di sekolah biasa, sama ada kita melahirkan atlet ataupun kita melahirkan pelajar pintar, baik dari segi akademik ataupun kokurikulum, kita sentiasa berpegang kepada satu prinsip iaitu Falsafah Pendidikan Negara di mana kita mengutamakan ciri-ciri identiti atau jati diri Malaysia. Jadi saya rasa itu tidak dilupakan.

Sebagai contoh, di sekolah sukan, sama ada di Bandar Penawar ataupun di Sekolah Sukan di Bukit Jalil, salah satu mata pelajaran teras ialah kita sentiasa bukan sahaja mengikuti *syllabus* yang lebih fleksibel kepada atlet malahan pengukuhan dari segi jati diri itu memang ada pada *syllabus* kita.

Ini bermakna mereka tidak lupakan daratan. Mereka masih lagi di bumi Malaysia dan saya yakin apabila mereka mewakili Malaysia nanti, mereka akan mengharumkan nama Malaysia dengan semangat patriotik yang begitu kuat. Bagi mereka yang mengambil bahagian dalam pertandingan di peringkat akademi, saya yakin mereka adalah pelajar yang pintar dan apabila mereka berjaya nanti di arena masing-masing, saya rasa mereka tidak lupa mereka ini anak didik Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Tuan Haji Muhamad Yusof dan selepas itu Datuk Wira Syed Ali.

#### ■ 1020

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan saya di mana negara kita pernah kagum dan terkenal dengan kebolehan seorang pelajar yang genius ataupun pintar. Kalau tidak silap saya yang bernama Sufiah Yusof yang telah berjaya di umur yang masih muda masuk di salah sebuah universiti di England yang akhirnya pelajar ini terlibat dengan gejala sosial sehingga terjun ke lembah pelacuran yang kembali mengaibkan nama kita, negara kita Malaysia.

Pertanyaan saya apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memantau pelajar-pelajar yang pintar seperti ini agar kejadian yang seumpama itu tidak akan berulang lagi, terima kasih?.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji. Sebenarnya ia satu soalan yang amat baik. Apabila kita melihat dalam konteks Malaysia apabila kita sebut nama pelajar Malaysia tidak semestinya pelajar itu dibesarkan, dididik di Malaysia. Ada perbezaan.

Kalau itu warganegara Malaysia mungkin menerima peringkat awal di negara lain. KPM hanya bertanggungjawab ke atas pelajar-pelajar yang menuntut di sini, itu yang pertama.

Kedua, bagaimana cara kita memastikan mereka sentiasa menjaga imej negara. Kalau di Malaysia kita ada satu Program Pintar Cerdas kepada mereka yang memang dianggap sebagai *gifted child*. Jadi kita memang ada satu siri program dengan pakar-pakar daripada universiti dan memang mereka ini gelar sebagai anak-anak yang memerlukan pendidikan khas. Maka kita akan memberi bimbingan profesor secara seorang berdepan dengan seorang pelajar. Itu adalah dari segi mendidik bukan sahaja penjagaan emosi tetapi juga dari segi akademiknya, itu pertama. Kes spesifik seperti Sufiah memang di Malaysia kita ada MSD, *Malaysian Students Department*.

Walaupun tidak di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi tetap ianya memantau gerak geri pelajar kita di luar negara. Itu memang ada dalam sistem kita tetapi ianya tidak terletak di bawah Kementerian Pelajaran ini. Dengan erti kata yang lain sebenarnya bagi pelajar-pelajar yang dihantar oleh Malaysia ke negara lain, saya yakin ianya akan mempunyai satu mekanisme untuk kita mengawas. Sebagai contoh seorang pelajar pintar yang mendapat 17A, Nur Amalina dari Ulu Tiram, Johor. Beliau sedang menuntut di sebuah universiti terkemuka di London.

Saya yakin beliau dipantau oleh MSD dan ini adalah produk Malaysia dan saya yakin setiap gerak geri itu dipantau oleh MSD. Kecualilah kalau ibu bapa mereka yang telah menetap di negara lain bermakna atas nama warganegara Malaysia dan terpulang kepada pihak individu sama ada mereka mempunyai hubungan rapat dengan MSD. Itu memang di luar kawalan kita, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Wira Syed Ali.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ucapkan setinggi tahniah kepada pihak kementerian yang telah berjaya melahirkan ramai pelajar-pelajar kita. Selaras dengan PIPP, apakah bentuk tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk membangunkan potensi pelajar-pelajar supaya mereka lebih menjadi kreatif dan inovatif dan berupaya mencipta berbagai nama dalam peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. Sebenarnya inovasi dan kreativiti merupakan dua komponen penting dalam PIPP. Sebab itulah dalam merangka soalan atau *syllabus* kita, oleh Lembaga Peperiksaan ataupun bahagian yang mereka bentuk tentang kurikulum kita. Ada dua pendekatan yang digunakan.

Pertama, ianya bersifat kepada *innovative thinking*. Setiap kandungan yang perlu kita ajar di sekolah pastikan ianya tidak secara *spoon feed*. Kita tidak bagi begitu sahaja, kita menggalakkan lebih banyak *innovative thinking*, itu yang pertama dengan izin. Keduanya, Yang Berhormat sebenarnya kita melihat dalam alam pembelajaran sekarang. Pelajar-pelajar memang digalakkan banyak berfikir daripada mereka menerima daripada guru.

Maka hubungan dua hala ini sebenarnya kita jalinkan, bukan sahaja sekadar kurikulum, kokurikulum juga kita galakan. Sebagai contoh kita ada *F1 in school* yang mana ianya merupakan

satu pertandingan robotik. Malaysia ini kita mempunyai 20,000 peserta setiap tahun untuk menyertai acara saringan sampailah mereka mewakili Malaysia. Saya rasa komponen yang paling penting ialah mereka dapat mencipta IC ataupun cip yang terbaik untuk yang paling laju untuk mereka bertanding. Saya rasa ini memerlukan kreativiti dan inovasi dari segi mereka menguasai ilmu pengetahuan. Saya rasa itu antara contoh yang boleh saya berikan kepada Yang Berhormat datuk. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Wan Nordin bin Che Murat.

**3. Dato' Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengenai pemotongan mandatori caruman pekerja Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 11% diturunkan sebanyak 3% menjadi 8% akan dapat menambahkan pendapatan boleh guna pekerja dan perkara ini membuatkan seseorang individu itu bersikap boros dan apakah impak terhadap masa hadapan seseorang individu jika mereka tidak lagi bekerja dan hanya bergantung kepada Wang KWSP pada hari tua nanti.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja boleh memilih untuk mengekalkan bayaran kepada 11% dengan mengisi borang 17A. Potongan akan mula dibuat pada 1 Januari 2009. Mengenai dengan sama ada selepas mereka pencen nanti, mereka mampu untuk menyara hidup kita ada satu kajian khusus dibuat tapi secara kasar kalau kita gunakan dividen, kita gunakan pencen minimum dibayar oleh kerajaan sebanyak RM720 bermakna apabila tiba umur 55 tahun, pencarum boleh mengeluarkan sebanyak RM120,000.

Kalau letak dalam ASN, ASB dapat tujuh peratus atau lapan peratus akan dapat lebih kurang RM700 lebih sebulan. Jadi impak daripada potongan sebanyak tiga peratus tersebut untuk mencapai RM120,000 pencarum perlu simpan lebih kurang RM100 sebulan. Kalau RM100, tiga peratus RM30. RM30 kali 12, jadi RM320 kali dua tahun kerana ini untuk tempoh dua tahun RM720. Saya percaya RM720 itu tidak menjejaskan RM120,000.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Wan Nordin.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah kajian kerana kita tahu dengan pengurangan pemotongan ini bermakna sumber dana yang akan dilaburkan di dalam kegiatan ekonomi negara ini dikurangkan. Sejauh manakah impak atau kesannya terhadap satu, kawalan inflasi, dua, pelaburan yang tidak boleh digunakan lagi sebanyak tiga peratus ini bagi meningkatkan kegiatan ekonomi negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ambil secara agregat jumlah yang terlibat dalam sebanyak RM2 bilion lebih kurang. RM2 bilion bermakna dari segi KWSP mereka akan kekurangan sebanyak RM2 bilion untuk aktiviti pelaburan, tetapi kita mesti lihat dalam konteks ekonomi negara yang sekarang ini berhadapan dengan suasana ekonomi global yang begitu dahsyat. Kita lihat Amerika Syarikat umpamanya sekarang *resection*

0.5%, Jepun *resection*, Singapura *resection*. Jadi dengan RM2 bilion kalau dibelanjakan masuk dalam pasaran, permintaan agregat daripada sektor swasta akan meningkat.

Kita lihat dari segi GDP ada dua *perception*. Satu dari segi sektor ekonomi, satu dari segi permintaan dan pelaburan. Kita lihat dari segi sektor permintaan dan pelaburan, penggunaan sektor swasta adalah 8.1% pada suku tahun ketiga. Inilah sebenarnya antara sebab yang ekonomi kita masih lagi dapat dipertahankan sehingga pada suku tahun ketiga sebanyak 4.27%. Dijangka pada tahun ini tidak sukar untuk kita memperoleh 5%. Jadi kesannya begitu besar. Kalau kita ambil pula kalau ekonomi kita jatuh, pencarum KWSP akan terjejas, kerajaan macam di Amerika sejuta lebih yang dibuang kerja di Singapura pun ramai.

#### ■1030

Jadi maknanya kesan RM2 bilion ini kepada ekonomi adalah kesan yang besar untuk memberi *impetus* kepada mempertahankan ekonomi kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya dapat lihat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin sudah banyak kali berdiri tadi. Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut ... penurunan pemotongan KWSP dari sebelas peratus kepada lapan peratus. Sehubungan itu, tidakkah kementerian bercadang untuk meminda Akta KWSP untuk mewajibkan majikan-majikan mencarum pada KWSP kepada pekerja-pekerja kontrak dan sambilan? Pekerja-pekerja tersebut ialah seperti pengarah filem, pelakon filem, penyanyi, penggubah dan juga karyawan filem yang sekarang ini tidak dapat mencarum kepada KWSP kerana mereka tidak bekerja tetap. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Perkara ini perlu kajian terlebih dahulu. Saya tidak mempunyai maklumat bentuk kajian sedang dilakukan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa jumlah caruman terkumpul yang dibuat oleh KWSP hasil daripada potongan kepada pekerja-pekerja ini amatlah banyak. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberitahunya tapi saya ingin penjelasan yang lebih lanjut kepada dua perkara.

Pertama, apakah pihak KWSP ataupun Kementerian Kewangan telah melabur dalam bidang-bidang yang lain? Kalau ada apakah bidangnya? Keduanya apakah usaha ataupun insentif baru yang dibuat oleh KWSP bagi menjamin masa depan pekerja mendapat perkara-perkara yang lebih baik daripada sifat-sifat tradisional dan juga konservatif pemberian balik yang dibuat oleh KWSP ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, yang penting pada masa ekonomi sekarang ini ialah mempertahankan *Internal Rate of Return* (IRR). Ini adalah supaya ia stabil dan pihak KWSP dapat membayar dividen yang tinggi kepada pekerja. Kalau kita lihat dividen KWSP telah meningkat kepada lima peratus lebih pada tahun lalu. Dari segi bentuk pelaburan KWSP sekarang ini saya anggap lebih konservatif kerana mereka tidak mahu *exposure* dalam risiko yang begitu tinggi. 30.8% dalam bentuk *security* Kerajaan Malaysia, pinjaman dan

bon 39.9%, ekuiti 23.4%, instrumen pasaran wang 5.4%, hartanah 0.5%. Itu merupakan bentuk pelaburan dan buat masa ini sepertimana yang saya nyatakan dalam keadaan ekonomi sekarang KWSP tentunya mahu meminimumkan risiko dari segi pelaburan. Di samping itu, mereka bercadang untuk mengadakan *venture* pelaburan yang lebih kreatif dan lebih berisiko tinggi.

**4. Dato' Wong Siong Hwee** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, statistik Rumah Orang Tua dan penghuninya sehingga November 2008. Adakah bilangannya mencukupi untuk menampung tuntutan semasa dan cabaran proses penuaan populasi negara masa depan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Wong. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kini mengendalikan 11 buah Rumah Orang Tua iaitu sembilan buah institusi warga tua yang dikenali sebagai Rumah Sri Kenangan dan dua buah institusi untuk pesakit melarat yang dikenali sebagai Rumah Ihsan. Jumlah penghuni yang berada di Rumah Orang Tua milik kerajaan pada masa ini adalah seramai 2,028 orang.

Di samping itu, juga jabatan ada bekerjasama dengan Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia (MPKSM) untuk memberi perkhidmatan dengan menyediakan Rumah Sejahtera sebanyak 103 buah di seluruh negara yang mempunyai penghuni seramai 925 orang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun populasi negara sedang mengalami penuaan dasar semasa berkaitan warga emas masih lagi menggalakkan mereka untuk tinggal bersama dengan keluarga dan tidak tersisih dari komuniti. Kementerian melalui JKM menyediakan bantuan kewangan seperti bantuan orang tua kepada warga emas yang berada di dalam kategori yang berkeperluan. Kementerian menggalakkan kempen-kempen kesedaran untuk mengutamakan keluarga termasuk untuk tidak mengabaikan warga emas dan menerapkan nilai-nilai tanggungjawab anak-anak terhadap orang tua masing-masing. Langkah menyediakan perlindungan dan penjagaan di rumah orang tua adalah pilihan terakhir untuk warga emas.

Dalam konteks ini, kementerian dapati bilangan rumah orang tua sedia ada adalah mencukupi dan memadai kerana terdapat juga rumah orang tua yang dikendalikan oleh badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO dan institusi persendirian. Bagi menjayakan dasar ini Yang Berhormat, JKM juga bekerjasama dengan MPKSM menyediakan 19 buah Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PGHWE) di seluruh negara. Ini bagi membolehkan warga emas yang tinggal bersama keluarga untuk menjalani aktiviti harian sesama rakan seusia semasa anak-anak ataupun yang menjaga mereka keluar bekerja. Bilangan pusat jagaan harian warga emas ini akan bertambah bilangannya sekiranya terdapat keperluan dengan jumlah kewangan yang ada. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selepas itu, Puan Hajah Wan Ramlah.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Soalan tambahan saya ialah apakah perancangan kerajaan untuk menangani masalah negara yang warganya mengalami proses penuaan atau negara tua menjelang tahun 2035? Sekian, terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang saya kira tidak ramai tahu bahawa negara sedang menuju sebuah negara tua menjelang tahun 2035. Jika mengikut takrifan *World Assembly on Ageing* dengan izin warga emas ini ditakrifkan kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Tuan Yang di-Pertua, Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa bilangan warga emas kita pada tahun 2000 adalah seramai 1.4 juta orang lebih kurang 6.3%, menjelang tahun 2020 seramai hampir 10% dan menjelang tahun 2035 akan mencecah 15%. Di samping itu, mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sekiranya negara mempunyai warga emas menjangkau 15% ianya digolongkan sebagai negara tua.

Perancangan yang dibuat oleh kerajaan untuk menghadapi proses penuaan ini Yang Berhormat, di antaranya kita ada menggubal Dasar Warga Tua Negara dan juga pelan tindakan warga tua negara pada tahun 1995. Hari ini mengikut keperluan dan peredaran semasa kerajaan ataupun kementerian sedang bekerjasama dengan Institut Gerontologi UPM untuk mengkaji semula dasar ini dan kita jadikan DWEN ataupun Dasar Warga Emas Negara yang kita jangka akan dapat kita muktamadkan menjelang Julai 2009. Mengambil masa lebih kurang satu tahun daripada Julai 2008.

Selain daripada itu Yang Berhormat, bagi menghadapi negara tua ini kerajaan mempunyai perancangan menaik taraf dan membina baru Rumah Sri Kenangan dan pusat jagaan harian warga emas untuk keselesaan warga emas sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan juga projek naik taraf untuk sembilan buah Rumah Sri Kenangan ini akan menerima peruntukan lebih RM56 juta dan juga membekal peralatan tambahan kepada rumah warga emas sebanyak lebih RM7 juta. Ini adalah bertujuan menaik taraf ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang lebih ceria untuk warga emas kita. Justeru, sebagai tempat interaksi sosial di antara mereka supaya warga emas ini juga dapat mengembangkan potensi yang ada di dalam diri mereka. Di samping itu, ia juga untuk mengelakkan kesunyian yang boleh memberi kesan psikologi yang negatif. Ini kerana melalui kajian yang pernah dibuat oleh LPPKN sebanyak lebih 50% daripada warga emas yang tinggal bersendirian ataupun ditinggal semasa anak-anak bekerja ini masalahnya adalah kesunyian.

■1040

Jadi pusat jagaan harian warga emas kita yang ada setakat ini 19 dengan dibantu oleh pusat-pusat jagaan swasta dan NGO ini. Insya-Allah akan memberi keselesaan dan akan memberi makna dan manfaat kepada warga emas kita supaya aktiviti-aktiviti yang lebih positif, supaya mereka tidak rasa tersisih, tidak rasa sunyi dan sebagainya dapat diatasi. Selain daripada itu juga kita mempergiatkan bantuan berbentuk geran penyelenggaraan kepada PSK ataupun Pertubuhan

Sukarela Kebajikan yang mengendalikan aktiviti dan juga institusi sama ada kediaman ataupun harian kepada kumpulan warga emas ini.

Dengan kerjasama MPKSM juga Tuan Yang di-Pertua kita menyediakan *home help services* dengan izin, iaitu lawatan secara berkala oleh sukarelawan kepada warga emas yang tinggal bersendirian di rumah dan kita menyediakan sebanyak sembilan buah van unit khidmat penyayang kita untuk membawa warga emas yang tidak mempunyai waris atau berkeperluan ini untuk menjalani rawatan-rawatan kesihatan mengikut temu janji di hospital-hospital. Itu antara sebahagiannya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Wan Ramlah binti Ahmad.

**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menyedarkan golongan anak-anak mereka untuk tidak menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua. Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Wan Ramlah. Tuan Yang di-Pertua, antara yang disebutkan di dalam Dasar Warga Tua Negara ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga emas melalui kesedaran masyarakat dan juga anak-anak supaya kita tidak menyisihkan mereka. Kita memberi bantuan satu kepada orang tua yang dinamakan bantuan orang tua sebanyak RM300 sebulan bagi membolehkan anak-anak yang mungkin tidak cukup pendapatan untuk menampung sara diri warga tua ini ataupun ibu bapa penjaga mereka ini di rumah. Kita berikan RM300 sebulan kepada yang berpendapatan di bawah RM720 sebulan untuk Semenanjung Malaysia, RM830 untuk Sarawak dan RM960 sebulan untuk Sabah.

Selain daripada itu kementerian juga sentiasa mengadakan kempen-kempen galakan kesedaran kepada anak-anak. Bukan sahaja modul keibubapaan ataupun di dalam bahtera kasih tetapi juga modul tanggungjawab anak-anak terhadap orang tua terutamanya orang tua kita sendiri selain daripada prihatin kepada warga emas yang lainnya di dalam kalangan masyarakat. Kementerian juga pernah mengadakan kempen mengutamakan keluarga, utamakan keluarga iaitu antaranya *Semakin Hari Semakin Sayang* pada tahun 2003 dengan mengadakan program-program dan juga papan-papan tanda berbentuk *billboard* dan sebagainya juga untuk memberi kesedaran kepada kita anak-anak muda dan juga masyarakat untuk memberi perhatian kepada warga emas ini.

Walaupun banyak yang telah dibantu oleh kerajaan termasuk penyediaan rumah orang tua dan sebagainya tetapi itu tidak bermakna kita menggalakkan anak-anak untuk mengabaikan tanggungjawab terhadap orang tua masing-masing terutamanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dirancang oleh kementerian untuk menarik perhatian minat persatuan-persatuan belia-beliawanis supaya menyertai program-program kementerian setakat ini:

- (a) berapakah jumlah persatuan belia India telah berdaftar di bawah kementerian dan berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada persatuan mereka pada tahun 2008; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan kaunselor (*counselor*) di setiap daerah supaya menarik perhatian warga muda menyertai program kementerian.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

- (a) Keperluan untuk mendaftar Persatuan Belia dengan pendaftaran pertubuhan belia di bawah KBS mula berkuat kuasa apabila Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dikuatkuasakan pada 31 Disember 2007. Bagi persatuan yang telah berdaftar di bawah pendaftaran pertubuhan, ia telah diberi tempoh masa selama 12 bulan untuk memohon bagi didaftarkan di bawah akta ini. Sehingga 26 November 2008, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan telah meluluskan pendaftaran 86 Persatuan Belia India sementara 139 permohonan lagi masih dalam proses untuk didaftarkan.

Jumlah keseluruhan permohonan pendaftaran daripada Persatuan Belia India adalah sebanyak 202 dan daripada jumlah tersebut 77 adalah permohonan pendaftaran baru sementara 125 adalah permohonan pemindahan pendaftaran daripada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan. Sementara itu jumlah bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada Persatuan Belia India bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM981,400.

Untuk menjawab bahagian,

- (b) Memang menjadi hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk menyediakan perkhidmatan pemudah cara dengan pendekatan kaunseling di Pejabat Belia dan Sukan Daerah serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri.

Atas dasar tersebut, bermula pada tahun 2008, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil inisiatif bagi melatih pegawai-pegawai belia dan sukan seluruh negara dengan pendekatan kaunseling menerusi kursus asas kaunseling. Melalui kursus ini, semua pegawai yang terlibat akan didedahkan dengan kemahiran kaunseling seperti ke fahaman kaunseling, keperluan perkhidmatan, teori dan proses kaunseling. Kemahiran komunikasi dalam kaunseling dan kaunseling individu dan kaunseling kelompok. Sebanyak 17 siri telah dilaksanakan di 12 buah negeri dan lima siri lagi akan dilaksanakan oleh tiga negeri iaitu

Selangor, Terengganu dan pada 15 hingga 18 Disember 2008 dan Negeri Sembilan akan dilaksanakan pada 16 dan 19 Disember 2008.

Selain daripada itu pada tahun ini juga Kementerian Belia dan Sukan telah menjalankan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi melaksanakan program diploma psikologi dalam bidang kaunseling kepada pegawai belia dan sukan seluruh negara. Pegawai yang terlibat akan dibiayai sepenuhnya sepanjang tempoh pengajian seramai 30 orang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Rawisandran selepas itu Puan Usha.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang lengkap. Saya hendak tanya satu soalan tambahan sahaja, berapakah jumlah kaunselor kaum keturunan India yang sedia ada di Pejabat Belia dan Sukan di seluruh negara?

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kaunseling ini tadi saya sudah katakan itu, Kementerian Belia dan Sukan diadakan di semua jabatan ataupun Pejabat Belia dan Sukan daerah ataupun Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Maknanya kita tidaklah menentukan siapa yang akan jadi kaunseling yang penting ialah di semua peringkat di semua kawasan. Jadi setakat ini saya tidak ada maklumat berapa bilangan kaum India yang menjadi kaunseling tetapi kita harap semua pegawai terutama di Jabatan Belia dan Sukan Negeri mahupun daerah, kita akan bantu dan beri peluang kepada mereka sekiranya mereka minat dan mereka menjalankan tugas dengan lebih sempurna dan boleh memanfaatkan kepada belia-belia kita. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi bermakna pintu sentiasa terbuka untuk sesiapa sahaja. Silakan Puan Usha.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah pihak kementerian mempunyai program-program khas bagi golongan beliawanis memandangkan golongan wanita muda mempunyai keperluan mereka yang tersendiri dan juga bagaimanakah pihak kementerian memantau program-program kementerian bagi memastikan ianya benar-benar sesuai dengan kehendak generasi muda hari ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini soalan tambahan daripada Ahli Dewan Negara yang paling muda sekali.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Selama ini Kementerian Belia dan Sukan tidak mengamalkan siapa belia atau beliawanis, semuanya belia.

#### ■1050

Jadi kita akan ambil berat kepada semua belia dan beliawanis, yang penting ialah adakah belia dan beliawanis kita mempunyai sikap yang positif atau pro aktif untuk mengambil bahagian dalam segala program yang dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan. Kemungkinan balik kepada terutama berkaitan dengan soalan belia India ini, selama ini kita Kementerian Belia dan

Sukan tidak pernah mengamalkan apa-apa polisi yang menentukan adakah ada kuota ke ataupun ada agihan peruntukan pada sesuatu kaum, semuanya terbuka.

Jadi buat masa kini Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil inisiatif di mana baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri kita pun dah umumkan semasa bajet di Dewan Rakyat di mana meneruskan satu jumlah peruntukkan yang besar untuk membolehkan semua golongan lapisan belia kita membolehkan mereka menjalankan aktiviti dengan mengikut cita rasa mereka.

Jadi kita mengadakan suatu, memperkenalkan suatu program wawasan desa di mana termasuklah di kampung-kampung baru Cina, di estet-estet belia-belia India termasuk Orang Asli dan lain-lain, di mana mereka akan diberi peluang di mana membentuk satu jawatankuasa belia di antara umur 15 hingga 25 tahun dan mereka ini boleh merancang menjalankan aktiviti-aktiviti mengikut keperluan, mengikut cita rasa masing-masing dan Kementerian Belia dan Sukan akan menyalurkan dana pada mereka untuk menjalankan aktiviti.

Jadi kita harap yang terutama Yang Berhormat juga bantulah kita supaya merealisasikan program yang kita dah selama ini begitu. Itu satu hasrat kerajaan untuk membentuk serta membimbing belia kita ke arah yang lebih berkualiti pada masa depan untuk kebaikan negara kita, sekian

**6. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:

- (a) apakah kaedah menghalang salah guna maklumat peribadi di dalam Internet dari dijual atau digunakan oleh pemasar barangan langsung atau pengiklanan; dan
- (b) apakah mencukupi perlindungan peribadi melalui undang-undang atau "*privacy law*" dalam menangani dunia siber hari ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:**

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat bin Yusop atas pertanyaan yang dikemukakan.

- (a) Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak terdapat sebarang kaedah atau cara yang terbukti dapat menghalang maklumat peribadi disalah guna melalui Internet oleh pemasar barangan langsung atau pengiklanan seperti kiriman lembar iklan melalui pos bagi tujuan mempromosikan barangan atau perkhidmatan di pasaran.  
Tambahan pula dengan dunia Internet yang merentasi sempadan maka aliran maklumat secara terbuka melalui rangkaian elektronik telah menyukarkan tindakan diambil ke atas individu yang terlibat dalam salah guna maklumat peribadi sekiranya ia dilakukan di luar negara. Menyedari pentingnya perlindungan data peribadi pengguna-pengguna di era digital kementerian telah menggubal Rang Undang-undang

Perlindungan Data Peribadi atau RUUPDP yang telah dimuktamadkan dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada awal tahun 2009.

RUUPDP menekankan bahawa setiap data peribadi yang hendak digunakan untuk apa jua perkara yang melibatkan transaksi komersial mestilah memperoleh kebenaran daripada individu terbabit. Selain daripada itu tujuan data peribadi itu diperoleh hendaklah dinyatakan secara jelas dan terperinci. Tindakan denda dan penjara boleh diambil ke atas mana-mana pengguna data yang gagal mematuhi undang-undang ini apabila ia dikuatkuasakan kelak.

Selain daripada itu kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM telah mewajibkan semua pemberi perkhidmatan untuk mematuhi Kod Amalan Am Pengguna untuk industri komunikasi dan multimedia Malaysia yang dibuat pada tahun 2003 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998. Kod Amalan Am Pengguna tersebut memperuntukkan mengenai perlindungan data maklumat peribadi pelanggan perkhidmatan komunikasi dan multimedia di Malaysia. Secara amnya, pemberi perkhidmatan dibolehkan mendapat dan menyimpan maklumat peribadi pelanggan-pelanggan mereka bagi tujuan rekod. Pemberi perkhidmatan tidak boleh memberi atau berkongsi maklumat peribadi para pelanggan dengan pihak lain tanpa persetujuan daripada pelanggan-pelanggan berkenaan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, pendekatan perundangan boleh melindungi penggunaan maklumat peribadi di dalam Internet. Pada masa yang sama, perlindungan maklumat peribadi berkait rapat dengan sistem keselamatan rangkaian yang mantap dan mampu menghalang sebarang serangan siber. Akta sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Tandatangan Digital 1997 boleh membantu pengguna dalam menjamin keselamatan maklumat terutamanya yang melibatkan transaksi elektronik.

Terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang tepat serta menyeluruh pada soalan saya. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang pada masa yang akan datang ini untuk mewujudkan satu unit penguat kuasa oleh kementerian itu sendiri yang memantau kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang yang dimaksudkan, terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan pertanyaan adakah kementerian mencadangkan menubuhkan satu unit untuk penguatkuasaan ke atas undang-undang tersebut, jawapannya, ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian ini sedang meninjau bagaimana kita boleh menguatkuasakan rang undang-undang yang akan dibentangkan itu dan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi adalah yang dicadangkan untuk memantau penguatkuasaan undang-undang yang akan dikuatkuasakan kelak. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapakah jumlah kes yang telah diterima oleh kementerian yang melibatkan kes-kes berkenaan dengan penyalahgunaan maklumat peribadi dalam Internet dan yang kedua adakah rang undang-undang yang akan diperkenalkan ini akan memberikan kesan dan efek kepada pengguna-pengguna yang telah pun terlibat dengan kes-kes yang sedemikian, adakah akta ini akan memberikan hak yang sama kepada mereka. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Senator Hajah. Berkenaan dengan pertanyaan yang pertama iaitu berkenaan adakah saya mempunyai data-data berkenaan dengan penyalahgunaan, minta maaf Yang Berhormat saya tak ada data yang terperinci buat masa ini. Saya mengharapkan pejabat saya akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Satu lagi berkenaan dengan adakah rang undang-undang ini akan dikenakan kepada pengguna-pengguna yang telah menyalahgunakan, yang ini saya pun tak berapa pasti adakah ianya dapat *effectively retrospectively*. Jadi mengikut macam mana rang undang-undang itu di *draft* dan dirangka.

■1100

Saya percaya pesalah-pesalah yang sedia ada boleh dikenakan tindakan undang-undang dengan memakai undang-undang sedia ada, tidak payah kita ingatkan macam mana mereka boleh dirangkumkan dalam rejim yang baru apabila perundangan yang baru akan dapat dimuktamadkan. Terima kasih.

7. **Dato' Ir. Hiang A Li** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah tujuan bagi memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi program tanam semula kelapa sawit secara kelompok. Adakah program ini telah dilancarkan dengan jayanya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan melancarkan skim insentif tanam semula kelapa sawit dengan peruntukan dana sebanyak RM200 juta bagi menstabilkan harga minyak sawit di pasaran, di samping meningkatkan produktiviti. Skim Insentif Tanam Semula Kelapa Sawit adalah satu skim tanam semula secara sukarela.

Skim ini menyediakan insentif sebanyak RM1,000 bagi setiap hektar penebangan pokok kelapa sawit yang berumur 25 tahun ke atas. Sasaran SITS 2008 adalah untuk menanam semula kawasan kelapa sawit seluas 200,000 hektar dan mengurangkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 700,000 tan setahun.

Pengurangan pengeluaran ini akan menyumbangkan kepada penurunan paras stok minyak sawit dan seterusnya akan membantu peningkatan harga minyak sawit di pasaran. Skim

ini akan dilaksanakan mulai 1 Disember 2008 - bererti sudah mula dan terbuka kepada semua estet dan pekebun kecil kelapa sawit termasuk peneroka. Peserta di rancangan kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi kerajaan negeri yang mempunyai lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia berdasarkan *first come, first serve basis*. Skim ini akan dilaksanakan oleh MPOB.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, skim ini pernah dilaksanakan pada tahun 2001 dan terbukti berjaya meningkatkan harga minyak sawit dari RM894.50 setan kepada RM1363.50 setan dan pada tahun 2003 pula purata harga minyak sawit yang telah meningkat ke paras RM1544.50 setan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Ir. Hiang A Li, selepas itu Dato' Dato' Yip Kum Fook.

**Dato' Ir. Hiang A Li:** Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya. Memandangkan semasa semua peladang kelapa sawit termasuk dengan izin, *smallholder* mengalami masalah yang besar dari segi kerugian untuk mengusahakan ladang kelapa sawit kerana harga jualan pada masa ialah hanya RM200 dan kos penghasilan lebih kurang RM300 setan.

Jadi ini memandangkan kerugian yang besar mereka kemungkinan besar akan berhenti. Ini akan menjejaskan industri kelapa sawit dan juga pengekspornan ke luar negara dan ini adakah skim yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mencukupi untuk men *stabilize* kan harga dan dapat membantu semua peladang kelapa sawit di negara kita. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat dengan harga pasaran CPO; kalau saya bagi tahu harga CPO hari ini ialah RM1580 dan kosnya adalah dalam anggaran RM1100 sehingga RM1200 setan. Jadi kebanyakan pekebun-pekebun memang mereka mendapat keuntungan yang amat kecil dan memang beberapa langkah telah pun diambil bukan sahaja Skim Penanaman Semula; sebaliknya memang kementerian telah memperkenalkan konsep-konsep lain.

Antaranya ialah penggunaan minyak sawit diadunkan dengan *fossil fuel* dengan izin, sebanyak 5%. Jadi semalam kementerian saya telah pun melancarkan bio diesel ester di mana kita akan menggunakan *methyl esters* dari sawit dianggarkan dengan B5 ini yang dianggarkan kalau semua kenderaan menggunakan secara sepenuhnya. Sebab buat masa ini kita hanya jadikan sebagai mandatori untuk kenderaan-kenderaan kerajaan.

Sekiranya semua menggunakan, maka kami percaya akan dapat memerlukan sawit sebanyak kira-kira 500,000 tan dengan menggunakan B5 sebagai mandatori di negara kita. Selain daripada itu, untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil di mana duti import bagi *fertilizer* atau baja telah dihapuskan. Di samping itu, sebanyak 15% daripada harga *fertilizer* ini akan dikurangkan tidak lama lagi. Jadi ini merupakan langkah-langkah yang diambil untuk menstabilkan harga sawit di negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Dato' Yip Kum Fook.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat seorang Timbalan Menteri yang sangat baik dalam perkara ini. Pertanyaan tambahan saya, pokok kelapa sawit ini jangka hayat lebih kurang 25 tahun kalau mengikut timbalan menteri cagak semalam.

Apakah tempoh pokok ini mempunyai pengeluaran yang tertinggi dan terendah, apakah dia punya tempoh dan apakah insentif? Misalnya seperti subsidi padi yang ada sekarang ini boleh menggalakkan pekebun kita ini masih tinggal terus berusaha dalam pengeluaran hasil ini supaya mereka tidak tinggalkan dalam *production* ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Dato'. Sebenarnya kalau kita lihat jangka hayat pokok kelapa sawit adalah memang betul iaitu 25 tahun. Akan tetapi pada tahun pertama hinggalah tahun ketiga boleh dikatakan tiada apa-apa pulangan.

Namun, tahun ketiga sehinggalah tahun ke-15 merupakan tahun kita boleh nampak ada peningkatan dalam pulangan ataupun *yield*. Jikalau kita lihat dia punya jangka hayat sehingga 25 tahun ini selepas 15 hingga 20 tahun itu *yield* itu akan mula berkurangan. Kalau kita lihat *yield* paling tinggi adalah lebih kurang 35 tan per hektar dan paling rendah kita boleh lihat iaitu ada 10 tan per hektar.

Jadi tempoh yang paling kita kata / *mean* mendapat pulangan yang banyak ialah dari 15 tahun sehinggalah 25 tahun. Ini tahap yang memang bagus. Jadi kalau kita lihat ramai pekebun ataupun ladang-ladang besar, mereka mengatakan mereka tidak dapat pulangan yang banyak terutamanya dengan kejatuhan harga yang secara mendadak ini adalah disebabkan oleh mereka mempunyai pokok-pokok yang muda. Contohnya kalau kita lihat lebih kurang 36% pokok sawit adalah kurang daripada enam tahun.

▪ **1110**

Jadi ini menyebabkan pulangan atau *yield* yang begitu rendah. Contohnya kita boleh lihat di negeri Sarawak. Negeri Sarawak hanya 2% sahaja yang lebih 25 tahun dan lebih 80% adalah kurang daripada sembilan tahun. Jadi, mereka memang mempunyai kos yang begitu tinggi terutamanya kalau kita ambil kos baja dan sebagainya. Hari ini kos baja merupakan yang paling besar iaitu lebih kurang 60% daripada keseluruhan kos. Jadi inilah yang kita boleh lihat tahap pengeluaran tetapi ada juga yang masih mempunyai pokok yang berusia 26 tahun-27 tahun. Jadi apabila harga agak tinggi di pasaran, mereka tidak mahu menjalankan kerja-kerja *re-planting* ataupun penanaman semula. Jadi inilah masanya untuk mereka menjalankan kerja-kerja penanaman semula ini.

Jadi kita memberikan insentif untuk mereka menanam. Di samping itu, Agro Bank juga memberikan pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil ini untuk membeli baja dan membeli *chemical* dan sebagainya di mana mereka memberi bantuan tak silap saya lebih kurang RM6,000 bagi per hektar. Jadi ini menunjukkan ada pihak yang membantu. Di samping itu MPOB juga menyediakan anak benih berkualiti tinggi. Jadi, melalui Skim Anak Benih Berkualiti Tinggi, jadi pekebun-pekebun ataupun peladang boleh menanam dengan klon-klon yang baik ataupun pokok-pokok sawit yang berkualiti tinggi. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Usha Nandhini a/p S.Jayaram.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya nombor 8, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran guru-guru dan juga para pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Bangi dan juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) West Country. Selamat datang... [*Tepuk*]

**8. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) status penempatan semula penduduk di kawasan-kawasan setinggan sekitar Kuala Lumpur; dan
- (b) sejauh manakah usaha pihak kementerian dalam memastikan rumah pangsa kos rendah yang dibina di Kuala Lumpur mempunyai prasaran yang lengkap serta mengambil kira isu sensitiviti budaya dan agama masyarakat yang berbilang bangsa.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Berdasarkan bancian yang telah dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1998 dianggarkan terdapat lebih kurang 23,970 keluarga setinggan daripada 197 buah kampung yang mendiami tanah kerajaan, agensi kerajaan serta tanah persendirian seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi menyelesaikan masalah setinggan ini, satu program telah dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1999 iaitu Program Perumahan Rakyat Bersepadu (MTEN) dengan izin. Sehingga Julai 2008, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur telah memindahkan 14,947 keluarga setinggan ke PPR dan bagi setinggan yang masih berada di tapak ialah 9,023. Walau bagaimanapun, jumlah ini dianggarkan akan berkurang menjelang penghujung tahun 2008 memandangkan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur sedang giat melaksanakan pemindahan setinggan-setinggan ini. Program Perumahan Rakyat yang telah diluluskan pembinaannya meliputi 24 buah lokasi di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah 32,762 unit, lebih kurang 115 blok. Sehingga November 2008, sejumlah 27,102 unit PPR yang telah disiapkan dan telah diserahkan kepada Dewan Bandar raya Kuala Lumpur dan baki 5,660 unit yang lain akan diterima pada tahun 2009. Status pemindahan setinggan dari tahun 1998 sehingga 2008 mengikut kawasan Parlimen adalah seperti berikut:

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan</b>
Kepong	2,155
Lembah Pantai	3,689
Segambut	2,416
Seputeh	925
Wangsa Maju	2,609
Bukit Bintang	1,531
Batu	2,654
Bandar Tun Razak	2,230
Titivangsa	1,200
Setiawangsa	1,766
Cheras	2,795

Jumlah kekosongan unit PPR sehingga November 2008 adalah berjumlah 4,747 unit. Jumlah ini tidak termasuk PPR yang masih belum diserahkan kepada Dewan Bandar raya Kuala Lumpur iaitu PPR Bukit Jalil 1, PPR Bukit Jalil 2, PPR Seri Alam Fasa 2 dan PPR Kepong. Pecahan kekosongan adalah seperti berikut;

<b>Kawasan PPR</b>	<b>Bilangan</b>
Desa Petaling	105
Raya Permai	379
Kampung Muhibah	1,095
Beringin	64
Intan Baiduri	67
Kampung Air Panas	420
Pantai Ria	525
Batu Muda	542
Kerinchi	525
Cempaka	632
Seri Malaysia	361

Jumlah keseluruhan adalah 4,747 unit yang belum diserahkan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat mewujudkan satu masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya hidup dengan penuh harmoni, pembinaan rumah kos rendah telah pun dilengkapi dengan kemudahan dan

prasarana dengan mengambil kira elemen-elemen sensitiviti budaya dan agama masyarakat yang berbilang bangsa. Antara kemudahan-kemudahan awam yang telah disediakan adalah pusat komuniti, menyediakan ruang dan kemudahan yang komprehensif untuk aktiviti sosial, pusat komputer, perpustakaan, tadika, dewan untuk majlis perkahwinan, sukan, keramaian, ruang pameran, pusat warga tua dan belia.

Gerai dan medan selera, surau, kawasan rekreasi, padang permainan kanak-kanak dan ruang untuk tempat pengurusan mayat bukan Islam. Mengenai tempat rumah-rumah ibadat untuk kaum-kaum bukan Melayu, walaupun sebelum ini beberapa kawasan perumahan PPR tidak dilengkapi dengan ruang untuk rumah-rumah ibadat bukan Islam tetapi kini kerajaan telah daripada segi dasar bersetuju untuk memperuntukkan ruang untuk rumah-rumah ibadat di seluruh Wilayah Persekutuan khususnya di kawasan PPR.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Puan Usha dan selepas itu Datuk Rizuan, Ahli Dewan Negara daripada Wilayah Persekutuan.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih. Terima kasih saya kepada Timbalan Menteri di atas jawapan Yang Berhormat yang cukup komprehensif itu tadi. Pertanyaan tambahan saya, apakah rancangan kementerian untuk mengekalkan kawasan Kampung Pandan Indian Settlement dengan izin, di kawasan Parlimen Titivangsa dan mengambil kira program Zero Setinggalan di Wilayah Persekutuan, bolehkah kerajaan membina kembali kawasan setinggalan di kawasan Kampung Pandan seperti mana yang dituntut oleh penduduknya ataupun benar penduduk-penduduk Kampung Pandan ini akan dipindahkan ke PPR Seri Alam seperti mana yang dijanjikan oleh pihak kerajaan di dalam media baru-baru ini. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan. Kerajaan juga sedar Kampung Pandan *Indian Settlement* merupakan satu-satunya kawasan yang unggul dikekalkan ataupun diwartakan sebelum kemerdekaan dan mengambil kira semua faktor-faktor dan permintaan daripada masyarakat India, kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan juga telah bersetuju daripada segi dasar untuk mengkaji membina semula kawasan *Indian Settlement* Kampung Pandan untuk penduduk di kawasan Kampung Pandan.

Walau bagaimanapun kita akan memindahkan, penempatan semula akan dibuat di mana mereka akan dipindahkan ke kawasan Bukit Jalil bukan Seri Alam. Mereka akan dipindahkan ke kawasan PPR Bukit Jalil sehingga kerja-kerja pembinaan siap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Datuk Haji Rizuan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebut banyak rumah PPR masih lagi kosong ataupun masih lagi belum

diduduki. Soalnya, apakah faktor-faktor yang menghalang DBKL untuk memindahkan penduduk-penduduk setinggan ini dan kenapakah terdapat di kalangan penduduk setinggan, walaupun sudah mendapat tawaran di perumahan PPR tapi enggan berpindah atas alasan mereka tidak dijanjikan untuk berpindah semula ke tempat asal mereka kerana belum ada projek perumahan PPR ataupun ada projek tapi di kemudian hari. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Dua faktor penting yang menghalang mereka dipindahkan ke kawasan-kawasan PPR.

■1120

Satu, adalah penduduk setinggan terlalu memilih, di mana mereka enggan berpindah ke PPR yang sedia ada dan permintaan mereka untuk membina semula rumah-rumah PPR di kawasan setinggan asal; kedua, ada juga Ahli-ahli Parlimen di mana mereka menghalang penduduk setinggan berpindah khususnya dari Cheras ke Bukit Jalil, di mana mereka khuatir mereka akan kehilangan pengundi-pengundi mereka. Ini adalah dua faktor penting yang menghalang penduduk setinggan berpindah dan ketiga, dari segi membina balik kawasan PPR di tempat asal begitu susah kerana ruang yang tidak mencukupi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Wira Syed Ali, Ahli Dewan Negara yang berasal daripada Wilayah Persekutuan juga.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab pada kali ini. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini setinggan-setinggan di kawasan Kampung Cheras Baru, Bukit Tangki Air dan Kampung Sungai Kerayong bersedia untuk berpindah di PPR Seri Alam fasa 2, yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini telah dijanjikan pada tahun 2007, sehingga kini akhir 2008, mereka belum lagi mendapat tawaran.

Soalnya, apakah yang menyebabkan mereka ini tidak mendapat tawaran dan apakah sebab mereka tidak boleh berpindah hingga mahu masuk tahun 2009. Bagaimanakah kerajaan hendak mengatasi setinggan sifar sekiranya mereka ini tidak dipindahkan secepat mungkin? Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti siapa yang berjanji untuk memindahkan mereka ke Seri Alam. Walau bagaimanapun sehingga hari ini baki setinggan di kawasan Parlimen Cheras adalah lebih kurang 1,799 unit. Dan kini kita ada lebih kurang 4,747 unit yang sudah siap di Wilayah Persekutuan dan saya bagi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, saya akan kaji apakah punca mereka tidak dipindahkan ke rumah PPR dan saya pastikan perkara ini akan diatasi dengan kadar segera. Terima kasih.

**9. Puan Heng Seai Kie** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kes jenayah yang melibatkan pelumba motosikal haram (mat rempit) sehingga November 2008. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani gejala ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan pertanyaan pada pagi ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini semasa kementerian saya menyediakan jawapan, kami kurang pasti sama ada Yang Berhormat hendak bertanya tentang berapa orang mat rempit yang telah terlibat dengan jenayah-jenayah yang lain ataupun berapa orang mat rempit yang telah ditahan, ditangkap oleh pihak polis. Walau bagaimanapun saya membawa di Dewan ini, dua-dua jenis maklumat dan jika Yang Berhormat minat saya boleh bagi selepas jawapan asal, saya boleh bagi secara ringkas berapa orang mat rempit yang telah pun terlibat dengan jenayah-jenayah yang lain.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kes yang melibatkan perlumbaan motosikal haram ataupun mat rempit, sehingga November 2008 ialah sebanyak 1,091 kes. Jumlahnya adalah jauh lebih tinggi daripada jumlah kes lumba haram yang dilaporkan untuk keseluruhan tahun 2007 iaitu sebanyak 535 kes.

Tuan Yang di-Pertua, di antara tindakan yang diambil dalam usaha membanteras kegiatan lumba haram ini adalah seperti menangkap, mendakwa penunggang-penunggang motosikal yang melakukan kesalahan yang terbabit di bawah seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 atas kesalahan memandu secara melulu dan membahayakan. Seksyen 279 Kanun Keseksaan atas kesalahan memandu secara melulu ataupun memandu di laluan awam. Dan seksyen 45(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 atas kesalahan memandu kenderaan di bawah pengaruh minuman yang memabukkan ataupun dadah.

Selain daripada itu, pihak polis turut melaksanakan operasi bagi membanteras kegiatan lumba haram melalui empat pendekatan. Pendekatan pertama ialah, tapis ataupun cegah kemasukan motosikal, di mana beberapa sekatan jalan raya akan didirikan di laluan utama memasuki kawasan bandar ataupun lokasi yang dikenal pasti menjadi tempat perlumbaan dengan tujuan membuat tapisan ke atas motosikal dan mencegah pelumba yang hendak masuk ke kawasan tersebut.

Pendekatan kedua yang diguna pakai oleh pasukan polis ialah pemerhatian dan menangkap, di mana beberapa kumpulan pemerhati akan ditubuhkan untuk membuat pemerhatian terhadap kumpulan-kumpulan penunggang motosikal yang sedang berlumba. Kumpulan ini akan dibuat diari penyiasatan mengenai setiap pergerakan penunggang motosikal yang disyaki sedang beraksi, kemudian pendekatan serbu ataupun periksa ataupun tangkap akan dilaksanakan, di mana beberapa pasukan akan bertindak membuat serbuan bagi memeriksa dan menangkap penunggang serta pembonceng motosikal yang disyaki menganggotai kumpulan-kumpulan pelumba haram. Penunggang yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah akan menjalani pemeriksaan ujian dadah untuk tindakan lanjut.

Akhir sekali, penunggang ataupun pembonceng yang ditahan akan dibawa ke balai polis berdekatan untuk proses dokumentasi dan siasatan terhadap kegiatan mereka akan dibuat.

Selain daripada itu, pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi memasukkan definisi lumba haram bagi kesalahan lumba haram, seksyen baru juga memberi kuasa untuk menyita kenderaan yang terbabit dengan lumba haram dan hukuman rotan juga dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, bagi perangkaan mat rempit-mat rempit yang telah ditangkap oleh polis dan didapati terlibat dalam jenayah-jenayah lain ialah 40 orang. Pada tahun ini, Januari hingga November 48 orang jenayah curi, 36 orang jenayah kekerasan. Jumlahnya 84 orang dan mereka ini bukan ditangkap secara *raid handed*, dengan izin. Dalam proses siasatan itu didapati bahawa mereka pernah melakukan jenayah-jenayah yang lain. Sekian, terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pendekatan yang diambil dan peranan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dalam menangani gejala lumba haram ini dan bukan hanya bergantung pada pihak polis trafik semata-mata. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar terdapat beberapa buah agensi kerajaan yang terlibat dalam menjalankan tugas untuk membanteras aktiviti mat rempit di negara ini. Mereka ini terdiri selain daripada pihak Polis Diraja Malaysia, Pasukan Gerak Am, pasukan Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga Majlis Keselamatan Jalan Raya juga terlibat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Sebelum operasi-operasi dijalankan, maka semua agensi akan mengadakan perundingan, mesyuarat bagaimana hendak mencari jalan yang terbaik sekali untuk mencegah kegiatan yang tidak baik ini.

Didapati bahawa dalam perundingan-perundingan ini, mat rempit-mat rempit yang mengambil bahagian di dalam perlumbaan haram ini adalah di antara umur 15 hingga 22 tahun dan kebanyakan mereka ini masih dalam umur remaja. Walaupun terdapat ramai juga penuntut, peratusan besar adalah bekerja dan yang lain tidak mempunyai pekerjaan cuma orang kata menjual *fit* untuk mencari sumber untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan ini. Dengan pakatan yang sedia ada di antara semua agensi kerajaan, maka kita akan mengambil langkah yang lebih tepat lagi untuk mengurangkan insiden-insiden kemalangan dan juga insiden-insiden aktiviti rempit di negara ini. Sekian.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan, saya ingin jelaskan jenayah yang saya maksudkan di sini ialah jenayah-jenayah lain yang mengancam keselamatan awam selain daripada lumba haram.

#### ■1130

Walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan, tetapi nampaknya ia kurang berkesan kerana kita dapati bahawa gejala mat rempit ataupun perlumbaan motosikal haram telah menjadi semakin berleluasa dan semakin menganas sehingga melibatkan serangan terhadap polis dan mengancam keselamatan negara. Jadi soalan tambahan saya ialah tidakkah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih tegas termasuklah mengenakan hukuman yang

lebih berat dan lebih menakutkan melalui perundangan bagi membendung budaya gengsterisme moden Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam jawapan saya tadi saya sudah sebut iaitu jenayah-jenayah lain melibatkan mat rempit-mat rempit negara ini adalah jenayah curi dan jenayah kekerasan macam ragut 36 kes dan kesemua berjumlah 84. Dari perangkaan ini kira dapat melihat bahawa tidak begitu ramai mat rempit yang terlibat dalam jenayah-jenayah lain. Apabila kita sebut tentang jenayah kekerasan macam ragut, apabila mereka ini dapat peluang baru mereka ini melakukan jenayah seumpama ini. bukan secara terancang. Oleh yang demikian kita dapat melihat perangkaan ini tidak begitu banyak kalau hendak dibandingkan dengan penjenayah-penjenayah yang lain. Soalan tambahan kedua adalah mengenai apakah langkah oleh pihak kerajaan untuk memberatkan lagi hukuman. Memang saya setuju pandangan Yang Berhormat, walaupun banyak telah dilakukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, masih terdapat kegiatan perlumbaan haram ini kian meningkat ataupun lebih bermaharajalela orang kata.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Walau bagaimanapun salah satu langkah yang kementerian sudah ambil adalah telah berunding dengan Kementerian Pengangkutan supaya seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda supaya ianya dapat mencerminkan bahawa hukuman lebih berat dikenakan kepada orang yang salah ataupun mat rempit yang didapati bersalah mahkamah. Pindaan-pindaan adalah seperti berikut:

- (i) mengekalkan hukuman sedia ada iaitu penjenayah tidak melebihi tempoh lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM15,000 bagi sabitan kedua ataupun kali kemudian, penjenayah tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM10 dan tidak melebihi RM20;
- (ii) lesen memandu yang kena tuduh ditarik balik dan digantung oleh mahkamah pada tarikh pertuduhan dibacakan kali pertama. Pergantungan tersebut hendaklah berkuat kuasa hingga mahkamah membuat keputusan muktamad terhadap pertuduhan. Maksudnya apabila seseorang diheret ke mahkamah, didakwa pada hari pertama didakwa, lesen beliau akan digantung hingga penyelesaian kes orang yang dituduh; dan
- (iii) kenderaan pelumba haram akan dirampas dan disita sehingga kes perbicaraan selesai. Kalau mat rempit yang didakwa didapati bersalah oleh mahkamah, maka motosikal kepunyaan beliau akan dirampas.

Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perjalanan persidangan sesebuah Parlimen di Dewan Parlimen pada umumnya terbahagi kepada dua. Khususnya di negara-negara Komanwel. Setiap hari diperuntukkan mula untuk masa pertanyaan satu jam, satu setengah jam di mana dibereskan dan dicungkil pelbagai isu untuk mencungkil betapa *accountable* sesebuah

kerajaan pada satu pemerintah dalam mengendalikan dan memikul tanggungjawab sebagai pemerintah. Setelah selesai masa pertanyaan, sesebuah Dewan beralih pula ke soal membahaskan isu-isu dalam mana penutupnya sesebuah kementerian mewakili kerajaan menjawab dan menggulung dan selepas itu diundi. Dalam pemerhatian saya, perjalanan Dewan Negara ini sudah kabur. Yang mana masa pertanyaan yang mana masa perbahasan. Dalam masa pertanyaan berlaku syarahan, gulungan. Jadi saya akan benarkan lima enam minit untuk satu pertanyaan. Jawapan dan pertanyaan tambahan supaya kita balik agar perjalanan Dewan Negara menjadi jitu, benar-benar memainkan peranan sebagai Dewan Parlimen.

**10. Datuk Chandrasekar Suppiah** minta Perdana Menteri menyatakan dasar pengambilan kakitangan kerajaan yang kini diguna pakai dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Bilakah nisbah peratusan kedudukan Malaysia mengikut kaum sebenar akan digunakan dalam pengambilan kakitangan kerajaan perkhidmatan awam demi memperkasa sistem penyampai dan kecekapan kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan bereskan sehingga soalan ke-13. Kalau tidak buang masa Timbalan Menteri-Timbalan Menteri tunggu, hadir hendak jawab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Murugiah a/l Thopasamy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang begitu berminat tentang SPA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang begitu berminat tentang SPA. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam SPA mengamalkan dasar pengambilan kakitangan kerajaan secara merit di mana semua calon yang berkelayakan boleh memohon jawatan tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, dan sebagainya. Calon-calon yang melepasi tapisan SPA akan dipanggil ke temu duga dan tapisan yang dibuat oleh SPA tidak berdasarkan kepada latar belakang kaum seseorang calon. Buat masa ini SPA tidak bercadang untuk menjadikan nisbah peratusan kependudukan Malaysia mengikut kaum sebenar sebagai asas dalam pengambilan kakitangan perkhidmatan awam.

Walau bagaimanapun SPA sedang giat berusaha bagi meningkatkan jumlah kaum bukan Melayu untuk memasuki perkhidmatan awam dan ia merupakan usaha berterusan. SPA amat mengalu-alukan permohonan jawatan dari semua kaum terutamanya kaum bukan Melayu bagi memasuki perkhidmatan awam. Tambahan permohonan dari kaum bukan Melayu ia akan meningkatkan jumlah mereka dalam perkhidmatan awam yang akhirnya dapat memperkasa sistem penyampaian dan kecekapan kerajaan, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup baik. Sekarang boleh jemput pertanyaan tambahan.

**Puan GK Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah kaedah yang digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menarik lebih ramai pemohon bukan bumiputera?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan tambahan pun baik. Silakan.

**Murugiah a/l Thopasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang menanyakan soalan tadi. Sebenarnya kita akan mengiklankan melalui surat

khabar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di samping kita juga kita akan mengiklankan semua jawatan ini melalui media cetak dan media elektronik seperti RTM dan TV3. Di samping itu kami juga akan mengadakan Hari Pelanggan bersama SPA di Putrajaya. Di samping itu kita juga akan pergi ke kawasan luar bandar di mana tertumpunya kaum bukan Melayu supaya mengiklankan ataupun memperjelaskan tentang jawatan-jawatan kosong yang ada di SPA supaya mereka dapat memohon.

■1140

Kita juga dari semasa ke semasa memberi makluman kepada orang ramai tentang jawatan-jawatan kosong yang ada di mana mereka boleh membuat permohonan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya buat silap tadi. Sepatutnya saya jemput Datuk Chandrasekar Suppiah. Sila Datuk Chandrasekar Suppiah.

**Datuk Chandrasekar Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kerajaan kini sedang giat mempertingkatkan mutu penguasaan bahasa terutamanya bahasa Inggeris, apakah kerajaan bercadang untuk melonggarkan syarat memasuki perkhidmatan awam dengan menggantikan kredit dalam bahasa Malaysia kepada kredit dalam bahasa Inggeris dalam SPM bagi kaum bukan bumiputera? Terima kasih.

**Tuan T. Murugiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang menanyakan soalan tadi. Sebenarnya kita sebagai rakyat Malaysia, kita sudah merdeka lebih daripada 51 tahun. Semua rakyat kita ini dalam aliran bahasa Melayu, sudah tentu kita perlu memperbaiki mutu bahasa kita. Kita ada dasar dalam kerajaan di mana kita memberi keutamaan kepada bahasa Melayu.

Di dalam Dewan mulia ini kita menggunakan bahasa Melayu. Sudah duduk dalam Malaysia sudah lama begini, tidak fasih dalam bahasa Melayu dan merayu kepada kerajaan supaya kita menumpukan kepada bahasa Inggeris adalah bagi saya tidak patut dan ianya perlu ditolak oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kendalikan perkhidmatan kebanyakannya Melayu, keturunan Melayu. Yang jawab bagi pihak kerajaan berketurunan India. Yang tanya keturunan India sekarang, keturunan Cina. Inilah Malaysia. Silakan.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada taklimat, kita diberitahu pihak BPR dengan polis memerlukan kakitangan baru berjumlah 5,000 dan 15,000. Jadi bagaimanakah SPA dapat memastikan bahawa pengambilan baru ini mengikut dasar merit SPA, *point* nombor satu.

Nombor dua, beberapa kementerian kita seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, komposisi kakitangannya tidak langsung melambangkan peratusan penduduk Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan?

**Tuan Lee Chee Keong:** Jadi, soalnya apakah tindakan SPA untuk memastikan bahawa Kementerian-kementerian yang berkaitan dengan perpaduan betul-betul menjalankan kerja mereka? Terima kasih.

**Tuan T. Murugiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang menanyakan soalan tadi. Dua soalan dibangkitkan. Soalan pertama berkaitan dengan pengambilan kakitangan di BPR dan juga pihak polis. Sekarang ini, kita menyerah tanggungjawab ini kepada agensi yang berkaitan di mana BPR dia akan membuat temu duga oleh mereka sendiri.

Kedua, pihak polis pun kita serahkan kepada Kementerian Dalam Negeri di mana PDRM sendiri akan membuat pengambilan. Yang itu tidak melibatkan SPA, satu. Soalan yang kedua berkaitan dengan jumlah pengambilan mengikut komposisi kaum. Bagi kita, kita melihat kepada jumlah permohonan yang kita terima. Di mana kalau kita lihat kepada permohonan yang kita terima pada tahun ini di mana setakat ini lebih daripada 800,000 pemohon telah memohon pekerjaan terdiri daripada orang Melayu. Orang Melayu 800,000 yang memohon pekerjaan.

Kedua berkaitan dengan kaum Cina dan India. Kaum Cina lebih kurang dalam 17,000 sahaja yang memohon dan kaum India 16,000. Kalau kita lihat daripada pengambilan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan T. Murugiah:** Kita akan mencari...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat hadir untuk jawab pertanyaan kah? Saya akan selesaikan 14. Terima kasih.

**Tuan T. Murugiah:** ...Maka, kita memilih jumlah kaum yang paling ramai yang memohon jawatan itu, bukan kira kita memberi laluan untuk orang Melayu ramai sangat, selepas itu orang Cina sedikit dan orang India sedikit, tidak. Sewaktu membuat pengambilan, SPA tidak langsung mengira kaum, agama dan sebagainya.

Kalau ada sesuatu kaum itu terlalu ramai yang memohon, maka kita mengambil kira permohonan daripada kaum itu sendiri dan daripada situ kita buat tapisan. Walaupun 800,000 lebih untuk orang Melayu yang memohon, selepas kita membuat tapisan, kita mengambil 220,000 sahaja untuk memanggil temu duga. Begitu juga dengan kaum Cina dan India. Tapisan dibuat mengikut kelulusan dan keterampilan yang ada pada mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sudah cangkil *accountability* kerajaan selaku pemerintah dalam isu mengimbangi kehadiran kaum-kaum dalam perkhidmatan awam. Terima kasih.

**11. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah kedudukan Program Rakan Muda mengalami 'dimensi' baru akibat dari pelbagai kelemahan yang dihadapi. Apakah kelemahan dan kejayaan Program Rakan Muda sehingga kini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, perubahan dimensi baru Program Rakan Muda bukanlah disebabkan oleh program-program Rakan Muda sebelum ini mengalami kelemahan.

Namun perubahan yang dibuat lebih kepada untuk memberikan penekanan dari segi fokus sasaran dan juga memberi tumpuan yang lebih kepada *community-based*.

Sejak Rakan Muda dilancarkan pada tahun 1994 sehingga tahun 2006, seramai 5.35 juta remaja telah menyertai Program Rakan Muda melalui 267,489 aktiviti dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM264,489,570.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup waktu ini kalau Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan supaya Yang Berhormat berpeluang cungkil. Yang Berhormat Datuk Rizuan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Soalan tambahan saya, bagaimanakah kementerian hendak menarik minat golongan muda untuk menyertai Rakan Muda sedangkan minat mereka amat berbeza. Mereka lebih cenderung atau terdedah dengan pengaruh program siber dan aktiviti yang tidak bermoral seperti lumba haram dan pengaruh hiburan yang melampau. Terima kasih

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan memang sentiasa mengkaji mengikut keperluan remaja kita termasuklah baru-baru ini kita wujudkan Kelab Rakan Muda Sekolah untuk tahun yang akan datang. Itu salah satu langkah. Kerajaan juga telah memperkasakan persatuan-persatuan belia di mana kita menggalakkan mereka tubuhkan persatuan belia dan kita akan memberikan bantuan dana kepada pertubuhan-pertubuhan tersebut, setahun RM3,000 supaya mereka dapat merancang dan juga menjalankan aktiviti mengikut keperluan dan cita rasa mereka. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**12. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setelah 40 tahun JAKIM ditubuhkan, apakah perkembangan dan perbezaan yang ketara terhadap umat Islam; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh JAKIM bagi membendung amalan-amalan menyeleweng dalam Islam dan apakah pula halangan-halangnya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya sampaikan salam Yang Berhormat Menteri yang sekarang mengerjakan ibadat haji di Mekah.

- (a) Antara perbezaan dan perkembangan yang ketara terhadap umat Islam selepas 40 tahun penubuhan JAKIM ialah:
  - (i) umat Islam secara umumnya lebih celik agama dan ini adalah hasil daripada program-program tarbiah dan dakwah yang telah dijalankan;
  - (ii) memelihara akidah umat Islam daripada terpesong melalui program-program penerangan dan pengukuhan akidah dari semasa ke semasa;
  - (iii) menyelesaikan kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah;

- (iv) menjana keperluan dan tuntutan ekonomi umat Islam dengan penubuhan Ar-Rahnu Bank Islam, Takaful Islam dan sebagainya;
- (v) memperkenalkan pensijilan dan produk makanan halal;
- (vi) menyelaraskan pengurusan perkahwinan umat Islam di negeri-negeri;
- (vii) menyelaraskan dan menyediakan panduan yang berkaitan hukum hakam bagi hal ehwal umat Islam dengan penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan; dan
- (viii) membantu meninggikan syiar Islam melalui penganjuran Hadhari, Kebesaran Islam.

#### ■1150

Ada banyak langkah Tuan Yang di-Pertua yang kita ambil untuk menyekat, menghalang dan membendung serta membanteras aktiviti kumpulan ajaran sesat misalnya dengan mengeluarkan fatwa yang menunjukkan sesuatu ajaran yang sesat itu bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, mengadakan majlis penjelasan pada mereka yang terlibat dengan ajaran tersebut, mengambil tindakan undang-undang dan juga memberi kaunseling kepada mereka yang terlibat untuk membantu mereka kembali kepada akidah yang sebenar. Ada juga halangan Tuan Yang di-Pertua yang dihadapi misalnya ketidakseragaman undang-undang yang dijalankan di antara negeri-negeri dan juga salah faham umat Islam sebahagian daripadanya salah faham terhadap akidah yang sebenar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Samsiah kemudian...

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya ialah berapa banyakkah kes yang berulang ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ahmad Yusuf ya? Sambung tadi.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** ...Dalam penyelewengan ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap penyelewengan yang berlaku beberapa kali? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada data yang tepat tentang berapa kes yang berulang tetapi memang betul ada kes yang berulang dan pihak JAKIM dengan kerjasama negeri-negeri sentiasa memantau kegiatan mereka ini. Bagi yang berhutang itu kita bawa ke pengadilan untuk memastikan supaya tindakan itu tidak berulang. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi soal kaunseling itu diadakan tetapi yang paling penting ialah proses dakwah dan tarbiah itu kita iklankan dari semasa ke semasa untuk membendung keadaan ini daripada berlaku. Jika tidak ada umat Islam yang jahil dari segi agama kita tidak akan berhadapan dengan masalah seperti yang dibangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua kalau diizinkan Dato' Hajah Saripah Aminah pergi ke klinik dan meminta saya untuk membentangkan soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini luar biasa tetapi kerana tidak mahu mensia-siakan masa Yang Berhormat Timbalan Menteri sila saya benarkan.

**13. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapa pinjaman perumahan menerusi sistem perbankan Islam "Bai Bithaman Ajil" yang dikendalikan oleh Bank Islam dilihat lebih membebankan si peminjam dari sudut pembayaran balik berbanding dengan sistem konvensional.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sistem Bai Bithaman Ajil (BBA) adalah berprinsipkan sistem jual beli di mana pihak bank menjual kepada peminjam atau pembeli semasa akad dibuat telah ditetapkan harga runcit dan bayaran bulanan. Ini akan kekal sehingga 25 tahun kalau *tenure* perjanjian itu selama 25 tahun. Di bawah sistem konvensional ia berdasarkan kepada sistem faedah. Semasa perjanjian dibuat faedah ditetapkan berdasarkan kepada *base lending rate* (BLR) dengan izin, yang akan berubah-ubah. Dari segi umumnya sama ada sistem BBA atau sistem konvensional bayarannya sama tetapi dalam konteks sekiranya sistem rejim faedah kita turun maka BBA akan bertambah tinggi bayarannya apabila tinggi bermakna BBA akan lebih kurang bayaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Tuan Ir. Haji Zamri.

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih dengan jawapan Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah melihat kepada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Senator Parti Keadilan Rakyat dari Kedah.

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Negeri Kedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya selalu cunghkil benda ini sebab tidak mahu dianggap bahawa Dewan Negara ini Dewan Barisan Nasional sahaja... [Ketawa]

**Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Pertanyaan tambahan saya ialah ingin mendapat maklumat tambahan daripada pihak kementerian. Adakah kementerian mengkaji sama ada kekeliruan yang berlaku ini maksud saya merasakan ianya lebih susah ini berbanding dengan keadaan konvensional adalah kerana kaedah penjelasan yang diberikan dan terma-terma yang digunakan agak baru bagi pengguna. Berbanding dengan bank konvensional yang bagi saya yang membandingkan selalu membandingkan terma sedia ada yang dirujuk dengan terma islamik. Kadang-kadang juga banyak informasi yang tidak dijelaskan dalam konvensional menyebabkan orang merasa lebih mudah. Jadi adakah pihak kementerian ada buat kajian untuk ini? Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Pertama kita tidak pasti sama ada, ada kekeliruan ataupun tidak berlaku pada peminjam. Kedua dalam perbincangan kita dengan Bank Negara Malaysia apa Yang Berhormat nyatakan itu ada juga kebenarannya. Oleh kerana sistem ini sistem baru dan ada sebahagian daripada struktur pinjaman tersebut tidak jelas oleh

peminjam dan kita telah minta Bank Negara supaya melihat kepada sistem tersebut. Di samping itu pihak perbankan Islam sedang menyediakan pakej-pakej baru antaranya musyarakah, *mutanaqisah*. Selain daripada BBA ada lagi sistem-sistem baru supaya pihak pembeli mempunyai opsyen yang lain.

**14. Dato' Kamarudin bin Ambok** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sehingga kini, apakah status projek pertanian dan agropolitan yang telah dilaksanakan di seluruh negara dan bagaimanakah strategi kerajaan bagi meningkatkan minat rakyat untuk menyertai program ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Saya tadi tidak mahu sia-siakan masa Yang Berhormat dan pegawai-pegawai yang begitu bersusah payah sediakan ucapan kalau datang pertanyaan-pertanyaan tambahan yang bukan-bukan. Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua soalan ini memerlukan dua kementerian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sebagai dasar Kementerian Pertanian kita cuba mencapai *self-sufficiency* dalam penanaman padi. Beberapa kawasan telah dikenal pasti dan berbilion-bilion ringgit telah diperuntukkan dan kawasan yang terbesar yang telah disediakan ialah di Sarawak. Dari segi *food sufficiency* dengan izin, di bidang yang lain dari segi daging misalnya kita mempunyai dasar-dasar yang mantap untuk memperbanyakkan pembiakan kambing, pembiakan lembu dan sebagainya.

Bagi tanaman seperti sayur-sayuran dan sebagainya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu satu jenis komersial dan satu adalah untuk projek kebun dapur. Itu sebagai polisi. Manakala sebahagian daripada soalan itu iaitu berkenaan dengan agropolitan. Pada masa ini kementerian sedang memperhebatkan dan memperluaskan pelaksanaan projek agropolitan ke seluruh negara mengikut model atau konsep agropolitan. Berasaskan komitmen beberapa Kerajaan Negeri tiga projek agropolitan dengan keluasan keseluruhan berjumlah 6,033 hektar sedang diusahakan iaitu Projek Agropolitan Pulau Bangi di Sabah 4,500 hektar, Projek Agropolitan Gahai di Pahang 223 hektar dan Projek Agropolitan Cemomoi di Kuantan 1,310 hektar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi baik sekarang kalau Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Kamarudin Ambok, Tan Sri Datuk Dr. Jins Samsudin, Puan Siw Chun.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar teknologi pertanian seperti penanaman padi dan buah-buahan tropika di negara ini tidak setanding kualiti dengan negara jiran kita di Thailand. Dengan itu apakah kerajaan bercadang untuk menjalinkan kerjasama teknikal dengan mereka? Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerjasama dari segi teknikal di antara kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini memang sebenarnya lama sudah berjalan. Terbaru ini Menteri Pertanian sudah bermesyuarat sebenarnya melawat pada bulan Oktober ataupun lebih awal dari itu melawat ke Thailand dan mereka sudah membuat perbincangan dan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerajaan boleh belajarlah politik jangan belajar.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** [Ketawa] Dia pergi ke Taiwan dahulu pun itu belajar *agriculture* bukan politik seperti yang dituduh. Beberapa universiti akan terlibat di dalam kerjasama bertukar kepakaran teknikal ini. Kita juga pergi ke bukan saya Menteri Pertanian pergi ke Vietnam hadir ke satu mesyuarat juga berkenaan dengan satu daripada *area* utama yang dibincangkan ialah *area* mana kementerian ataupun Kerajaan Malaysia akan bekerjasama dari segi teknikal juga dengan negara ASEAN yang lain.

■ 1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna terdapat kerjasamalah.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Ya ada, ada. Kita mengakui bahawa dari segi teknologi dan kemajuan bidang pertanian ini, Thailand memang lebih maju dari negara kita terutama sekali dalam bidang *canning industry* dan pemprosesan bahan-bahan ataupun pengeluaran pertanian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ya. Adakah kerajaan mempunyai strategi atau dasar untuk menggabungkan tanah-tanah terbiar di Koridor Pembangunan Ekonomi Utara dan Pantai Timur untuk memajukan program-program agropolitan? Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa kawasan di bawah koridor yang akan dimajukan ini telah dan akan diserahkan kepada agensi-agensi yang tertentu untuk dimajukan di bawah konsep agropolitan juga. Dari segi menggabungkan fizikalnya mungkin tidak dapat. Akan tetapi dari segi pentadbiran dan memajukannya memang sedang dibuat dan kerajaan telah mengenal pasti di manakah tanah-tanah terbiar yang perlu dibangunkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berasaskan modal FELCRA?

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Ada sebahagian daripada kawasan-kawasan ini telah diperuntukkan kepada FELCRA dan ada juga dibahagikan kepada RISDA untuk dimajukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Pertanyaan terakhir, Puan Siw Chun a/p Eam.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah kos bagi membangunkan projek agropolitan dan siapakah golongan sasaran yang bakal menikmati faedahnya? Bagaimanakah ia boleh membawa perubahan atau impak yang boleh diharapkan terutamanya dalam mengatasi kemiskinan desa? Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Sasaran utama kita ialah orang yang miskin tegar. *Target* dari segi jumlah berapa orang yang hendak dikeluarkan dari kemiskinan tegar ini ialah 10,000 orang selesai RMK-9 ini. Sekarang mengikut pencapaian yang telah dibuat, sebanyak lebih kurang 2,000 orang lebih yang sudah dikenal pasti setakat ini peserta-peserta yang akan mengambil bahagian di dalam projek agropolitan ini. Macam mana projek agropolitan ini dapat membantu membasmi kemiskinan tegar ini, ia dibuat secara:

- (i) membangunkan prasarana asas dari segi jalan kampung, bekalan elektrik, bekalan air;
- (ii) pembangunan ekonomi; dan
- (iii) pembangunan minda melalui macam-macam kursus dan juga latihan yang dibuat oleh kementerian kita.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Bermakna bila ada *production*, adalah *wealth generation*. Terima kasih. Yang susahnyanya tidak mahu *produce* tetapi mahu *wealth*. Masa cukup. Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui sila sambung ucapan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang" **[10 Disember 2008]**

**12.04 tgh.**

**Datuk Sim Kheng Hui:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2009 turut memperuntukkan RM31 bilion bagi meningkatkan taraf pendidikan negara. Peruntukkan ini merangkumi pembinaan 110 buah sekolah rendah dan 181 buah sekolah menengah baru. Selain itu, RM615 juta disediakan untuk penyelenggaraan sekolah dan asrama bagi memastikan semua sekolah berada dalam keadaan bersih dan selamat manakala bagi tujuan pembangunan pendidikan tinggi, sebanyak RM14.1 bilion telah dicadangkan daripada jumlah itu. Sebanyak RM4.4 bilion telah dikhaskan untuk perbelanjaan pembangunan termasuk pembinaan kemudahan klinik dan bangunan fakulti perubatan serta menyediakan latihan pendidikan.

Sehubungan itu, dengan peruntukkan yang sebegitu besar, ia telah sekali lagi membuktikan kerajaan benar-benar prihatin terhadap isu pembangunan taraf pendidikan di negara. Kita menaruh harapan tinggi agar negara dapat menjadi hab pendidikan tinggi yang

terkenal di rantau ini. Jumlah peruntukkan sektor pendidikan yang akan disalurkan kepada Sabah dan Sarawak juga menjadi perhatian umum terutama rakyat di kedua-dua negeri tersebut. Walau apa pun, adalah menjadi harapan semua pihak agar peruntukkan yang dicadangkan dan diluluskan akan dapat disalurkan kepada jabatan dan institusi pendidikan berkenaan dengan kadar secepat yang boleh agar projek-projek pembangunan sektor pendidikan dapat diteruskan tanpa masalah kelewatan peruntukan.

Justeru, kemudahan pengangkutan awam memang menjadi buah mulut rakyat lebih-lebih lagi pada ketika harga minyak melambung tinggi. Kerajaan amat sensitif terhadap kehendak rakyat dan telah melalui Bajet 2009 memperuntukkan RM35 bilion termasuk peningkatan kemudahan pengangkutan awam bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Jika usaha pembangunan sektor pengangkutan ini mencapai sasaran yang ditetapkan, ia pasti akan dapat meringankan tekanan hidup rakyat akibat kenaikan mendadak harga minyak global beberapa bulan yang lalu. Langkah kerajaan ini mendapat sambutan yang baik terutama masyarakat umum di Sabah dan Sarawak yang selama ini mengharapkan kerajaan memberikan perhatian yang lebih dalam usaha meningkatkan taraf jalan raya di negeri tersebut yang masih jauh ketinggalan berbanding dengan Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membantu rakyat menghadapi tekanan inflasi, Bajet 2009 telah mengecualikan duti import bagi barangan peralatan elektrik, pelbagai jenis minuman dan makanan, barangan hasil petroleum dan tekstil yang dengan ini mendapat reaksi positif rakyat. Bagi sektor pertanian pula, memansuhkan duti import ke atas baja dan racun perosak sememangnya telah berjaya meringankan beban pengusaha sektor pertanian dan penternakan.

#### ■1210

Walaupun begitu bagi sektor pertanian, perladangan dan penternakan turut berharap kerajaan dapat memperbanyakkan bantuan input pertanian seumpama ini dari masa ke semasa memandangkan sektor ini sentiasa berdepan dengan cabaran yang sukar ditangani jika tanpa bantuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh cabaran yang dihadapi oleh nelayan di Sarawak terutama nelayan yang memiliki kapal menangkap ikan dengan lesen kelas 'A' dan 'B'. Kumpulan nelayan ini tidak dibenarkan untuk menggaji buruh asing sehinggakan hasil tangkapan dan pendapatan tergugat. Bagi meneruskan operasi penangkapan ikan nelayan tersebut terpaksa menggaji buruh asing secara tidak sah kerana buruh tempatan tidak berminat untuk menceburi industri ini. Adalah menjadi harapan nelayan Sarawak agar Kerajaan Pusat dapat memahami situasi sedemikian dan mencari jalan penyelesaian yang akan dapat memanfaatkan semua pihak.

Hasrat kerajaan melancarkan kelima-lima koridor pembangunan untuk mempergiatkan pelaburan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan aktiviti ekonomi adalah bersifat jangka panjang. Memandangkan kepentingan memastikan kejayaan pelaksanaan koridor pembangunan tersebut kerajaan menerusi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan telah meningkatkan peruntukan perbelanjaan pembangunan koridor tersebut. Dalam

Bajet 2009 pula sebanyak RM6 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Sekali lagi kita berharap peruntukan tersebut dapat disalurkan kepada badan berkenaan dengan cepat supaya projek-projek yang digariskan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2009 telah mencadangkan RM207.9 bilion untuk tujuan perbelanjaan iaitu peningkatan sebanyak 5.1% berbanding dengan Bajet 2008. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM154.2 bilion digunakan untuk peruntukan mengurus dan RM53.7 bilion untuk peruntukan pembangunan. Apa yang menjadi perhatian umum ialah wujudnya jurang perbezaan yang amat besar antara dua kategori peruntukan tersebut mungkin akan menjejaskan tahap pembangunan negara. Daripada peruntukan pembangunan sebanyak RM27.8 bilion akan digunakan untuk sektor ekonomi yang terdiri daripada sektor pertanian, perindustrian dan infrastruktur manakala sebanyak RM17.8 bilion akan digunakan untuk mendirikan kesihatan dan perumahan. Sektor keselamatan negara mendapat peruntukan sebanyak RM4.1 bilion.

Jika meninjau daripada aspek kepentingan pembangunan ekonomi negara, trend peruntukan seumpama ini sememangnya tidak mencukupi untuk menjana momentum ekonomi cukup berdaya saing untuk membolehkan negara bergerak cergas ke hadapan. Namun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion baru-baru ini sebagai pelengkap kepada Bajet 2009. Walaupun ada yang tidak menaruh harapan yang tinggi terhadap keupayaan pakej rangsangan ekonomi ini berdepan dengan cabaran krisis kewangan global namun pakej tersebut adalah antara langkah yang amat diperlukan untuk membolehkan ekonomi negara terus menjana daya tahan dalam masa sesingkat yang boleh.

Masyarakat umum telah mendapat pengajaran dan pengalaman yang pahit ketika berdepan dengan harga minyak global yang naik turun dengan mendadak. Harga minyak global yang tidak menentu dan krisis kewangan global telah mendatangkan pukulan yang hebat terhadap ekonomi dan pembangunan negara seperti peningkatan perbelanjaan, kenaikan harga barangan, pelaburan asing yang tidak banyak berganjak dan sebagainya. Rakyat turut berharap kerajaan akan dapat menggariskan pelan induk pembangunan yang lebih bersifat jangka panjang bagi menjadikan ekonomi negara lebih kebal ketika berdepan dengan krisis kewangan global.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Bajet 2009 dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Ogos yang lalu, ekonomi global telah meleset dengan mendadak. Perkembangan ini telah mendatangkan impak yang teramat teruk terhadap negara. Bagi menghadapi cabaran ekonomi ini kerajaan telah mendapat RM5 bilion daripada Dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dipinjamkan kepada ValueCap untuk pembelian ekuiti syarikat-syarikat yang mempunyai asas yang kukuh tetapi nilai pasaran terjejas kesan penolakan pasaran ekuiti global.

Selain itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Kewangan turut memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion sebagai tambahan kepada Bajet 2009. Walaupun keputusan ini mendapat reaksi yang berlainan daripada

rakyat langkah-langkah tersebut amat diperlukan untuk menghadapi masalah yang kritikal ini. Yang menjadi perhatian rakyat ialah pinjaman ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat merupakan seorang usahawan berjaya daripada Sarawak, bukan? Maka Yang Berhormat sokong langkah-langkah tersebut.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Ya. Yang menjadi perhatian rakyat ialah pinjaman RM5 bilion daripada KWSP tersebut mesti diuruskan dengan sebaik mungkin bagi memastikan kepentingan ahli-ahli KWSP tidak tergadai.

■1220

Semoga dana ini benar-benar dapat memanfaatkan oleh syarikat-syarikat berkenaan dan seterusnya menjana pulangan yang lebih terjamin.

Di dalam pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion tersebut, kerajaan telah memasukkan duti import bagi tujuh jenis baja. Cadangan ini disambut baik oleh industri pengeluar baja dengan menurunkan harga baja sebanyak 15% dengan serta-merta. Penurunan harga ini telah membawa banyak manfaat kepada negara. Petani. Tindakan industri pengeluar baja ini harus diberikan pujian dan diteladani oleh industri yang lain. Pakej rangsangan ekonomi turut mencadangkan pengurangan potongan caruman pekerja KWSP secara sukarela sebanyak 3% selama dua tahun. Langkah ini akan dapat meningkatkan kuasa beli masyarakat berdasarkan perbelanjaan dalam negeri dan membawa kebaikan kepada pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat secara amnya menerima baik cadangan pakej rangsangan ekonomi yang memperuntukkan RM200 juta tambahan untuk diagihkan kepada empat kumpulan sekolah iaitu SJK(C), SJK(T), sekolah mubaligh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di mana setiap kumpulan mendapat RM50 juta. Kita sedar bahawa jumlah peruntukan ini adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah sekolah yang begitu banyak. Namun dengan adanya bantuan kerajaan yang berterusan pembangunan pendidikan akan terus berkembang maju. Negara akan dapat melahirkan lebih ramai generasi muda berpendidikan tinggi yang akan menyumbang kepada pembinaan bangsa dan negara pada masa akan datang.

Selain aspek pendidikan, pakej rangsangan ekonomi juga menyalurkan bantuan bernilai RM1.2 bilion bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan rumah kos rendah dan sederhana. Manakala sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan untuk menyelenggarakan dan mendatangkan lagi sistem pengangkutan awam. Bagi Sabah dan Sarawak pula, peruntukan bernilai RM500 juta telah dijalankan untuk menaik taraf jalan-jalan di luar bandar, jalan-jalan kampung dan jalan pertanian. Ini adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh penduduk di luar bandar di luar-luar negeri.

Kerajaan juga harus memberikan perhatian kepada keadaan jalan raya di bandar dan penyelenggaraan. Sebagai contohnya, lebuhraya persekutuan yang bermula dari Batu 15 Bandar Raya Kuching menuju ke Bandar Serian telah siap dibina beberapa tahun dahulu. Ia telah mendatangkan banyak manfaat kepada penduduk setempat. Namun, persimpangan-persimpangan untuk membuat pusingan balik di tengah lebuhraya tersebut adalah tidak selamat

dan harus diperbetulkan bentuknya. Selain itu, pemisah besi antara lebuhraya juga banyak rosak dan sering menyebabkan kemalangan lalu lintas yang menggugat nyawa. Diharapkan jabatan berkenaan turut memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap masalah ini.

Kerajaan juga membenarkan individu atau entiti asing membeli hartanah komersial bernilai RM500 ribu atau lebih. Angka ini pasti akan membuka peluang kepada individu atau entiti asing menyiapkan pelaburan mereka di negara kita. Situasi ini membawa implikasi yang positif kepada pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengimport kedua terbesar minyak sawit dan pasaran utama kayu negara Kesatuan Eropah adalah amat penting terhadap perdagangan antarabangsa negara. Namun dihadapi pasaran Kesatuan Eropah banyak dipengaruhi kumpulan NGO dan pencinta alam sekitar yang menyampaikan maklumat yang tidak benar terhadap negara kita.

Memandangkan keadaan ini adalah serius dan harus diperbetulkan, Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah mengetuai satu rombongan kerajaan ke negara di bawah Kesatuan Eropah iaitu Holland, Belgium dan London pada bulan September yang lalu. Dengan hubungan dua hala yang baik dijalankan selama ini, dialog-dialog yang diadakan dengan Ahli-ahli Parlimen, wakil kerajaan dan usahawan tempatan telah membuah hasil yang baik. Saya bertuah dapat turut serta dalam rombongan kerajaan dan terlibat dalam dialog-dialog tersebut serta berasa kagum dengan semua ahli rombongan kerajaan yang penuh komited dalam mempromosikan barangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong penuh Bajet 2009. Sebelum mengundur diri, izinkan saya mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian dan Gong Xi Fat Chai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyambut perayaan Tahun Cina Baru. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Maijol parti UMNO atau PBS?

**Datuk Maijol Mahap:** Saya Tuan Yang di-Pertua, parti UPKO.

**Tuan Yang di-Pertua:** UPKO. UPKO - Sabah. Gerakan - Pulau Pinang, UMNO- Melaka, SUPP - Sarawak. Tuan Haji Muhamad Yusof – PAS Kedah.

**12.30 tgh.**

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian di dalam membahaskan bajet 2009 dengan mendahulukan perenggan-perenggan yang menyebut Modal Insan perenggan 68.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya amat merasa bangga berada di dalam Dewan Negara ini di mana bukan sahaja mendapat bimbingan daripada Tuan Yang di-Pertua sendiri, bahkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mana kita di dalam Dewan Negara ini berbeza dengan Dewan yang satu lagi. Yang mana tidak pernah bertegang leher, mengeluarkan kata-kata yang kurang sopan dan sebagainya. Alhamdulillah.

Sejarah telah banyak mengajar kita di mana dalam peristiwa 13 Mei 1969 yang melibatkan rusuhan kaum yang amat dahsyat. Begitu juga pada tahun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada pernah cerita pada Dewan Yang Berhormat pernah ditahan di bawah ISA ya?

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya. Saya akan pergi ke situ, insya-Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab bila Yang Berhormat berucap saya hendak supaya mereka yang dengar itu tahu suara ini datang dari mana. Bukan maksud saya memberi penilaian yang negatif tetapi orang yang berpengalaman.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi pada tahun 1987, semuanya masih ingat negara kita hampir sekali lagi berlaku satu rusuhan kaum. Yang mana semua pimpinan meletakkan perjuangan bangsa untuk mendapat sokongan, untuk mendapat tempat sebagai pimpinan yang akhirnya tahun 1987 berlaku satu operasi yang dinamakan Operasi Lalang. Insya-Allah, saya akan sentuh di belakang.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang ini perjuangan bangsa bukanlah satu alternatif yang sesuai untuk mana-mana pemimpin sama ada parti kerajaan ataupun parti pembangkang untuk mendapat tempat sebagai pemimpin di dalam parti masing-masing. Ini kerana sabda Nabi Muhammad SAW... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, bukan daripada kalangan Aku orang yang berjuang untuk menegakkan bangsanya.

Ini kerana perjuangan ini sudah tentu di hujungnya mengambil risiko yang amat dahsyat akan berlaku sepertimana yang berlaku di negara-negara lain. Alhamdulillah, kita di Malaysia walaupun berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang agama kita dapat pertahankan keharmonian ini, di mana di dalam lagu kebangsaan Negaraku sendiri dengan jelas menyebut "Inilah tanah tumpah darah ku." Semua kita yang ada sekarang ini dilahirkan di Malaysia. Oleh itu saya berharap dan berseru terutama dipihak pimpinan kerajaan dan semua pimpinan parti politik janganlah meletakkan perjuangan bangsa itu yakni untuk melobi kepentingan bangsa sendiri tanpa memikirkan kepentingan rakyat Malaysia secara keseluruhannya sebagai perjuangan untuk meneruskan muhibah ataupun mahabbah di kalangan rakyat Malaysia.

Mahu tidak mahu sudah sampai masanya jika dibiarkan keadaan ini berlaku, maksud saya apabila pimpinan itu untuk mendapat tempat; dia terpaksa berjuang untuk bangsanya dengan melobi, dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh mendatangkan kemarahan atau kebencian di kalangan kaum lain. Akan berlaku negara kita ini seperti *time bomb* yang apabila meletup sudah tentu tidak dapat diselamatkan lagi sepertimana yang berlaku di Greece pada masa sekarang ini. Semalam saya tengok berita polis menembak remaja, rakyat bangun merusuh dan menjadi satu rusuhan yang amat besar. Oleh itu apa alternatif kita sebenarnya untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan kestabilan politik di dalam negara kita yang kita cintai ini, Malaysia untuk diteruskan.

Sudah tentulah bersesuaian dengan Perlembagaan Negara kita yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi. Susah tentulah pemilihan kita, alternatif kita untuk menjadikan Islam itu

sebagai teras ataupun sebagai dasar penyatuan kita dalam negara kita ini dapat menjamin kesejahteraan kita... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Tidak ada perasaan agama, Islam itu amat adil. Islam itu tidak akan menzalimi sesiapa dan sejarahnya adalah panjang kalau hendak dibangkitkan di sini.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2009 kerajaan telah meletakkan sebanyak RM7.15 bilion untuk Kementerian Dalam Negeri dan dari jumlah itu lebih daripada separuh iaitu RM4.77 bilion kepada PDRM. Saya kira sudah tentulah perbelanjaan hampir RM5 bilion ini akan dibelanjakan untuk akta keselamatan dalam negeri. Sudah sampai masanya saya berdiri di sini sebagai orang yang sudah dua kali, hamba Allah yang sudah dua kali di tahan di bawah ISA ini.

Saya di Dewan yang mulia ini merayu kepada kerajaan yang ada supaya memansuhkan Akta ISA ini. Ini kerana ia amat bertentangan dengan Islam. Islam telah meletakkan bahawa kita tidak boleh menghukum seseorang itu tanpa disabitkan kesalahannya walau apa pun alasan yang kita beri. Maka akta yang seperti ini bukan sahaja melanggar perintah Islam ataupun hukum Islam itu sendiri malah ianya melanggar hak asasi manusia. Saya percaya dan saya tidak akan mengambil kesempatan walaupun ada di kalangan parti kerajaan dalam komponen Barisan Nasional yang banyak menentang ISA yang disebut dalam laporan akhbar sebagai Duri dalam daging Barisan Nasional.

Saya tidak akan mengambil kesempatan itu tetapi apa yang saya sebutkan di sini apabila kita padang balik ke belakang. Melihat sejarah di mana pada tahun 1960 apabila ketika itu pengganas komunis yang begitu dahsyat melakukan gerakan subversif di dalam negara kita. Ianya hingga membawa Kerajaan Perikatan pada masa itu mengemukakan satu akta yang dinamakan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya tidak sempat untuk merujuk teks-teks ucapan pada dalam Parlimen pada masa itu.

Akan tetapi dari segi umumnya apabila Almarhum Tunku Abdul Rahman membentangkan dalam Dewan Rakyat ketika itu, banyak pihak yang membuat bantahan termasuklah Allahyarham Profesor Zulkifli Muhamad. Di mana Allahyarham bimbang bahawa akta ini akan disalahgunakan oleh pihak pemerintah; sehingga ISA ini akan menjadi budi bicara parti pemerintah terutama Perdana Menteri dan Menteri di Dalam Negeri untuk menahan sesiapa sahaja.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Haji Muhamad Yusof. Yang Berhormat menyentuh tentang isu Akta Keselamatan Dalam Negeri dan mencadangkan agar kerajaan menghapuskannya sama sekali.

▪ **1240**

Saya ingin ganggu sedikit di sini oleh kerana Yang Berhormat juga ada menyebut tentang Islam melarang sama sekali ketidakadilan dan sebagainya tapi pada masa yang sama Islam juga menggalakkan atau menuntut kita menjaga keselamatan rakyat dan negara. Akta Keselamatan Dalam Negeri ini pada pandangan saya jika digunakan dengan asas-asas dan sebab-sebab yang

kukuh dan juga mengikut prosedur-prosedur tertentu yang diperuntukkan maka terhindarlah dari salah guna dan pada masa-masa yang lepas dahulu seperti yang disebutkan Yang Berhormat tadi Operasi Lalang dan sebelumnya ternyata rakyat juga menerima penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ataupun tahanan ISA.

Seperti mana yang kita sedia maklum negara kita ini mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan banyak dari semasa ke semasa perkara-perkara yang sensitif yang ditimbulkan dan sejarah telah membuktikan peristiwa 13 Mei seperti Yang Berhormat bercakap tadi pada tahun 1986 kita hampir-hampir sekali lagi mencetuskan rusuhan perkauman dan negara kita ini juga dari semasa ke semasa tidak sunyi daripada menerima tekanan daripada golongan ataupun puak-puak yang boleh dikatakan puak pelampau yang boleh menyentuh soal isu-isu perkauman dan sebagainya.

Jadi bagi saya asas untuk menjaga keselamatan rakyat dan negara adalah lebih kita utamakan dan untuk itu sekali lagi apabila dalam keadaan tertentu, masa tertentu, asas dan sebab-sebab yang kukuh dan mengikut prosedur yang diperuntukkan maka saya rasa ISA perlu dipertahankan. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi sedikit panduan di sini supaya kita tingkatkan lagi mutu perbahasan kita.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat bila saya cakap. Bila kita bangun minta laluan sebenarnya di bawah peraturan mesyuarat ianya disebut mengganggu dan kita boleh ganggu sekiranya Ahli yang dapat peluang bercakap itu sanggup duduk dan beri laluan. Sebab itu kita kata laluan dan kesempatan yang diberi oleh Ahli yang sedang bercakap itu untuk kita ganggu atau laluan, kita gunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dalam konteks Peraturan Mesyuarat 36(B) dan saya mintalah Yang Berhormat-Yang Berhormat baca 36(A) dan (B) berulang kali supaya kita faham apakah yang kita harus buat bila kita bangun mengganggu. Itu nombor satu.

Kiranya kita ada hujah-hujah yang kita terdengar, yang kita hendak patahkan, kita catat hujah-hujah itu dan bila tiba giliran kita pula bercakap, kita hujah balik untuk patahkan hujah yang diketengahkan itu. Maka kesempatan mengganggu ialah untuk mendapatkan penjelasan terhadap perkara-perkara yang kabur. Patah hujah ialah digunakan ketika kita berucap. Jadi silalah Yang Berhormat-Yang Berhormat baca 36 berulang kali supaya kita sama-sama tingkatkan lagi. Bukannya salah atau kurang baik. Sudah baik perjalanan Mesyuarat dan perbahasan dalam Dewan ini cuma kita hendak tingkatkan lagi seperti mana kita cuba tingkatkan dalam masa pertanyaan tadi. Sila, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada sahabat saya Yang Berhormat yang minta laluan tadi. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya tegaskan tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi hujah Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop tadi saya harap direkodkan untuk digunakan masa saya jemput cakap nanti. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Seperti yang saya tegaskan tadi bahawa pada dasarnya Islam melarang seseorang itu dihukum tanpa disabitkan kesalahannya walau apa pun alasan yang diberi. Sebagai contoh, saya ingin mengambil satu contoh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat kata ISA itu tidak wajar sebab ianya melanggar prinsip seseorang itu mesti disabitkan sebelum dihukum salah.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari segi sekularnya pula terdapat prinsip *preventive detention*. Makna hujah Yang Berhormat itu adalah berdasarkan ajaran Islam bukan ajaran sekular, *preventive detention*.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau di mahkamah biasa pun belum didapati bersalah sehingga disabitkan kesalahannya oleh mahkamah berbeza dengan ISA.

Saya ingin ambil contoh dalam satu buku ataupun kitab yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1974 yang memberi contoh seseorang itu boleh rosak akidahnya iaitu yang keenam, muka surat 263, Mestika hadis jilid satu tahun 1974. Minum arak kalau dengan tujuan hendak menyihatkan badan untuk beribadat apa salahnya. Kata-kata begini mengikut hadis yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri boleh menyebabkan seseorang murtad. Begitu juga dengan ISA. Ini hujah balas saya kepada Yang Berhormat saudara saya Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Kalau kita berhujah untuk keselamatan negara apa salahnya kita laksanakan ISA sedangkan kita menghukum orang itu belum lagi disabitkan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut di dalam Dewan yang mulia ini, sejarah telah membuktikan kerana ISA kerajaan sanggup membunuh. Ini telah berlaku dalam sejarah negara kita di mana dalam peristiwa Memali apabila As-Syahid Ustaz Ibrahim Libya gagal ditahan di bawah ISA dalam satu operasi waktu tengah malam lebih kurang jam 1 pagi di Kampung Memali hendak menahannya di bawah ISA dan dihalang oleh anak muridnya di Kampung Memali dan selepas itu usaha-usaha untuk menahannya di bawah ISA masih diteruskan sehingga menyebabkan satu peristiwa pada 19 November 1985 yang menyebabkan 14 orang termasuk As-Syahid Ustaz Ibrahim Libya yang pernah berkhidmat dengan kerajaan di Jabatan Perdana Menteri di Pusat Islam dibunuh. 14 orang mati, empat anggota polis mati, 23 anggota polis cedera, 14 orang awam cedera, diikuti dengan empat orang lagi orang awam yang cedera dalam kejadian itu meninggal dunia beberapa minggu dan beberapa bulan kemudian.

#### ■1250

Ini adalah satu sejarah yang amat menyayat hati. Selepas peristiwa itu Kampung Memali di *kaveat*, tidak boleh siapa pun masuk sehingga jenazah mereka tidak dibenarkan dikebumikan di Kampung Memali, terpaksa dikebumikan di Parit Panjang yang jauhnya lebih kurang 30 kilometer dengan Kampung Memali. Segala harta benda di rumah Al-Syed Ustaz Ibrahim Libya, kitab-

kitabnya, wang ringgit yang ada di mana pada ketika itu kami sedang berusaha untuk membangunkan dan membina Madrasah Memali untuk menjadi sebuah pusat pengajian. Semuanya dirampas dan yang mendukacitakan sehingga tilam, pinggan mangkuk dirampas oleh anggota polis pada ketika itu dan belum dikembalikan sehingga sekarang.

Inilah satu peristiwa yang amat menyayat hati kita dan dalam peristiwa ini kerajaan telah mengeluarkan Kertas Perintah 21 Tahun 1986 yang dikenali dengan Kertas Putih Memali, yang mana saya sendiri sebagai mangsa dalam kejadian ini terus ditahan, ditiarapkan di atas jalan raya, digari tangan ke belakang lalu dihumbankan ke dalam van, disembamkan muka di atas lantai van, dibawa ke Balai Polis Baling, ditelanjangan, didera dan sebagainya terus dibawa ke Alor Star, tiga hari tiga malam disoal siasat tanpa henti, yang menggambarkan saya ini seolah-olah seorang penjenayah yang begitu dahsyat yang begitu bersalah.

Tiga hari tiga malam disoal siasat tanpa henti, tanpa makan dan tanpa minum. Siapalah yang akan menjadi saksi kepada saya bahawa peristiwa itu telah berlaku. Tuan Yang di-Pertua, inilah kerakusan pihak yang berkuasa untuk meneruskan ISA, sanggup membunuh manusia yang begitu berguna, yang tinggi ilmu pengajiannya yang berkemampuan untuk menyampaikan dakwah, dibunuh begitu sahaja dengan ISA. Peristiwa kes ini berlarutan sehinggalah dibawa ke mahkamah, sehinggalah 161 orang ditahan termasuk kanak-kanak, termasuk wanita, termasuk golongan yang tua ditahan dan akhirnya sebahagiannya dibebaskan, 36 orang diletakkan di bawah ISA. Selepas peristiwa ini berlaku, saya difahamkan TV Malaysia menayangkan filem peristiwa Bukit Kepong, aktor dia pun ada di sini, yang menggambarkan kepada rakyat Malaysia bahawa orang Memali itu seperti komunis.

Di mana dalam peristiwa Bukit Kepong yang menyerang Balai Polis di Bukit Kepong itu ialah komunis tetapi di dalam Kertas Putih ini menyebut, Ibrahim Libya dan anak muridnya menyerang pasukan polis di Kampung Memali. Ini satu benda yang tidak munasabah Tuan Yang di-Pertua. Semasa dalam penahanan saya mendapat maklumat ada orang tua yang dipukul, ada wanita yang sedang di dalam tandas dibuka pintu dan ditertawakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah orang kata dengan izin, *make the point*, peruntukan di bawah PDRM itu yang sebahagiannya digunakan untuk penguatkuasaan di bawah ISA dan Yang Berhormat sudah kupas. Saya cuma hendak memperingati Yang Berhormat bahawa kita sedang bahas peruntukan dan saya sedar betapa sensitif dan *passionate* nya Yang Berhormat mengenai beberapa perkara dalam hal ini, tetapi saya terpaksa menjalankan tugas untuk kembalikan perbahasan mengenai peruntukan-peruntukan yang diminta oleh kerajaan selaku pemerintah ini.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya sentuh dalam peruntukan yang dibekalkan untuk PDRM sebanyak hampir RM5,000 juta. Kalaulah ISA ini dimansuhkan, sudah tentu wang itu dapat digunakan bagi kegunaan yang lain, yang lebih banyak faedah. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi, kerajaan

masih mempunyai alternatif yang lain. Kita ada Akta Hasutan, kita ada Akta Darurat yang boleh mencegah ancaman-ancaman keselamatan dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang perenggan 74, 76 iaitu meningkat kualiti pendidikan dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat terlampau banyak rungutan daripada guru-guru terutamanya guru-guru bukan siswazah yang mereka ini asalnya DG32 ataupun DG34, tetapi melanjutkan pelajaran sama ada secara langsung ataupun yang disebut PJJ, yang akhirnya mereka ini berjaya memperoleh ijazah dan dilantik kepada DG41. Soalan saya yang terdahulu, pihak Kementerian Pelajaran telah memberi jawapan, guru DG32, DG34 dan DG36 jawatan hakikinya ialah Guru Kanan Mata Pelajaran, Guru Penolong Kanan dan Guru Besar sedangkan guru DG41 yang telah berjaya mendapat ijazah tidak ada jawatan hakiki, di mana guru ini walaupun dia telah berijazah dan dia mula berkhidmat sama dengan kawan-kawannya yang lain, tetapi kawan-kawannya menjadi Guru Besar dan dia pula yang mempunyai ijazah terpaksa duduk di bawah orang yang lebih rendah kelulusannya, tetapi mempunyai pengalaman yang sama.

Harapan saya supaya kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan melihat perkara ini dengan serius, di mana guru DG41 ini sepatutnya diberi peluang kenaikan pangkat ataupun mereka ini ditukar ke sekolah menengah yang lebih sesuai dengan pengalaman yang ada kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah agama seperti yang disebut dalam perenggan 9, membangunkan modal insan berkualiti. Biasanya Tuan Yang di-Pertua, kita selalu bercakap untuk mendapatkan modal insan untuk melahirkan profesional, untuk melahirkan doktor, untuk melahirkan *engineer*, arkitek dan sebagainya, tetapi kita tidak bercakap mengenai bina insan untuk membentuk akhlak ataupun bahasa sekarang integriti mereka ini supaya apabila mereka ini menjadi doktor, menjadi doktor yang tinggi akhlaknya, yang mulia budi pekertinya.

Mereka ini apabila menjadi pemimpin kerajaan, tinggi akhlaknya, mulia budi pekertinya yang mana ini dapat menyelamatkan keadaan dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dalam satu peristiwa yang dikeluarkan oleh sebuah akhbar yang bertajuk, "*Seorang Janda Jual Tubuh Bayar Ansur*". Ini dikeluarkan dalam *Harian Metro* bertarikh 13 November 2008. Oleh sebab dia seorang janda dan mempunyai tanggungan anak, dia terpaksa jual tubuh untuk memelihara anak dan jual tubuh itu boleh dibayar secara ansuran pula. Ini seorang ibu tunggal di Pulau Pinang. Peristiwa-peristiwa seperti ini berlaku dan begitu juga dengan satu kenyataan dalam *Utusan Malaysia* 30 Oktober, seramai 257,411 surat beranak tanpa nama bapa, yakni sijil kelahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2000 sehinggalah 2008. Begitu ramai anak yang dilahirkan tanpa bapa, jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau sekiranya saya beri Yang Berhormat 20 minit sebelah petang, bolehkah Yang Berhormat selesaikan ucapan?

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Insya-Allah boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang selama 20 minit. Kemudian Tuan Pau Chiong Ung boleh bersedia untuk bercakap. Ahli-ahli Yang Berhormat masa cukup, Mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ir. Wong Foon Meng]:** Silakan Tuan Haji Muhamad Yusof untuk sambung ucapan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbahasan saya tadi di mana Ketua Hakim Mahkamah Syarie pusat yakni Datuk Ibrahim Lembut. Beliau telah mendedahkan seorang ibu tunggal yang mempunyai enam anak terpaksa menjual tubuhnya untuk di bayar secara ansuran untuk memelihara anak-anaknya. Ini adalah satu perkara yang malang dan oleh sebab itu saya mohon supaya Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama khususnya Menteri yang berkenaan supaya memandang serius hal ini. Di samping itu, JAKIM hendaklah berusaha bersungguh-sungguh bagi memahami ibu-ibu tunggal yang seperti ini dan kelahiran anak luar nikah yang begitu ramai agar gejala sosial tidak akan berlarutan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang pendapatan peneroka pada masa kini terutamanya pekerja-pekerja sambilan dan peneroka. Ini berikutan dengan kejatuhan harga getah yang begitu mendadak di mana sebelum ini harga getah meningkat sehingga RM4 lebih sekilogram dan sekarang ini berada di paras RM1 sekilogram. Saya mempunyai satu penyata pendapatan seorang peneroka di FELCRA Berhad kawasan Pulau Belantik di Kedah pada bulan Ogos 2008, di mana peneroka ini hanya mendapat gaji bersih sebanyak RM12.60. Namun, gaji keseluruhan pada bulan yang berkenaan ialah RM144.30 dan ditolak potongan yakni pendahuluan yang diambil untuk keperluan harian dia sebanyak RM131.70 bermakna baki pendapatan bulan berkenaan RM12.60.

Keadaan ini kalau tidak diambil perhatian serius oleh kerajaan, akan berlakulah satu perkara seperti mana di Baling sendiri pada tahun 1974. Sejarah telah membuktikan di mana ketika itu harga getah jatuh di paras RM30.30 sekilogram dan keadaan musim hujan pula sehingga orang-orang kampung tidak dapat bekerja dan tidak dapat membeli beras sebagai makanan asasi dia. Sehingga berlakulah satu demonstrasi yang besar di kawasan Baling dan juga di kawasan Sik pada tahun 1974.

Oleh itu saya mohon, seperti mana perenggan 20 dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini supaya kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang serius untuk membantu peneroka-peneroka ini dan penoreh-penoreh getah khususnya. Ini supaya keadaan harga getah yang jatuh begitu teruk ini dapat membantu mereka agar kehidupan seharian mereka sekurang-kurangnya mereka mampu untuk memberi makan kepada ahli keluarga mereka dan sedikit wang saku untuk anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang perenggan 123 dan apa yang saya akan tekankan di sini ialah kerjasama kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Sehubungan itu, pelbagai tanggungjawab bersama walaupun lima negeri ini Barisan Nasional menjadi pembangkang dan di peringkat Persekutuan Pakatan Rakyat pula menjadi pembangkang. Akan tetapi dalam hal untuk kita memberi khidmat kepada rakyat yang telah memberi mandat kepada kita, sikap *politicking*, kepentingan politik masing-masing saya mohon diketepikan. Oleh kerana saya sendiri dilantik oleh Kerajaan Negeri Kedah yang diluluskan dalam Dewan negeri Kedah sebagai senator. Maka menjadi kewajipan saya bercakap di dalam Dewan yang mulia ini agar kerjasama kerajaan pusat dan kerajaan di lima negeri ini dapat diadakan mengikut kehendak perlembagaan dan semangat kerjasama dan tanggungjawab terhadap rakyat.

Dalam hal ini saya ingin menyentuh di mana telah saya sebut dalam sidang yang lalu dalam perbahasan Bekalan Tambahan mengenai dengan bayaran Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri iaitu bayaran *Payment Environmental Services* (PES), dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, di mana jawapan yang saya terima secara bertulis oleh pihak Kementerian Kewangan di mana, untuk makluman Yang Berhormat selaras dengan keputusan kerajaan pada tahun 2003. Kementerian Kewangan sedang mengambil tindakan untuk menentukan cara yang terbaik untuk melaksanakan keputusan tersebut iaitu bayaran ganti rugi dijelaskan dalam bentuk projek pembangunan atau melalui apa-apa bantuan lain yang dibenarkan di bawah peruntukkan undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2003, 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008 sudah berlalu enam tahun. Di mana Kerajaan Pusat sewajarnya menjadi tanggungjawab membayar kepada Kerajaan Negeri Kedah sejumlah wang RM600 juta. Jawapan yang diberikan oleh Menteri Kewangan bahawa bayaran ini akan dibuat dalam bentuk pembiayaan pembangunan dan sebagainya yang akan dirunding dengan Kerajaan Negeri Kedah.

Saya merayu supaya Menteri Kewangan melaksanakan janji ini di mana rundingan boleh dibuat secara langsung dengan Kerajaan Negeri Kedah agar peruntukkan ini dapat diuruskan. Di mana rakyat akan mendapat manfaat daripada peruntukkan sebanyak RM600 juta ini.

■1440

Satu lagi mengenai dengan LADA, di mana saya pada sesi yang lepas membuat soalan dan dijawab oleh Menteri yang berkenaan bahawa mesyuarat LADA akan diadakan pada 15 September 2008 tetapi mesyuarat itu tidak diadakan. Jawapan yang terbaru belum lagi saya peroleh dan saya difahamkan bahawa LADA yang dibentuk sebelum ini akan tamat tempoh penubuhannya pada Mac 2010.

Dalam keadaan ini saya sekali lagi merayu Menteri Kewangan supaya segera mengadakan mesyuarat dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk mengatasi masalah LADA di Langkawi kerana ada masalah yang berlaku sekarang ini di mana program dan aktiviti yang dilakukan oleh LADA kadang-kadang bertembung dengan majlis daerah dan Pejabat

Daerah Langkawi. Kerajaan negeri insya-Allah akan bersedia memberi kerjasama sepenuhnya kepada pusat di atas kepentingan dan tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh dalam perenggan 48, mengenai dengan petani-petani atau penanam padi. Saya ingin memohon kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana telah berlaku pemberian baja organik yang dibekalkan oleh kementerian berkenaan kepada petani-petani melalui Pertubuhan Peladang bagi kawasan-kawasan yang terlibat iaitu arau di Perlis, Jerlun, Ayer Hitam, Serpan, Sanglang, Tunjang, Jitra, Sungai Baru dan Kodiang di Kedah, kesemuanya meliputi kawasan seluas hampir 50,000 hektar.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh CAP atau Persatuan Pengguna Pulau Pinang, baja berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memperoleh 10 tan padi per hektar dan pada tahun 2007, kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM900 juta untuk membekalkan baja dan konsesi lain secara percuma kepada petani.

Baja yang dikatakan organik itu terdapat dalam kimpit 25 kilogram dan diedarkan secara percuma kepada petani tetapi mereka perlu membayar RM1 sebagai bayaran pengangkutan. Sejak tiga musim yang lalu, lebih kurang 20,000 orang petani yang terlibat telah membayar kira-kira RM600,000 sebagai bayaran pengangkutan kepada Pertubuhan Peladang kawasan. Yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, para petani telah membuat aduan kepada CAP bahawa selepas baja digunakan pada tanaman, warna daunnya bertukar menjadi kekuningan di mana pokok padi akan mati.

Pertumbuhan pokok padi juga didapati terbantut ataupun terencat. Baja itu juga didapati berbau busuk dan turut dicemari bahan-bahan seperti kepingan kaca dan batu kecil. Apabila baja itu digunakan pada sawah, tanahnya menjadi lembut dan jernih. Selain itu petani juga mengadu mereka mengalami masalah kulit apabila terkena baja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian yang berkenaan supaya memandang serius akan perkara ini di mana pembekal dan pengilang baja tersebut telah melakukan suatu penipuan kepada petani-petani dan wang rakyat dibelanjakan dengan begitu banyak.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Gooi kerana saya sudah menyediakan sedikit data iaitu masalah pendidikan Orang Asli yang lebih kurang 140,000 dalam negara kita. Orang asli ini merupakan peribumi yang saya pernah terbaca dalam satu artikel menyebut semasa kedatangan Parameswara ke Melaka, ketika pembukaan Melaka, Orang Asli inilah yang telah membantu Parameswara dan Orang Asli ini dikenali mempunyai kepakaran ilmu perhutanan yang sangat mendalam. Mereka tahu asal usul bagaimana perjalanan dan suasana atau *environment* dalam hutan.

Orang asli ini pula mempunyai 18 kaum dan mempunyai 18 bahasa. Jadi saya ingin menekankan di sini supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memandang serius dan saya mengambil kesempatan ini menyokong saranan Dato' Gooi supaya ditubuhkan satu jawatankuasa khas yang kalau boleh dipengerusikan oleh

orang asli sendiri, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu kita misalnya untuk menjadi pengerusi. Dia kena masuk dalam hutan, tidak cukup dia, ajak Yang Berhormat Dato' Gooi masuk sama, tidak cukup dua, saya sendiri dengan rela hati sanggup masuk ke dalam hutan kerana mereka ini adalah peribumi yang perlu kita beri perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, atas permintaan rakan-rakan yang lain saya tangguhkan ucapan saya sehingga kini dengan ucapan *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat. Daripada catatan yang saya dapat di sini, Tuan Pau. Tidak mengapa kalau Tuan Pau hendak bagi laluan dahulu. Selepas ini saya minta Tuan Pau untuk bersedia.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Tuan Pau kerana berikan laluan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Bajet 2009 di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah membentangkan bajet yang bertemakan kerajaan prihatin pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 50 tahun kemerdekaan, kejayaan-kejayaan Barisan Nasional tidak boleh dinafikan, antaranya:

- (i) berjaya membawa kesejahteraan kepada rakyat sejak kemerdekaan 50 tahun yang lalu;
- (ii) kestabilan politik;
- (iii) ekonomi negara terus mencatat pertumbuhan yang mantap;
- (iv) berkurangan kadar kemiskinan daripada 5.7% pada tahun 2004 kepada 3.6% pada tahun 2007; dan
- (v) kurangkan defisit bajet daripada 5.5% daripada KDNK pada tahun 2000 kepada 3.2% pada tahun 2007.

Bajet 2009 telah menggariskan beberapa langkah mesra rakyat seperti:

- (i) pesara kerajaan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun akan menerima pencen minima RM720 sebulan mulai 1 Januari 2009. Ini menyelamatkan mereka daripada menjadi rakyat yang miskin;
- (ii) menubuhkan tabung bantuan khas bagi menyalurkan pemberian kewangan kepada keluarga yang kehilangan punca pendapatan secara mengejut; dan
- (iii) mewujudkan program Rumah Tunas Harapan bagi kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dalam keadaan suasana kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2009 telah dibahaskan secara panjang lebar di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Bajet itu juga telah diteliti dari segi dasar, prinsip dan teori ekonomi. Saya tidak akan membazir masa Dewan yang mulia ini untuk mengulang perbahasan yang serupa bahkan saya akan cuba memainkan peranan sebagai lidah rakyat dan menyuarakan pandangan mereka dari segi pelaksanaan projek dan program kerajaan.

Berkenaan projek perumahan, dalam tempoh 2006 hingga 2008, sebanyak 3500 rumah baru telah dibina dan 2,000 rumah dibaiki di bawah Program Bantuan Rumah untuk membantu keluarga miskin tegar memiliki rumah kediaman yang selesa dan juga membina rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi golongan yang berpendapatan rendah.

■1450

Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk projek membaik pulih rumah usang rakyat miskin tegar. Saya memuji usaha kerajaan kerana saya sendiri pernah melawat rumah orang miskin tegar dan memang teruk keadaannya. Jangan sebut bahawa rumah itu tiada perabot yang paling asas, atap rumah pun sudah tak boleh menahan air. Bahkan dia cuma boleh menapis air hujan. Sesungguhnya saya apabila saya nampak rumah itu, saya dapati bahawa reban ayam pun yang biasa pun tidak bocor sedemikian. Orang-orang miskin seperti ini amat memerlukan bantuan kerajaan agar dapat hidup sebagai manusia, akan tetapi kerajaan juga harus mengambil tindakan untuk membantu mangsa-mangsa projek rumah terbengkalai.

Kebanyakan pembeli rumah itu juga datang daripada golongan yang hanya mampu membeli sebuah rumah yang paling murah di pasaran. Tuan Yang di-Pertua, kadangkala setengah-setengah pemaju sebenarnya sudah ada masalah aliran tunai ataupun *cash flow*, dengan izin. Maka dalam keadaan *desperate* itu, mereka menawarkan rumah pada harga yang di bawah paras pasaran biasa. Maka pembeli-pembeli yang tertarik itu datang daripada golongan yang berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli rumah pada harga pasaran yang biasa. Ada yang baru bayar 10%, ada yang sudah bayar sepenuhnya tetapi akhirnya projek perumahan yang berkenaan terbengkalai. Memang daripada segi undang-undang, para pembeli berhak membuat macam-macam tuntutan dan meminta macam-macam pampasan tetapi biasanya pejabat pemaju yang berkenaan tinggal seorang dua sahaja dan tugas mereka ialah duduk di pejabat untuk dimarahi dan dimaki oleh pembeli.

Mereka akan buat bermacam-macam janji misalnya akan bayar pada minggu depan ke, akan bayar pada bulan depan tetapi pemaju yang berkenaan memang tidak mampu menunaikan janji-janji itu. Yang lebih teruk lagi ialah rumah siap dibina tetapi bukan disiapkan secara sempurna. Kunci rumah sudah diserahkan. Ansuran pinjaman rumah sudah mula dibayar tetapi tidak ada CFO. Maka pembeli tidak boleh pindah masuk. Rumah-rumah yang mereka sewa sebelum itu sudah ditamatkan penyewaannya, perabot sudah siap dibuat, anak-anak sudah dipindah ke sekolah yang berhampiran. Kini tak tahu bila boleh pindah masuk ke rumah baru, tak tahu nak sewa rumah baru ke ataupun nak tinggal di mana atau anak nak bersekolah dekat dengan tempat lama ataupun di tempat baru. Sewa pun sudah dibayar, ansuran bank pun tidak boleh di hutang. Kita pun tak tahu macam mana nak bantu pembeli-pembeli rumah yang serba kesusahan dan serba salah.

Pemaju pun tak puas hati, pembeli rumah pun tak puas hati. Kalau kita nak tekan pemaju sangat, nanti pemaju pun gulung tikar. Tuan Yang di-Pertua, saya takut dalam keadaan ekonomi sekarang, lagi banyak kes seumpama itu akan berlaku. Saya bercadang penyerahan kunci

bersama-sama CFO mesti disyaratkan. Ini bermaksud kalau pemaju belum dapat CFO, dia tak boleh serahkan kunci kepada pembeli rumah dan ini saya percaya bahawa pihak kerajaan juga harus kenakan syarat-syarat yang lebih ketat bagi mencegah kes-kes seperti ini berlaku. Sebenarnya konsep siap sebelum jual adalah satu cara yang berkesan untuk memastikan para pembeli tidak menjadi mangsa seperti itu. Yang perlu perlindungan kerajaan adalah rakyat jelata dan bukan pemaju seperti dalam kes tersebut.

Berkenaan dengan pengangkutan awam. Tuan Yang di-Pertua, saya memuji usaha kerajaan menggalakkan lebih ramai warganegara menggunakan pengangkutan awam. Sekiranya ramai warganegara menyahut seruan dan usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, saya yakin dan percaya masalah kesesakan jalan raya dan pencemaran alam sekitar akan diperbaiki. Saya juga bersetuju dengan kerajaan bahawa pengusaha-pengusaha pengangkutan awam berperanan penting memastikan jaringan perkhidmatan yang lebih luas serta efisien, selamat dan bermutu tinggi. Maka saya berpendapat bahawa kawalan ke atas pemandu bas ekspres demi menjamin keselamatan para penumpang. Mengurangkan kes kemalangan jalan raya dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem pengangkutan awam.

Kerajaan sudah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kos operasi pengusaha pengangkutan awam seperti tingkatan kuota subsidi diesel bagi pengangkutan awam, kurangkan bayaran tol sebanyak 50% bagi semua bas, pengecualian cukai jalan ke atas pembelian bas baru yang dipasang dalam negara serta cukai jalan RM20 sahaja setahun bagi semua bas dan teksi. Mudah-mudahan dengan insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada sektor pengangkutan awam, para pengusaha akan bekerjasama dan memberi lebih pendekatan kepada keselamatan dan keselesaan para penumpang agar usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan pengangkutan awam akan berjaya. Perkembangan sistem pengangkutan awam dan peningkatan penggunaannya akan memberi kesan positif terhadap usaha untuk mengurangkan bilangan kenderaan di jalan raya, masalah kesesakan jalan raya dan juga pencemaran udara yang disebabkan oleh bilangan kenderaan yang terlampau banyak di jalan raya.

Maka saya yakin segala kerugian daripada segi kutipan cukai jalan dapat dipulihkan daripada penjimatan kos selenggaraan jalan raya dan kos pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Saya mengalu-alukan cadangan untuk meningkatkan sistem LRT di Lembah Klang dan Pulau Pinang. Namun demikian, saya rasa kecewa kerana cadangan sistem LRT di Johor Bahru semenjak lebih 10 tahun yang lalu rupanya telah dibekukan di dalam peti sejuk. Saya berpendapat bahawa projek sistem LRT di Johor Bahru yang telah diketepikan sedemikian lama perlu dikaji semula dan dilaksanakan dengan seberapa segera. Saya amat percaya bahawa sistem LRT akan meringankan masalah kesesakan jalan raya yang semakin tenat di Johor Bahru.

Pelaksanaan projek LRT pada masa sekarang akan merangsang ekonomi serantau dan tanah air. Ia juga akan mengurangkan permintaan untuk persimpangan bertingkat dan projek-

projek pelebaran jalan raya yang diperlukan di sana sini di Johor Baru. Sambil mengurangkan masalah pencemaran udara, selain daripada itu, ia juga akan mendatangkan impak yang besar dan positif terhadap industri pelancongan di Johor Bahru. Di samping itu, apabila kos minyak petrol dan diesel naik melambung, pengusaha-pengusaha bas ekspres dikenakan surcaj 30% ke atas tambang bas. Kini harga diesel sudah turun ke paras dahulu tetapi surcaj tersebut masih dikekalkan. Apakah sebabnya surcaj tersebut dan kenapa ia masih dikekalkan? Tuan Yang di-Pertua, projek-projek kemajuan sistem pengangkutan termasuk pembinaan lebuh raya persimpangan bertingkat dan sebagainya, maka saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana sedang membina Lebuh Raya Senai-Desaru di Johor Bahru.

#### ■1500

Saya memang faham bahawa projek-projek seumpama itu akan mendatangkan sedikit masalah seperti kesesakan lalu lintas, jalan rosak dan sebagainya di dalam tempoh pembinaannya. Masalah-masalah tersebut boleh diringkaskan dengan kerjasama di antara pihak berkuasa tempatan dan kontraktor projek. Masalahnya projek Lebuh raya Senai-Desaru menjadi mimpi ngeri kepada penduduk-penduduk berhampiran. Perancangan projek yang tidak sempurna dan sikap tidak bertanggungjawab menyebabkan berlakunya banjir dan banjir lumpur setiap kali hujan lebat. Perbincangan demi perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan, syarikat konsesi, kontraktor projek, pakar perunding projek dan Lembaga Lebuh raya Malaysia tetapi masalah berlarutan selama dua, tiga tahun ini.

Saya tidak yakin bahawa apabila projek tersebut siap, mimpi ngeri mereka akan tamat. Kawasan yang dilanda banjir lumpur itu bukan berada di lembah bukit tetapi di pertengahan bukit. Di antara punca-punca masalah tersebut adalah kolam tadahan air ataupun *retention pond* yang tidak mencukupi dan juga yang tidak diselenggarakan dengan baik dan mengikut jadual. Apa yang lebih teruk lagi ialah air daripada projek gergasi itu melalui parit besar di dalam kawasan projek tetapi di sambung ke longkang kecil di kawasan perumahan. Itulah yang saya sifatkan sebagai sikap tidak bertanggungjawab. Bagaimana longkang kawasan perumahan kecil yang dibina 20 tahun dahulu boleh menampung air yang begitu banyak daripada projek gergasi itu. Sekiranya penyambungan itu tidak dapat dielakkan, sekurang-kurangnya longkang-longkang kecil itu perlu diperbesarkan dan didalamkan agar dapat menampung air daripada projek besar itu.

Saya pun rasa hairan siapakah yang meluluskan penyambungan longkang itu. Saya difahamkan oleh pihak berkuasa tempatan bahawa syarikat konsesi dan kontraktor melaksanakan projek sesuka hati mereka tanpa menunggu kelulusan daripada pihak-pihak yang berkuasa. Adakah kerana mereka kontraktor projek kerajaan, mereka menjadi secara automatik terkecuali daripada segala tindakan undang-undang? Mereka menjadi pihak berkuasa yang lebih berkuasa lagi daripada pihak-pihak berkuasa yang rasmi yang boleh buat sesuka hati tanpa menghiraukan kesusahan yang menimpa orang lain.

Penduduk-penduduk yang berkenaan perlu bertungkus-lumus mencuci rumah selama berjam-jam walaupun banjir lumpur hanya selama setengah jam. Bil air yang tinggi bulan demi

bulan. Saya pernah minta syarikat kontraktor membayar sedikit bayaran ihsan kepada penduduk yang terlibat tetapi syarikat-syarikat berkenaan buat tidak dengar sahaja. Sikap tidak bertanggungjawab dan sikap sombong mereka itu adalah racun kepada undi wakil rakyat. Maka selalunya wakil-wakil rakyat hilang sokongan pengundi bukan kerana mereka tidak buat kerja tetapi kerana sokongan mereka diracuni pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2009 menyediakan peruntukan RM1.8 bilion untuk menambah kemudahan asas dan infrastruktur di luar bandar. Kebanyakan peruntukan digunakan untuk projek-projek jalan di luar bandar. Masalahnya sambil kerajaan amat prihatin terhadap kehidupan rakyat jelata di luar bandar, adakah pegawai-pegawai yang melaksanakan projek berkongsi keprihatinan ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua, saya nak sentuh sedikit tentang satu jeti kecil di Kampung Kong Kong. Jeti Kampung Kong Kong itu merupakan sebuah jeti yang mempunyai penduduk lebih 10 kampung berhampiran bergantung untuk mencari rezeki. Selepas sedemikian lama bertungkus-lumus, jeti itu sudah uzur dan kakinya sudah retak. Tindakan yang harus diambil segera termasuklah menaik taraf ataupun sekurang-kurangnya membaik pulih jeti tersebut. Saya menegaskan sekali lagi perkataan segera. Ini adalah kerana orang-orang kampung yang bergantung pada jeti untuk kehidupan tiada pilihan yang kedua, suka tidak suka, itu satu-satunya jeti yang boleh digunakan oleh penduduk kampung yang berkenaan dan bukan satu, dua kampung, hampir 20 kampung.

Akan tetapi Jabatan Laut mengeluarkan arahan dan melarang orang-orang kampung daripada menggunakan jeti tersebut dengan kenyataan bahawa jeti itu tidak selamat. Kalau siapa nak pakai, ia menjadi tanggungjawab masing-masing. Orang kampung terpaksa terus menggunakannya bukan kerana sengaja ingin ingkar perintah tetapi kerana mereka tiada pilihan yang lain. Tiada pengganti jeti tersebut, macam saya berikan contoh, kalau kita semua tahu bahawa dunia kita sudah tercemar, banyak kes jenayah dan sebagainya. Akan tetapi kita tidak boleh pindah ke planet yang lain, oleh sebab kita tidak ada pilihan. Jadi, sudah hampir setahun lamanya arahan dan larangan dikeluarkan. Jeti yang uzur itu semakin uzur kerana tiada langsung tindakan pembaikpulihan diambil. Saya amat tidak berpuas hati dengan sikap melepaskan batuk di tangga seperti ini.

Berkenaan dengan subsidi diesel, Tuan Yang di-Pertua. Sambil kerajaan berusaha untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan, adakah kerajaan sedar bahawa sistem subsidi diesel kepada para nelayan telah menyebabkan sesetengah nelayan memilih untuk menjual diesel sahaja dan tidak menangkap ikan. Amalan tersebut bukan sahaja menggagalkan usaha kerajaan untuk membantu para nelayan yang memerlukan bantuan bahkan ia juga menjejaskan jumlah tangkapan ikan dan bekalan ikan di pasaran. Lalu menjadikan ikan lebih mahal kepada para *consumer*. Sistem subsidi diesel juga banyak penyelewengan. Negara kita amat bergantung pada hasil pertanian sebagai pendapatan negara. Pada tahun 1993, apabila ekonomi gawat, harga

hasil-hasil pertanian seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya berada pada paras yang menggalakkan tetapi kini harga hasil-hasil pertanian juga terjejas.

Para pengusaha pertanian boleh dikatakan jatuh ditimpa tangga kerana harga baja dan racun masih berada di paras yang sangat tinggi. Kerajaan harus menghulur tangan bantuan kepada para petani yang telah menyelamatkan ekonomi negara pada tahun 1993. Pada awal tahun ini, saya berkesempatan melawat Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru bersama-sama Ahli Parlimen kawasan tersebut kerana difahamkan bahawa hospital berkenaan sekali lagi diserang kulat. Sebenarnya hospital itu pernah diserang kulat sebelum ia dibuka dan itu menyebabkan hospital itu lambat dibuka.

Jadi masalah tersebut yang memerlukan belanja yang amat besar untuk projek-projek pembaikpulihan. Pengawasan dan pencegahan juga menjejaskan imej dan integriti kerajaan. Sebelum rakyat jelata sempat melupakan peristiwa kali yang pertama, keyakinan rakyat jelata terhadap kerajaan sekali lagi dicabar oleh kulat dan mikro yang begitu kecil saiznya. Ramai orang bertanya apakah yang telah dibuat oleh kontraktor dengan belanja yang begitu besar, tindakan diadakan jaminan yang diberikan oleh kontraktor dari segi kawalan kulat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa kulat hidup di persekitaran yang lembap. Maka selagi kita tidak dapat mengenal pasti punca kelembapan tersebut serta mengambil langkah yang berkesan untuk mencegah kelembapan di hospital tersebut maka kulat akan terus hidup di hospital tersebut dan tidak akan musnah walaupun digunakan peluru.

■1510

Kelembapan sesuatu bangunan mungkin disebabkan oleh punca air yang belum dikenal pasti ataupun pengedaran udara yang kurang memuaskan ataupun *spore* kulat tersebut tidak dimusnahkan sepenuhnya. Ini kita ada alat-alat yang canggih yang boleh mengawal kelembapan. Bahan-bahan kimia yang boleh matikan *spore* kulat dan ada cat berkualiti tinggi yang kononnya boleh musnahkan dan mengawal pembiakan kulat. Maka rakyat tertanya-tertanya sekiranya kontraktor yang dilantik dan dibayar bayaran yang amat besar gagal dalam tugas mereka, tidak akan kerajaan akan biarkan begitu sahaja? Saya akan minta pihak-pihak yang berkenaan membuat kajian yang rapi untuk mengenal pasti punca masalah dan memastikan *once and for all* dengan izin masalah kulat di Hospital Sultan Aminah diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang kami dapati semasa lawatan kami ke Hospital Sultan Ismail ialah masalah kekurangan doktor yang amat mengejutkan. Saya difahamkan bahawa hospital-hospital di Johor Bahru adalah cuma *half strength* sahaja, maksud mereka cuma mempunyai separuh daripada jumlah doktor yang diperlukan dan juga pegawai-pegawai perubatan. Saya faham itu bukan satu fenomena yang mudah diatasi, tetapi saya berharap sekurang-kurangnya Kementerian Kesihatan ada rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut. Saya khawatir kekurangan doktor, bermaksud doktor-doktor yang dibebankan dengan tanggungjawab kerja yang berganda, beban kerja yang terlampau berat

itu mungkin juga akan adakan mereka menjadi kurang berkesan dan tidak bermanfaat kepada masyarakat dan juga kepada pesakit hospital yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada terima surat aduan daripada Persatuan Bulan Sabit Merah Johor Bahru tentang bayaran yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta apabila pesakit mereka memerlukan darah. PBSM Johor Bahru merupakan sebuah pertubuhan yang sangat-sangat aktif, mendapatkan derma darah daripada orang ramai. Menurut PBSM Johor Bahru, apabila hospital-hospital swasta itu mendapatkan darah daripada kerajaan, mereka cuma dicaj RM20 sekampit sahaja sebagai bayaran ujian darah. Akan tetapi kalau pesakit yang memerlukan darah itu tidak berjaya mendapatkan gantian darah, mereka akan dicaj RM200 sekampit. Saya berpendapat bahawa amalan yang bermotifkan untung semata-mata adalah amalan yang tidak beretika.

Berkenaan dengan pendidikan Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan sikap pelajar sepanjang hayat serta untuk meningkatkan kualiti warganegara dan sumber manusia, kerajaan telah menubuhkan beberapa buah Kolej Komuniti di seluruh negara. Usaha-usaha kerajaan itu merupakan usaha yang berwawasan yang melangkah ke hala yang betul tetapi sambutan daripada masyarakat dan komuniti, rupa-rupanya kurang hangat. Pada saya tidak ada apa-apa sebab kenapa Kolej Komuniti akan mendapat perhatian daripada komuniti. Yang pertama saya percaya pada keseluruhannya, komuniti ataupun masyarakat masih kurang faham akan fungsi dan peranan Kolej Komuniti jenis kursus yang ditawarkan dan siapakah golongan sasaran Kolej Komuniti itu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan menubuhkan Kolej Komuniti harus disanjung tinggi kerana kejayaan Kolej Komuniti akan memberi peluang kepada warganegara semua lapisan masyarakat untuk menambah nilai diri masing-masing khususnya dalam keadaan gawat ekonomi negara mungkin ramai warganegara akan menanggung dan perlu mencari pekerjaan baru yang memerlukan kemahiran baru. Maka di kolej-kolej Komunitilah mereka boleh mendapatkan latihan yang diperlukan dan masa yang singkat dan kos yang rendah. Selepas kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menubuhkan kolej-kolej komuniti itu saya amat berharap agar diberi peluang untuk memenuhi objektif penubuhannya. Tuan Yang di-Pertua, penuntut-penuntut Kolej Komuniti tidak diwajibkan berkelayakan minimum seperti SPM, STPM dan sebagainya.

Sesungguhnya mereka tidak berkelayakan akademik lagi-lagi memerlukan Kolej Komuniti itu. Malangnya warganegara yang berketurunan Cina dan kurang berkelayakan akademik biasanya juga lemah dalam Bahasa Melayu. Kelemahan itu menjadikan mereka ragu-ragu untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di kolej-kolej Komuniti itu walaupun mereka amat memerlukannya. Mungkin masalah serupa juga berlaku di kalangan masyarakat Melayu yang izinkan saya mencadangkan Kolej Komuniti yang tertentu mengadakan kursus mereka dalam pelbagai bahasa. Saya percaya dan yakin amalan yang lebih berpusatkan permintaan pasaran ataupun permintaan komuniti akan disambut baik oleh segenap lapisan masyarakat dan dihadkan

juga menjadikan Kolej Komuniti itu program yang berjaya dari semua aspek dan juga dapat memberikan sumbangan yang amat besar dan bermakna kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini walaupun bilangan-bilangan sekolah-sekolah Cina ataupun bilangan bangunan di kawasan-kawasan bandar dan bandar raya perlu ditambah akibat penambahan bilangan murid yang terdesak. Kementerian Pelajaran jarang mengambil inisiatif untuk menambah sekolah rendah Cina di kawasan-kawasan tersebut. Masyarakat Cina perlu berikhtiar mencari tapak memungut derma dan membina bangunan dan melengkapkan kemudahan sekolah. Usaha masyarakat Cina untuk menambah sekolah-sekolah rendah Cina sebenarnya telah meringankan tanggungjawab pihak kerajaan, tetapi usaha mereka jarang diakui atau dihargai oleh kerajaan secara terbuka. Bahkan usaha mereka sering dihadapi pelbagai cabaran dan rintangan daripada banyak pihak.

Contohnya apabila pihak sekolah memohon untuk menambah bangunan Jabatan Pelajaran Negeri akan mensyaratkan bahawa Jawatankuasa Pembinaan Sekolah mesti ada wang yang cukup atau sekurang-kurangnya 70% daripada wang yang diperlukan. Akan tetapi apabila pihak sekolah memohon kebenaran untuk memungut derma, mereka juga tanya dari mana kebenaran untuk membina ataupun buat bangunan baru. Jadi hendak buat apa dahulu? Hendak mendapatkan wang dahulukah, hendak membina bangunan dahulu? Hendak bina bangunan pun tidak ada kelulusan, pungut derma pun tidak ada kelulusan. Saya rasa amat kesal dengan sikap Pegawai Pelajaran seperti itu. Jelas sekali mereka tidak melihat usaha masyarakat Cina itu sebagai satu usaha untuk membantu kerajaan.

Mereka langsung tidak menghargai usaha masyarakat Cina untuk membantu kerajaan. Sikap pegawai kerajaan tersebutlah yang menyebabkan masyarakat Cina menolak calon-calon Barisan Nasional dalam pilihan raya. Tuan Yang di-Pertua, untuk membuktikan keikhlasan kerajaan, berjanji memberi layanan yang adil kepada semua kaum warganegara, kerajaan harus mengambil inisiatif untuk menambah sekolah rendah Cina ataupun Tamil di kawasan-kawasan yang ada keperluan. Gunakan tapak *reserve* sekolah rendah dan peruntukan kerajaan untuk menambah bilangan bangunan sekolah rendah Cina dan Tamil dan untuk menambah bilangan sekolah di kawasan-kawasan yang ada permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya berlaku sekolah rendah yang tertentu mempunyai kelebihan bilik darjah, tetapi yang lain amat memerlukan bilik darjah, sukarlah kita hendak yakinkan rakyat dan kaum bahawa kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang adil dan saksama. Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya reaksi orang ramai terhadap Bajet 2009 ialah Bajet tersebut mengandungi langkah-langkah positif ke arah meningkatkan perkembangan ekonomi, membantu *enterprise* kecil dan sederhana mengatasi keadaan ekonomi yang tidak menentu.

**■1520**

Jadi, saya berharap bahawa langkah-langkah yang diambil itu akan meningkatkan daya saingan *enterprise* tempatan, pasaran tempatan dan antarabangsa serta menggalakkan mereka menceburi pasaran negara luar. Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Pau Chiong Ung dan selepas ini saya minta Dato' Wong Siong Hwee untuk bersedia.

**3.21 ptg.**

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen Malaysia pada 29 Ogos 2008. Beberapa isu yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan adalah berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kerajaan mengumumkan keputusan untuk menaikkan harga minyak mentah pada 4 Jun 2008 kesan telah pun banyak berlaku melibatkan harga barangan terus meningkat secara mendadak. Indeks inflasi pernah mencecah 8.5%. Kehidupan rakyat terus menjadi susah dan keadaan ini menimbulkan rungutan di kalangan rakyat. Akibatnya kerajaanlah yang dipersalahkan.

Ekoran daripada penurunan harga minyak sedunia, harga minyak dalam negara telah pun diturunkan beberapa kali. Namun kementerian asyik sentuh fasal harga minyak sahaja dan jarang sentuh usaha kerajaan untuk menyelesaikan isu kenaikan harga minyak, kos pengangkutan dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan rakyat masih tidak dapat menikmati harga barangan yang murah seperti dahulu walaupun harga minyak telah pun turun kepada harga lama sebelum kenaikan harga. Maka, saya menyeru kementerian bekerjasama dengan jabatan-jabatan lain untuk mengambil tindakan dan langkah-langkah segera untuk menurunkan harga barangan agar beban rakyat dapat diringankan.

Pada masa kini, harga minyak sedunia bukan sahaja jauh lebih murah daripada harga sebelum 4 Jun 2008. Malah juga lebih rendah daripada harga tiga tahun yang lalu. Sebelum ini, kerajaan berjanji memberi subsidi minyak tetap pada 30 sen satu liter. Adakah polisi ini masih lagi diamalkan? Bolehkah kerajaan menetapkan formula pengiraan harga minyak kepada seluruh rakyat supaya orang tidak dekat-dekat sahaja sedar dan mengesyaki kerajaan tidak memberi subsidi tetapi mengaut keuntungan besar daripadanya. Rakyat juga ingin tahu berapakah indeks inflasi masa kini? Bilakah indeks inflasi akan turun kepada biasa antara dua kepada 30%.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun beberapa isu dibangkitkan ini lebih khusus kepada kawasan tertentu tetapi saya berpendapat ia adalah sangat penting sekali. Isu nombor dua yang berkaitan dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Ekoran daripada kemelesetan ekonomi, keadaan keselamatan awam semakin teruk. Peningkatan kes-kes jenayah berlaku di seluruh pelosok negara. Namun, keselamatan awam Bintulu, Sarawak adalah amat serius. Hampir setiap hari berlaku beberapa kes rompakan, pecah rumah bukan sahaja tuan rumah diikat dan

harta benda dirampas sesuka hati, lebih teruk lagi ada kes yang membawa maut kepada tuan rumah sejak kebelakangan ini. Tiap-tiap orang menjadi pucat apabila bercakap pasal kecurian dan rompakan. Bimbang siapa yang akan menjadi *target* penjenayah seterusnya. Seluruh rakyat Bintulu hidup dalam kerisauan dan panik. Sampai sekarang belum lagi penjenayah berjaya ditangkap oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada 17 November, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri pernah membentangkan di Dewan Rakyat bahawa piawaian Interpol iaitu nisbah bilangan polis kepada rakyat adalah 1:250. Kerajaan berhasrat meningkatkan jumlah anggota polis negara kepada 107,000 orang dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Di mana nisbah bilangan polis kepada rakyat pada 2012 adalah 1: 260. Akan tetapi, pada 3 Disember, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri di Dewan Rakyat sekali lagi menyatakan pula jumlah anggota polis adalah 150,000 orang selepas penstrukturan semula pada tahun 2011. Nisbah polis kepada rakyat adalah 1:151. Saya berharap kementerian dapat memberikan statistik yang betul dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diperolehi jumlah anggota polis di Bintulu adalah 270 orang termasuk polis marin seramai 43 orang. Jumlah penduduk Bintulu adalah 240,000 orang. Maka, nisbah polis kepada rakyat adalah 1:860 menunjukkan 3.5 ganda lebih tinggi daripada piawaian yang ditentukan oleh Interpol. Selain itu, bahagian Bintulu mempunyai sempadan yang luas. Keluasan bahagian Bintulu sahaja sudah pun lebih daripada sesebuah negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Penang, Selangor, Melaka atau Negeri Sembilan. Tenaga polis yang sedia ada di Bintulu sekarang memang susah untuk menjaga keselamatan awam Bintulu. Bintulu merupakan bandar industri minyak mentah dan gas asli tiap-tipa tahun menyumbangkan pendapatan 5% ke atas daripada jumlah pendapatan negara.

Pada awal tahun ini, SCORE juga telah pun dilancarkan. Di samping itu, segala aliran tenaga manusia dan empangan Bakun yang terletak di Hulu Pelaga terpaksa melalui Bintulu. Tambahan lagi di sekelilingnya mempunyai berpuluh-puluh ribu ekar ladang kelapa sawit dan kem pembalakan. Oleh sedemikian, bilangan penduduk sebenarnya adalah jauh lebih tinggi daripada statistik yang ada sekarang. Boleh bayangkan betapa seriusnya kekurangan anggota polis di Bintulu dan bagaimana pihak polis dapat menjaga keselamatan awam tempatan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini berlaku satu kes rompakan di mana sebelas orang juruteknik dari negara asing telah diikat dan dirampas harta benda. Mereka datang ke Bintulu untuk menjalankan projek penjanaan elektrik yang merupakan salah satu projek dalam SCORE. Mereka berasa amat kecewa dan terancam serta berharap pihak berkenaan dapat menyediakan satu tempat yang selamat untuk mereka tinggal supaya mereka boleh fokus kepada kerja mereka dengan hati yang tenang.

Ahli Parlimen Bintulu pun pernah menyentuh masalah ini di Dewan Rakyat dan mendapat jawapan menggalakkan daripada kementerian. Saya yang berharap segala janji dapat ditunaikan dengan segera dan bukan cakap-cakap kosong sampai akhirnya biarkan begitu sahaja. Maka,

saya menyeru kementerian memberi perhatian yang serius terhadap isu ini dan mengambil tindakan segera seperti meningkatkan kelengkapan balai polis Bintulu, menambahkan bilangan anggota serta menubuhkan pasukan Gerakan Am. Dengan sedemikian bukan sahaja dapat menjaga keamanan tempat penjenayah pendapatan negara, yang penting memastikan untuk hidup dalam keadaan aman damai serta memelihara suasana sesuai yang dapat menarik pelaburan asing. Sekiranya diberi pilihan, saya percaya rakyat Bintulu lebih cenderung memilih tempat penghuni yang aman sejahtera lebih daripada mega projek yang membawa pembangunan dan peluang pekerjaan.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, isu nombor tiga ialah berkaitan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Sejak 1980-an, ekoran daripada perkembangan pesat industri minyak mentah, gas asli, kelapa sawit dan kayu balak; jumlah penduduk Bintulu telah pun meningkat daripada lebih kurang 10,000 orang pada masa itu sehingga 240,000 orang sekarang. Peningkatan ini menjadikan Bintulu sebagai bandar pertumbuhan penduduk tertinggi di seluruh negara. Kemasukan penduduk yang ramai ini menyebabkan bilangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah pelbagai aliran terus meningkat dengan banyak.

Pada masa kini sekolah menengah di Bintulu dengan jumlah pelajar tertinggi mempunyai lebih kurang 4,000 orang pelajar. Guru bertugas amatlah ramai sehingga nama guru-guru pun susah untuk pengetua ingat. Banyak sekolah mengalami masalah-masalah seperti bilik kelas tidak cukup, bilangan murid dalam satu kelas terlalu banyak, cikgu susah mengawal keadaan kelas dengan berkesan melibatkan prestasi pelajaran yang tidak memuaskan terus melahirkan banyak masalah disiplin.

Berdasarkan kepada garis panduan Jabatan Perumahan Tempatan, jumlah pelajar ideal sesebuah sekolah adalah 1,500 manakala bilangan pelajar ideal sesebuah kelas adalah 35 orang. Banyak sekolah rendah dan menengah di Bintulu mempunyai bilangan pelajar dalam satu kelas dan jumlah pelajar sekolah yang jauh lebih banyak daripada garis panduan tersebut. Maka saya menyeru kementerian dan Jabatan Pembangunan Sekolah dapat memberi perhatian sewajarnya dalam perancangan sekolah dengan mengambil kira kelajuan penubuhan penduduk dan pembangunan tersebut sebagai salah satu faktor pertimbangan penting semasa membuat keputusan untuk penambahan sekolah baru. Saya berharap kementerian dapat menambahkan lebih sekolah rendah dan menengah pelbagai aliran di Bintulu bagi meringankan masalah kesesakan jumlah pelajar yang tinggi.

Isu keempat yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Hospital Bintulu telah siap dibina pada tahun 2002. Pelbagai kelengkapan masih banyak kekurangan. Bilangan doktor dan jururawat yang bertugas sememangnya tidak cukup dan ini tidak termasuk doktor pakar. Menurut perancangan asalnya 55 orang doktor, termasuk doktor pakar akan bertugas di sana. Akan tetapi sekarang hanya lebih kurang 30 orang doktor sahaja yang

bertugas di mana hanya 55% daripada rancangan asalnya. Keadaan ini menyebabkan pesakit selalunya terpaksa dihantar ke bahagian lain seperti Miri, Sibu dan Kuching untuk dilawati.

Memandangkan Bintulu merupakan bandar industri minyak mentah, gas asli, kelapa sawit, kayu balak, pelabuhan laut dalam dan serta aliran tenaga manusia dan penjana hidrodialektrik akan melalui Bintulu. Kelengkapan perubatan dan bilangan pegawai perubatan yang cukup adalah amat terdesak. Oleh yang demikian, saya memohon kementerian menambahkan kakitangan pegawai perubatan Hospital Bintulu serta secepat mungkin. Saya berterima kasih kementerian kerana berjanji untuk penubuhan Unit Kepakaran di Hospital Bintulu, tetapi saya berharap ini bukan janji kosong sahaja atau terpaksa tunggu beberapa tahun baru ia dibina.

Unit Dialisis Ginjal telah pun ditubuhkan di Hospital Bintulu tahun lepas dan mempunyai 20 buah mesin dialisis. Namun, disebabkan bilangan pesakit yang memerlukan dialisis terlalu ramai masih banyak lagi pesakit beratur di dalam senarai menunggu. Ruang unit tersebut amatlah sempit dan suasana lawatan pun amat tidak memuaskan. Selain itu, terdapat banyak NGO yang berhasrat untuk menyumbangkan mesin dialisis kepada hospital tetapi terpaksa dibatalkan kerana tidak ada ruang untuk peralatan baru dimuatkan di dalam Unit Dialisis Ginjal Bintulu. Maka saya menyeru pihak berkenaan dapat membesarkannya secepat mungkin dan membaiki suasana lawatan.

Selain itu, kuarters pegawai perubatan pun sudah usang dan banyak tahun kerja penyelenggaraan tidak dijalankan. Saya harap pihak berkaitan dapat memberi perhatian ke atas perkara ini. Selain itu tempat letak kereta untuk pegawai perubatan dan pelawat pesakit juga banyak kekurangan, menyebabkan kereta letak sembarangan dan menghalang trafik jalan raya. Sekiranya berlaku kecemasan adalah bimbang siasatan lalu lintas akan mengganggu masa kecemasan ambulans semasa keluar dan masuk hospital. Saya menyeru pihak berkaitan mengambil perhatian sewajarnya dalam isu ini dan memperbaikinya.

Isu nombor lima adalah berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengalami kemelesetan ekonomi pada masa kini. Kerajaan harus mengambil tindakan pencegahan sebelum keadaan lebih teruk berlaku. Walaupun sesetengah projek telah pun diuruskan tetapi kerajaan perlu selalu timbang semula mengikut keadaan dan menangguhkan mega projek yang tidak menguntungkan rakyat. Tunggu sampai ekonomi negara pulih, baru pertimbangkan untuk menjalankan projek berkenaan. Peruntukan yang diijamatkan seharusnya digunakan untuk melaksanakan projek-projek yang boleh meringankan beban kehidupan rakyat.

Akhir sekali berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Yang di-Pertua segala polisi kerajaan hanya ditentukan selepas perbincangan secara mendalam dan teliti. Tidak ada polisi yang ditentukan oleh kerajaan berniat untuk mencederakan rakyat. Namun segala polisi ini adalah diaplikasikan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Maka pegawai kerajaan harus sangat jelas terhadap tanggungjawab dan tugas jabatan mereka barulah mereka dapat berkhidmat rakyat dengan bagus dan berkesan. Dengan adanya sikap setia berkhidmat yang bagus di kalangan

pegawai kerajaan barulah boleh membina keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan mendapat sokongan rakyat.

Oleh sedemikian kualiti perkhidmatan kakitangan kerajaan amatlah penting. Sememangnya untuk menggalakkan kakitangan kerajaan melaksanakan tugas dengan berkesan pihak berkenaan harus memberi kebajikan yang bagus untuk mereka. Masa kini kerajaan telah pun menambahkan banyak kebajikan untuk kakitangan kerajaan sehingga kerja kerajaan dianggap sebagai "mangkuk besi". Maka saya berharap jangan lagi kakitangan memberi pelbagai alasan dan enggan memikul tanggungjawab mereka. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Bajet 2009 diluluskan. Sekian.

■ 1540

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Wong Siong Hwee. Selepas itu saya minta Puan Mumtaz binti Md Nawī untuk bersedia.

**3.40 ptg.**

**Dato' Wong Siong Hwee:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas Rang Undang-undang Bajet 2009. Tuan Yang di-Pertua, di dunia hari ini bukan semua negara dunia ini diberkati dengan minyak mentah sebagai sumber buminya. Namun, negara kita adalah antara negara-negara yang dikurniakan dengan minyak di bawah bumi negara kita. Minyak adalah sumber kekayaan negara ini. Berpuluh-puluh tahun selepas Petronas ditubuhkan, negara kita mendapat banyak faedah dari sumbangan sektor minyak ini. Hasil dari kutipan cukai dan juga lain-lain sektor industri minyak yang berkaitan, negara kita berjaya menukar wajah dari sebuah negara miskin sehingga menjadi sebuah negara sedang mengejar status negara membangun di rantau Asia ini.

Dari aspek itu, kita perlu banyak berterima kasih kepada kepimpinan kerajaan bawah Barisan Nasional serta semua pihak sama ada dari sektor kerajaan, swasta dan juga barisan pengurusan dan pekerja-pekerja yang gigih membina negara kita yang tercinta ini ke arah negara membangun. Namun, dalam keghairahan kita memburu cita-cita menjadi negara maju, perlu juga kita mengambil kesempatan dalam musim gawat ini untuk beradu seketika ataupun berhenti seketika. Kita berhenti sekejap untuk menoleh ke belakang dan melihat sama ada dalam beberapa tahun ini apakah kesilapan kita dari segi polisi mengenai minyak negara ini. Seperti saya katakan tadi, minyak adalah sumber kekayaan kita. Akan tetapi, minyak juga menjadi sumber masalah kita. Harga minyak yang naik menjadi masalah. Harga minyak yang turun pun menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, bahan api dan sumber tenaga seperti elektrik adalah dua sumber yang menentukan kedudukan ekonomi dunia. Pergantungan kepada minyak dan elektrik yang tidak dirancang dan dikawal secara sistematik dan rapi membawa bencana kepada seluruh dunia suatu hari nanti. Dalam konteks negara kita dari tahun 2000 hingga Mei 2005, harga minyak mentah setong dijual di antara USD20 hingga USD38 dan harga minyak kita adalah antara RM1.20 sen hingga RM1.37 sen seliter. Namun dari 1 Oktober 2004, apabila harga minyak

mentah mencecah USD47 setong, kerajaan telah menaikkan harga minyak ke RM1.42 sen seliter. Pada 5 Jun 2008, apabila harga minyak mentah naik ke paras RM120 setong, kita turut naikkan harga minyak kita ke paras RM2.70 sen seliter. Akan tetapi, apabila harga turun ke bawah RM50 setong sekarang, harga kita masih kekal di peringkat RM1.90 sen seliter berbanding dengan harga minyak mentah USD47 setong pada tahun 2004 di mana harga minyak adalah RM1.42 sen seliter hingga ke RM1.52 sen seliter. Harga minyak kita sepatutnya dalam lingkungan RM1.55 sen seliter sekarang.

Namun kita masih kekalkan harga minyak dengan harga RM1.90 sen seliter. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi, harga minyak naik pun masalah, harga turun pun masalah. Apabila harga minyak mentah naik secara mendadak kepada USD120 setong, kita terpaksa menaikkan harga kita ke RM2.70 sen seliter. Dengan melambung naiknya harga minyak ini, ke semua barang harganya naik. Harga bahan-bahan binaan seperti simen, besi dan sebagainya naik dengan mendadak. Harga makanan dan minuman pun serupa. Naik secara mendadak. Akan tetapi hendak turun, susah. Harga pengangkutan, dulu mana ada surcaj. Naik kapal terbang surcaj. Tambang bas naik. Sekarang harga turun dan harga tambang bas tidak turun. Harga makanan tidak turun. Semua tidak turun. Jadi di sektor awam, dikatakan *claim* elaun perjalanan telah naik dan ada sesetengah majikan yang prihatin telah menambahkan satu jenis elaun iaitu elaun makanan kepada kakitangannya untuk meringankan beban kakitangan mereka.

Namun, sekarang ini harga minyak jatuh ke lingkungan bawah USD50 setong. Harga barang dan perkhidmatan yang sudah naik susah hendak diturunkan. Kerajaan bolehlah meminta sesetengah pihak swasta menurunkan harga. Namun kerajaan sendiri mengaku kerajaan tidak boleh paksa peniaga menurunkan harga barang. Rungutan rakyat boleh didengari setiap hari. Tekanan hidup rakyat bertambah. Kos saraan hidup mereka naik tinggi. Akan tetapi pendapatan mereka tetap sama. Kuasa rakyat ibarat kuasa air yang besar. Jika kita tidak mengawal air besar yang melanda tebing kita, lambat laun tebing kita akan pecah dan tergadai sawah bendang kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bukan ingin mencari kambing hitam untuk dipersalahkan tetapi apa yang berlaku dalam sembilan bulan lalu iaitu selepas pilihan raya Mac hingga sekarang, suara rakyat yang tidak puas hati kerana kenaikan harga minyak dan harga barang tidak putus-putus. Walaupun harga minyak sudah turun RM0.80 sen seliter, kerosakan yang terhasil dari kenaikan harga Jun lalu telah meninggalkan kesan ekonomi yang tidak boleh diperbaiki lagi. Dalam pada itu, saya kagum dengan keberanian Yang Berhormat Menteri Kementerian Penerangan yang telah menyahut cabaran Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim berdebat di khalayak ramai mengenai keputusan kerajaan menaikkan harga minyak yang bersejarah itu. Namun dalam debat tersebut, kita boleh rumuskan bahawa justifikasi kerajaan naikkan harga minyak ialah kerana harga minyak mentah dunia naik mendadak. Kerajaan tidak boleh tahan memberi subsidi minyak sepanjang masa. Pihak pembangkang pula mati-mati berpeluk kepada fakta bahawa negara kita pengeluar minyak. Maka mengapa kita perlu naikkan harga minyak sedangkan kita ada minyak sendiri.

Yang berdebat-debatlah. Selepas berdebat harga minyak mentah turut naik lagi. Akan tetapi sekarang, walaupun harga minyak sudah turun, rakyat masih merasai bahang kesan kenaikan harga minyak yang mendadak Jun lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah pakar ekonomi atau perancang kewangan negara. Akan tetapi dalam krisis kenaikan harga minyak ini, rakyat mula prihatin mengenai kesalahangunaan subsidi minyak ini. Dari beberapa laporan, kita telah nampak bagaimana kekayaan negara kita ini terbocor. Bagi saya, saya nampak dua perkara yang perlu diberi perhatian serius. Saya nampak dua perkara di mana matlamat dan tujuan subsidi minyak ini telah disalahgunakan dan terpesong dari matlamat asal kerajaan. Saya menjemput Ahli-ahli Dewan yang mulia ini memberi perhatian kepada dua perkara ini. Sebelum krisis minyak bulan Jun 2008 ini, negara kita bangga dengan kejayaan pembangunan kita. Dalam 20 tahun yang lalu, kita tepuk dada kerana berjaya mengeluarkan kereta nasional iaitu Proton. Selepas itu kita bina Jambatan Pulau Pinang dan kita bina Twin Tower. Kita juga bina empangan baru di Tasik Banded dan Kenyir, bandar baru Putrajaya telah siap dibina. Itulah antara kejayaan kita.

Akan tetapi dalam kesibukan mengejar pembangunan dunia di sempadan negara yang jauh di mata, kita tidak beri perhatian apa yang berlaku di sana. Di setiap sempadan, mahupun di Johor Bahru ataupun di Rantau Panjang di Kelantan dan Bukit Kayu Hitam di Kedah, beribu kereta negara jiran masuk ke Malaysia semata-mata untuk pam minyak Malaysia khususnya minyak diesel.

#### ■1550

Di Malaysia harga minyak diesel adalah jauh lebih rendah daripada harga minyak petrol, tetapi di negara Thailand harga minyak diesel adalah sama dengan harga minyak petrol. Harga minyaknya adalah lebih tinggi daripada harga minyak kita. Pada bila-bila masa harga minyak Thailand adalah sentiasa lebih mahal lebih kurang seliter RM1 daripada harga minyak kita. Antara kenderaan negara jiran yang masuk ke Malaysia telah dilaporkan ada yang memasang tangki ubahsuai dan boleh pam beratus liter sekali minyak yang sama dikeluarkan di Thailand dan mereka masuk ke Malaysia pula. Jika setiap kereta masuk lima kali sehari mereka sudah untung RM500 sehari bersamaan RM15,000 sebulan. Jika didarabkan dengan 10,000 buah kenderaan sehari dari Singapura dan Thailand, bayangkan sudah berapa bilion subsidi kita telah mengalir masuk ke saku atau poket rakyat jiran kita dalam tempoh 30 tahun yang lalu.

Mustahil kerajaan dan pihak penguat kuasa Malaysia tidak tahu perkara ini, tetapi dengan sikap menutup mata sebelah kita telah melukakan Perbendaharaan Malaysia. Mengapa kita berdiam sahaja sehingga baru-baru ini saja kita meletakkan syarat pembelian minyak oleh rakyat negara jiran kita. Apabila kita hendak palu gendang, tepuk dada mengaku kita jaguh pembangunan sedangkan subsidi untuk rakyat kita dikecapi oleh bukan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan di sini ialah kelemahan, kecuaiian dan kegagalan kita untuk mengenal pasti pam yang bocor, menguasai serta mengambil tindakan awal untuk mengatasi kelemahan itu telah mengakibatkan kerajaan kerugian besar dan rakyat turut merasa. Begitu juga perkara kedua yang saya ketengahkan di sini, iaitu di negara kita, jika sebut

nelayan kita akan bayangkan nelayan miskin yang tinggal di rumah papan buruk di tepi pantai. Hidup mereka bergantung pada musim. Musim Tengkujuh mereka tidak ke laut, musim kemarau mereka ke laut. Kehidupan mereka dikatakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Ini berbeza dengan negara lain seperti Thailand, nelayannya ada bot laut dalam dan siap dengan alat-alat radar yang canggih dan pukut harimau yang besar untuk menangkap ikan. Begitu juga jika kita sebut nelayan di Jepun dan di negara Barat, nelayan adalah orang yang berpendapatan tinggi, tetapi negara kita kerajaan telah memberi bermacam-macam galakan dan subsidi kepada nelayan, tetapi tidak kaya juga mereka. Subsidi yang diberi dalam konteks perbincangan hari ini ialah subsidi minyak diesel yang diberi kepada nelayan, sayangnya subsidi ini juga disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana diesel nelayan ini boleh disalahgunakan. Kita tolaklah mereka yang mendapat keuntungan menjual diesel subsidi dalam negara. Apa yang saya ingin sentuh di sini ialah adanya nelayan-nelayan yang mempunyai lesen laut dalam telah menjual minyak diesel ini kepada kapal negara jiran di tengah lautan antarabangsa. Kapal negara lain akan tunggu kapal kita di tengah laut antarabangsa. Di lautan antarabangsa undang-undang tidak dipakai, kapal kita jumpa mereka di sana. Kita jual minyak diesel kita kepada mereka dengan harga lebih tinggi, tetapi lebih rendah daripada harga negara tersebut.

Untuk cukup syarat mengaburi mata Lembaga Kemajuan Ikan atau pihak berkuasa, kapal negara jiran ini akan mencurah beberapa tan ikan yang mereka tangkap untuk kapal mereka. Jadi, apabila kapal laut dalam Malaysia balik ke darat, laporannya ialah minyak sudah habis, ikan banyak yang ditangkap. Itulah yang dilakukan pada hari ini bulan ke bulan dan tahun ke tahun. Bayangkanlah berapa banyak subsidi minyak kita disalahgunakan. Di darat mereka pam minyak kita di stesen minyak Malaysia secara halal, di lautan antarabangsa pula mereka pam minyak daripada nelayan kita.

Tidak hairanlah kita dapat laporan bahawa subsidi kita untuk nelayan masih tinggi, tetapi hasil tangkapan nelayan kita masih kurang. Tidak mustahillah kita sehingga hari ini masih bergantung pada bekalan ikan luar negara. Itulah senario negara kita. Saya mempercayai bahawa pihak berkuasa yang bijaksana dan pihak penguat kuasa tahu mengenai aktiviti ini. Soalnya mengapa kita tidak tutup sahaja lubang paip yang bocor ini terlebih dahulu sehinggakan sekarang kita katakan, kita tidak ada wang untuk memberi subsidi kepada rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya katakan adalah kurang tepat jika kita kata kerajaan kita naikkan harga sebab kita tidak boleh tahan memberi subsidi minyak yang berterusan. Sebenarnya rakyat negara lain telah menumpang teduh di bawah polisi subsidi kita serta mengecap subsidi kita berpuluh-puluh tahun mengikut cara ini. Apa yang saya ingin katakan di sini ialah, jika pihak kerajaan kita mengambil langkah yang lebih serius untuk mengkaji semula dan mengemaskinikan polisi subsidi minyak kita serta meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan, nescaya berbilion subsidi minyak negara kita akan terselamat. Wang yang diijamatkan itu boleh digunakan untuk menangani masalah kenaikan harga minyak mentah di dunia ini.

Dari satu sudut untuk mengelakkan kebocoran subsidi minyak ini kepada negara jiran, saya sarankan sebahagian daripada jumlah subsidi tersebut dibayar terus dalam akaun setiap rakyat Malaysia tidak kira darjat, bangsa dan agama serta pendapatan mereka. Setiap warganegara Malaysia yang mempunyai MyKad akan dibuka satu akaun peribadi terus dalam mana-mana bank yang ditetapkan, dan jika subsidi minyak adalah RM1,000 maka kerajaan masukkan RM1,000 seorang setiap tahun secara automatik.

Untuk mengakhiri, ingin saya menegaskan dalam ucapan ini, saya bukan menuduh stesen minyak di sempadan bersalah kerana menjual minyak kereta daripada negara jiran. Stesen minyak tidak salah, begitu juga dengan nelayan dan saya juga bukan menuduh semua nelayan atau tuan punya lesen kapal laut dalam di negara kita ini semua terlibat dalam aktiviti yang saya sebutkan tadi. Masih ramai lagi nelayan yang tidak menyalahgunakan subsidi minyak ini. Hasil dari kegagalan atau kecuaihan pihak penguatkuasaan sama ada secara sengaja atau sebaliknya, peruntukan subsidi minyak kita telah disalahgunakan. Dalam keadaan sedemikian saya menyeru pihak kementerian dan jabatan berkenaan memberi tumpuan dan perhatian yang sewajarnya sebelum kekayaan negara kita terus mengalami kebocoran.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini juga saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai dengan ISA. Isu ISA bukan perkara baru dalam Dewan yang mulia ini. Pada zahirnya isu ISA nampak macam nasi basah, tetapi saya percaya ISA bukan isu goreng nasi basah. Selagi ISA tidak dipinda atau diubahsuai mengikut kemahuan rakyat, ISA tetap menjadi hidangan panas setiap zaman sehingga sesuatu tindakan dan perubahan diambil oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2007, antara tahanan ISA yang menimbulkan perhatian rakyat ialah lima peguam yang menjadi anggota HINDRAF. Isu HINDRAF merombak pemikiran kaum India terhadap MIC dan ia juga menjadi pemangkin kepada perubahan pemikiran politik bangsa-bangsa lain terhadap Barisan Nasional. Dalam tahun 2008 selepas pilihan raya Mac yang lepas, tangkapan beberapa watak berikutan telah menjadi buah mulut rakyat.

#### ■1600

Antaranya tahanan seorang wartawan bernama Tan Hong Cheng dari akhbar Sin Chew Jit Poh kononnya atas sebab beliau telah membuat liputan akhbar berkaitan kenyataan oleh seorang ketua pemimpin dari Pulau Pinang yang menyentuh isu perkauman. Orang yang menimbulkan isu perkauman dijentik telinga tetapi wartawan yang membuat laporan akhbar ditahan di bawah ISA. Selepas itu keluarga Raja Petra Kamarudin ditahan atas tuduhan menghina agama.

Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Teresa Kok Suh Sim juga diberi peluang untuk menginap di kem Kamunting atas tuduhan menghina agama. Teng Lee Wee dari SUARAM Johor juga ditahan kerana menghina polis. Wartawan Tan Hong Cheng dibebaskan selepas 18 jam ditahan. Raja Petra dibebaskan oleh mahkamah selepas 56 hari. Yang Berhormat Teresa Kok dibebaskan selepas tujuh hari dan Ahli SUARAM Cheng Lee Wee dibebaskan dalam dua hari. Sekiranya benar perbuatan seseorang itu menggugat keselamatan negara kita, apa gunanya

menahan seseorang itu selama 18 jam, dua hari atau tujuh hari? Undang-undang jenayah memberi kuasa mahkamah menahan seseorang selama 14 hari untuk dibuat siasatan. Soalnya mengapa ISA digunakan?

Mengikut laporan akhbar Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri, wartawan wanita tersebut ditahan demi menjaga keselamatan kerana keselamatan wartawan tersebut terancam setelah membuat laporan kenyataan perkauman oleh pemimpin dari Pulau Pinang. Saya tidak bercadang untuk bahas mengenai rasional yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tersebut. Akan tetapi alasan yang diberi telah menjadi buah mulut rakyat. Katanya jiran saya, *“Jika keselamatan seseorang diancam dan pihak polis guna ISA untuk menahan orang yang terancam di Kem Kamunting untuk melindunginya, ramai isteri yang dipukul suami pun boleh minta polis letakkan si isteri tersebut di bawah jagaan Kem Kamunting juga”*.

Tuan Yang di-Pertua, ISA yang digubal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuba ikuti perbincangan Yang Berhormat ini dan kerana saya menyedari ISA tersebut ialah satu akta undang-undang, maka rintihan Yang Berhormat tadi itu adakah menyentuh akta itu sendiri atau cara akta itu digunakan atau disalahgunakan yang menjadi perkara yang tidak puas hati Yang Berhormat itu? Akta itukah yang tidak baik atau cara dikuatkuasakan akta itu yang tidak baik?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Akta ISA itu baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sebab saya terfikir mengenai pisau.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Bukan itu. Sebab saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pisau, kalau satu atau dua orang mati kerana pisau, kita semua hendak buang pisau, itu saya rasa kerugian besar kita. Jadi, isunya pisau ialah adakah salahnya pisau atau salah guna pisau yang tajam itu? Isu di sini yang mana satu?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, isu pisau disalahgunakan. Pisau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu ini salah gunalah.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Ya, salah guna. Pisau itu bagus untuk hiris...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan undang-undang itu tidak bagus?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Undang-undang bagus tetapi disalahgunakan. Apa yang disebutkan tadi sekiranya boleh menggunakan ISA sewenang-wenangnya. Suami yang memukul isteri, apa yang saya sebutkan tadi juga boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka kalau salah guna yang menjadi masalah atau salah guna pisau yang menjadi masalah, maka mengapa kita tidak hapuskan salah guna berlainan daripada hapuskan pisau?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Saya tidak faham apa Tuan Yang di-Pertua maksudkan tadi?...  
[Ketawa] Maksud saya tadi, cadangan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Atau kita adakan mekanisme-mekanisme tertentu untuk hukum dan dera mereka yang salah guna ISA.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Betul, dera mereka yang salah guna ISA. Benar. Jadi perbahasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, kita buat lagi undang-undang, bukan hapuskan undang-undang.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Saya bukan apa Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut pun atau mencadangkan untuk menghapuskan ISA. Selepas ini saya akan banyak lagi huraikan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya hendak supaya perbahasan kita koheren.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Yes, yes, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ISA juga digubal dan dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia pada 1 Ogos 1960 dan pada 16 September 1930 bagi Sabah dan Sarawak. Berbeza daripada undang-undang jenayah biasa, ISA adalah satu perundangan yang membenarkan tangkapan tanpa perbicaraan yang boleh dilanjutkan sehingga dua tahun. Itu masalah. Sama ada ISA digubal dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, suasana negara kita masa itu masih terancam dengan fahaman komunisme dan juga gerakan buruh yang begitu cenderung kepada fahaman sosialis bermirip komunisme.

Jadi undang-undang ini adalah satu undang-undang yang tidak lazim diluluskan oleh mana-mana kerajaan demokrasi. Akan tetapi bagi Malaysia, tindakan mendadak diambil oleh kerajaan masa itu demi untuk menjaga negara ini dari ancaman komunis yang masih berleluasa. Malaysia yang baru merdeka selama tiga tahun dari British perlu menjaga keselamatan diri walaupun kita masih tidak kuat dan hidup dalam serba kekurangan. Bagi kita, ancaman pengganas komunis adalah ancaman nombor satu negara kita sehingga Parti Komunis Malaya meletak senjata beberapa tahun yang lepas. Semasa rang undang-undang ini didebatkan di Dewan Rakyat yang mulia ini, pemimpin PAS pada masa itu, Allahyarham Yang Berhormat Dato' Asri bin Muda pada masa itu PAS juga ada dalam Perikatan masa itu turut menyokong kelulusan ISA. Akan tetapi Yang Berhormat Dato' Asri telah menyifatkan ISA sebagai ubat yang beracun. Ini jelas ISA telah kemudiannya digunakan ke atas pemimpin-pemimpin politik.

Profesor R. Hickling bekas pensyarah fakulti undang-undang Universiti Malaya dalam akhbar baru-baru ini, mengakui beliau adalah orang yang bertanggungjawab ke atas penggubalan rang undang-undang ISA pada masa itu. Profesor Hickling menegaskan tujuan ISA digubal adalah untuk membendung kegiatan komunisme yang berleluasa di masa itu. Pada tahun 1950, kerajaan Amerika cuba meluluskan rang undang-undang yang sama namanya dengan ISA kita. Tujuan mereka adalah untuk membendung penubuhan parti komunis di Amerika serta membendung pertubuhan fahaman komunisme di Amerika. Akan tetapi Presiden Amerika pada masa itu Harry S. Truman telah menggunakan kuasa vetonya untuk menolak kelulusan ISA di Amerika pada 22 September 1950.

Kata Presiden tersebut, mereka akan dan boleh mengelakkan kegiatan perisikan dan sabotaj atau lain-lain kegiatan yang mengancam keselamatan negaranya tetapi perbuatan ini akan mengkhianati tradisi murni Amerika dengan mengehadkan hak untuk bersuara dengan kelulusan rang undang-undang ISA Amerika tersebut. Berbalik kepada negara kita Tuan Yang di-Pertua, apa yang Amerika cuba elakkan telah berlaku ke atas rakyat kita di mana wartawan yang membuat liputan akhbar ditahan di bawah ISA. Ahli Parlimen yang dituduh menyuarakan bantahan rakyat di bawah kawasannya dikatakan menghina agama. Orang yang mengkritik boleh ditahan di bawah ISA. Ini semua jika dilihat secara keseluruhan berkaitan dengan sekatan hak bersuara. Di sini...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan. Okey Yang Berhormat, terima kasih. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat sekarang ini sedang mempertikaikan ISA kerana menangkap seorang wartawan, di mana seorang pemberita, ditahan di bawah ISA. Puan Teresa Kok ditahan di bawah ISA. Hindraf ditahan di bawah ISA.

■1610

Yang Berhormat, masih teringat lagi kerajaan juga pernah menahan sahabat-sahabat kita daripada Mamali di Baling dulu. Sahabat-sahabat kita daripada Al-Arqam, JIM dan al-Maunah, kenapa masa itu tidak ada suara-suara Yang Berhormat yang mempertahankan mereka ini. Adakah ini juga satu bentuk yang tidak adil. Kalau ada satu kaum yang kena, maka kita hendak melompat. Apabila kaum lain yang kena, kita mendiamkan diri.

Saya ingin tanya Yang Berhormat, ISA ini adakah kita mahu negara kita menjadi macam Bangkok baru-baru ini, rusuhan. Kalau Yang Berhormat kata seorang pemberita ini ditahan di bawah ISA di Pulau Pinang kerana seorang pemimpin. Saya daripada Pulau Pinang, tapi kerana mencegah. Kalau kita biarkan perkara ini, apa kita mahu peristiwa 1969 berlaku lagi, peristiwa 13 Mei. Ini adalah sebab ISA ini adalah satu perkara hendak mencegah daripada perkara-perkara ini berlaku. Jadi saya minta keadilan daripada Yang Berhormat, supaya hendak bercakap jangan cakap satu kaum.

Kalau kaum lain yang kena Al-Maunah, JIM, anak Menteri Besar Kelantan juga pernah ditangkap dan dilepaskan. Tidak ada siapa yang mempertahankan. Jadi saya minta keadilan. Jangan hanya satu kaum kena, maka baru kita terasa. Kalau kaum lain yang kena kita tidak pernah membela. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Yang Berhormat, jadi apa yang saya sebut tadi Yang Berhormat, kemungkinan Yang Berhormat salah tafsir. ISA perlu diteruskan tetapi jangan salah guna. Apa yang memberi keterangan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi perbahasan Yang Berhormat ini dijuruskan kepada penyalahgunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri lebih daripada buruknya Akta Keselamatan Dalam Negeri itu sendiri. Jadi isunya isu salah guna?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Saya hendak...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan. Tadi Yang Berhormat bagi tahu kata apa? Yang Berhormat Dato' Musa salah tafsir ya? Saya hendak bagi tahu kepada Yang

Berhormat, sebenarnya saya rasa Yang Berhormat sendiri pun salah tafsir. Ini adalah sebab apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa pemberita itu kena ISA dan orang yang bercakap pasal perkauman cuma kena jentik telinga.

Sebenarnya bukan kena jentik telinga Yang Berhormat. Jawatan dia juga hilang. Jawatan dia pun hilang disebabkan oleh desakan daripada orang-orang yang tidak tahu apa yang dia berucap. Pemberita itu sendiri pun menulis benda yang tidak betul, ini sebabnya. Kedua Yang Berhormat, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, sebab kita sekarang ini berbilang kaum. Kadang-kadang timbul isu-isu perkauman. Bila timbul isu-isu perkauman, apa yang perlu kita buat? Adakah kita perlu masuk ke mahkamah, kadang-kadang kita masuk ke mahkamah ini, dia berbulan-bulan. Jadi isu perkauman itu kalau kita biarkan dia mungkin merebak lebih merbahaya.

Jadi kalau katakan isu perkauman, angkat dia dulu. *Investigate* benda itu, kalau tidak betul dia lepas. Jadi orang kata lebih baik kita mengelak benda itu daripada berlaku. *To prevent is better than to cure*, Yang Berhormat. Kadang-kadang kita kata kalau di Mexico saya masih ingat, satu orang itu laga kereta saya. Apabila di laga kereta saya, dia masuk lokap dulu, *guilty until proven innocent*. Dalam keadaan ini pun sama. Kalau kita hendak elakkan daripada berlakunya huru-hara, kalau ada timbul isu-isu perkauman, jadi eloklah kita masukkan dia di bawah ISA dan *investigate*. Kalau benda itu sudah *clear, clear* lah. Tidak payah kita hendak tunggu mahkamah putus sehingga benda ini merebak barulah kita hendak mengambil tindakan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi apa Yang Berhormat sebutkan tadi, sementara. Tahan dahulu, siasat lepas itu, lepas. Akan tetapi ada undang-undang lain lagi Yang Berhormat. Ada undang-undang lagi yang boleh menahan sesiapa termasuk Akta Hasutan. Kalau pemberita itu menghasut ataupun boleh mendatangkan suasana yang tidak stabil untuk negara, maka boleh guna undang-undang lain dahulu. Janganlah ISA ini tangkap dia, lepas itu, dua hari lepas. Kita sebagai Ahli Dewan pun malu dengan Gopi. ISA ini biasanya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dua hari punya. Tangkap sahaja, masuk dua tahun. Yang Berhormat berapa tahun kena dulu? Dua tahun tidak?

**Seorang Ahli:** Lebih, lebih.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Lebih dua tahun. Ini dua hari, tujuh hari, 49 hari. Jadi kalau tidak yakin dengan ISA ini, maka jangan gunakan ISA, itu maksud saya. Saya pernah masa tahun 1987, Operasi Lalang. Bukan saya kena, kawan-kawan saya daripada UMNO yang kena. Dato' Ibrahim Ali kena masa itu. Dia kena tahan di lokap Kuala Krai. Saya beli nasi, beli rokok beri dia, untuk orang Melayu. Saya orang Cina beli nasi untuk kawan saya, kasi rokok dan sebagainya. Jadi maksud saya tadi adalah sekiranya kerajaan ataupun pihak polis hendak menggunakan Akta ISA...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Saya ingin bertanya mengenai dengan kenyataan seorang pemimpin iaitu Ketua PPP iaitu Datuk Kayveas

yang mempertikaikan tentang ISA ini. Bagi saya ada pandangan tersendiri tapi saya ingin bertanya iaitu apakah ianya patut dipecat daripada memimpin PPP ataupun PBP keduanya, keluar daripada Barisan Nasional ataupun adakah Kayveas sendiri patut ditahan di bawah ISA. Mohon pandangan.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Yang Berhormat saya pohon laluan juga. Terima kasih, saya juga tertarik, terpenggil untuk bersama-sama kongsi pendapat. Dulu lain kini lain seperti yang dijelaskan. Bermakna apa yang tidak puas daripada pandangan Yang Berhormat adalah ISA atau digelar '*I Simply Arrest*'. Jadi adakah Yang Berhormat setuju sama ada ISA disemak supaya ISA tidak menjadi '*I Simply Arrest*', satu. Adakah pihak pembangkang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat? Apa, apa.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** ISA, '*I Simply Arrest*'.

**Tuan Yang di-Pertua:** '*I Simply Arrest*'? Itu baik itu... [*Ketawa*]

**Dato' Gooi Hoe:** ...'*I Simply Arrest*', supaya mencegah. Bermakna, katakan pihak pembangkang menjadi kerajaan, adakah jaminan itu walaupun ISA dikatakan dihapuskan, tidak akan satu akta lain yang lebih dahsyat lagi supaya ISA tidak tukar jadi ISA. Kemungkinan besar dia tangkap semua. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawapan kepada saya dulu sebelah sini.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar tadi mengenai dengan Kayveas. Dewan ini politik letak tepi dulu. Apa yang dikatakan oleh Kayveas bahawasanya kalau ISA tidak dihapuskan maka dia kata PPP akan keluar daripada Barisan Nasional. Betul tidak? Saya tidak setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak boleh tanya begitu sebab dia boleh kata betul hanya apabila saya beri kebenaran Yang Berhormat duduk, dia berdiri... [*Ketawa*]

**Dato' Wong Siong Hwee:** Sebenarnya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan kenyataan Kayveas sebenarnya, terus hapuskan ISA. Apa yang saya hendak cadangkan kepada kerajaan adalah kaji semula. Guna akta yang asal itu. Janganlah ada kes sedikit tangkap. *I simply arrest*. Itu kita tidak mahu. Saya hendak balik kepada...

#### ■1620

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya Yang Berhormat, sebentar saya ganggu sedikit. Di sini sebagai perbandingan teringat saya kepada dua prinsip, ISA menyentuh prinsip preventif atau *pre-emptive detention* dalam mana kebebasan seseorang warganegara itu dicabut buat sementara waktu. Ada lagi undang-undang yang lebih teruk lagi, *mandatory death sentences*. Yang mana tidak memberi langsung budi bicara kepada seseorang hakim. Tidak kira salah sahaja mati. Jadi dia menyentuh nyawa seseorang warga.

Persoalannya sekarang mengapa sesuatu yang menyentuh kebebasan mencetuskan perbahasan atau polemik yang begini hebat tetapi sesuatu yang lebih teruk lagi tidak mencetuskan perbahasan yang begitu hebat. Apa kena masyarakat Malaysia ini? Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan hukuman mati, betul tak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Mandatori.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Okey mandatori. Yang itu saya setuju. Mengedar dadah, bunuh orang, senjata api itu patut dua kali mati... *[Ketawa]* Bukan satu kali, dua kali mati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau 1,000 orang mati yang salah, satu yang tak salah termati macam mana?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Maksud Tuan Yang di-Pertua termati itu adalah tersalah hukum atau macam mana itu? Saya tak faham. Apa hendak buat Tuan Yang di-Pertua nasib dia, terhukum... *[Ketawa]* Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau menyentuh ISA pula ada kawan-kawan kata apa hendak buat nasib dia.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Tak, tak bukan itu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bahaskan ini adalah bukan kata saya mencadangkan kerajaan supaya hapus. Jangan menggunakan Akta ISA ini sewenang-wenangnya. Kalau patut gunakan 417 *for example*, tujuh hari 417 kan *lawyer*. Guna 417 dahulu. Siasat betul-betul dahulu. Betul dia salah ataupun boleh mendatangkan huru-hara dan sebagainya baru guna ISA. Siasat dahulu. Kita sebagai orang politik Tuan Yang di-Pertua kita ada kawasan masing-masing. Di kedai kopi, di pasar dan sebagainya. Orang kata kerajaan ini tak betul, kita pun tak betul Tuan Yang di-Pertua. Saya bawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini adalah suara rakyat bukan suara saya. Kalau rakyat puas hati...

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bagi laluan serta-merta atau hendak...

**Dato' Wong Siong Hwee:** Saya hendak teruskan ini Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau ini sampai pukul lima tak sempat... *[Ketawa]* Saya tak mahu sambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, hendak simpul dan beri laluan atau hendak beri laluan serta-merta?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Nanti habiskan dahulu. Minta maaf. Jadi Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak bercadang untuk menghakimi mana-mana pihak. Dalam soal tahanan ISA, dalam tahun 2007/2008. Apa yang saya ingin utarakan di sini adalah peruntukan ISA ini boleh terdedah kepada salah guna. Apa yang saya sebut tadi, salah guna.

Jadi Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab hanya membuat penilaian hasil dari laporan siasatan polis. Yang Berhormat Menteri bukan pegawai penyiasat. Beliau menerima cadangan pihak polis mengikut laporan sahaja Tuan Yang di-Pertua. ISA ini Tuan Yang di-Pertua ibarat ubat kemoterapi yang digunakan untuk mengubati kanser. Ubat kemoterapi ini sebenarnya akan makan sel-sel badan kita tidak kira sel yang baik atau sel yang tidak baik untuk membunuh sel barah. Ubat kemoterapi ini juga akan terbunuh sel yang baik. Lambat-laun ubat kemoterapi ini akan makan tuannya sendiri. Apa yang berlaku ke atas negara kita pada masa ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau sebelum kita jumpa ubat yang lebih baik buat masa kini kita masih guna kemoterapilah... *[Ketawa]*

**Dato' Wong Siong Hwee:** Tuan Yang di-Pertua, semua kawan saya yang kena kemoterapi itu *last* sekali mati. Tak seorang pun yang hidup. Apa yang berlaku ke atas negara kita pada masa ini juga sama. Tahanan ISA pada tahun 1990 hingga 1961 kesemua terhadap Ahli Parti Rakyat Malaysia dan juga Ahli Kerakyatan Buruh yang mirip sosialis dan komunisme dan ISA 1970 adalah saudara Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim kena tangkap sudah, sebagai aktivis pelajar masa itu pada tahun 1974. Pada tahun 1987 Lim Kit Siang kena tangkap, Karpal Singh kena tangkap dan lain-lain juga ditahan di bawah termasuk Ibrahim Ali dan apa yang saya kata tadi termasuk daripada MCA. Yang Berhormat Yap Piang Hong semua kena masuk ISA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya kalau hendak naik pangkat dalam politik Malaysia kena bagi tangkap ISA lah.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Saya tak mahu Tuan Yang di-Pertua. Saya lebih baik tak naik pangkat. Jadi inilah nampaknya ISA digunakan ke atas ahli politik Tuan Yang di-Pertua. Daripada tahun 1990 hingga 1991 berapa aktivis dari Sabah ditahan bawah ISA termasuk seorang SP polis. Pada tahun 1998 sekali lagi Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan dan pada tahun 2001 hingga 2005 ramai yang ditahan atas tuduhan melibatkan jemaah islamiah tetapi dengan tahanan kumpulan HINDRAF, Raja Petra Kamaruddin, Teresa Kok dan juga wartawan wanita tersebut dalam tahun 2007 rakyat mula menyoal. Rakyat yang menyoal kebijaksanaan kerajaan dalam penggunaan kuasa bawah ISA ini Tuan Yang di-Pertua.

Memadailah bagi saya bercakap mengenai ISA ini. Rakyat yang terpelajar di negara kita ini telah celik, telah buka mata selepas 51 tahun merdeka. Rakyat dapat lihat dan sentiasa memantau perbuatan kita. Kita jangan tunggu sehingga ubat kemoterapi ini makan badan tuan. Rakyat harap pagar makan padi. Jadi adalah lebih baik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Serupa dengan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof tadi dan kalau saya tak beri teguran yang sama tidak adil. Jadi serupa dengan beliau tadi Yang Berhormat sudah pun membuat *make the point*.

Jadi berapa lama lagi Yang Berhormat perlu untuk buat kesimpulan? Penutup.

**Dato' Wong Siong Hwee:** 10 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** 10 minit? Ya sila teruskan.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Jadi adalah lebih baik sembilan orang yang bersalah dilepaskan daripada menghukum seorang yang tidak bersalah. Dalam konteks ISA kalau sembilan orang yang bersalah terlepas di bawah ISA, ini termasuk mereka juga turut terlepas bawah undang-undang yang lain di negara kita. Orang yang memfitnah dan menghasut kita tahan bawah Akta Hasutan, orang yang melakukan jenayah kita tuduh bawah Kanun Keseksaan, orang yang melakukan jenayah bersenjata kita tahan bawah Akta Senjata Api. Pokoknya mereka yang di suspek melakukan jenayah mesti dituduh di mahkamah dan hak mereka untuk membela diri mesti diberi.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu pepatah yang ingin saya petik dan berbunyi seperti berikut, saya mungkin tidak setuju dengan apa yang tuan katakan tetapi saya akan melawan habis-habisan untuk menegakkan hak tuan untuk bersuara. Ini rakyat cakap ini. Bukan saya cakap. Saya bawa suara rakyat ke Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya...

■1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Ungkapan itu ada dipetik dari mana-mana saya pun sudah lupa nama dia beliau.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Ucapan saya dan sebelum ubah ISA yang beracun ini memusnahkan kita semua saya dengan suci hatinya mencadangkan jika kerajaan berpendapat ISA ini masih relevan bagi negara kita. Dalam konteks zaman ini, kerajaan perlu mengkaji semula polisi dan matlamat ISA. Kerajaan perlu memberi definisi yang lebih jelas apakah kegiatan ISA ini jelas? Apakah yang ingin dibendung agar undang-undang ini tidak disalah guna atau digunakan sebagai senjata penindasan politik atau musuh politik dalam komponen yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini juga saya ingin menyentuh hal berkaitan dengan kaum minoriti di negeri Kelantan. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan mulia ini untuk menyampaikan hasrat masyarakat minoriti rakyat Kelantan yang terdiri daripada masyarakat Cina, Siam dan India, yang mana Kerajaan Pusat pimpinan Barisan Nasional yang masih mengambil berat terhadap pembangunan nasional di negeri Kelantan melalui pewujudan Koridor Pantai Timur (ECER).

Walau bagaimanapun, masih terdapat ketirisan dalam penyaluran peruntukan pembangunan yang perlu dinikmati secara adil saksama oleh setiap lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira bangsa dan agama. Oleh itu, tiba masalah untuk Kerajaan Pusat melihat kembali kaedah penyaluran ini agar setiap sen yang dibayar oleh pembayar cukai yang terdiri daripada rakyat perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Berdirinya saya di Dewan yang mulia ini adalah untuk menyampaikan amanat dan harapan masyarakat minoriti di negeri Kelantan seperti berikut. Pertama, kaedah pembiayaan sekolah jenis kebangsaan di negeri Kelantan. Terdapat tiga buah sekolah jenis kebangsaan iaitu SJK(C) Cina yang daif iaitu SJK(C) Chung Hwa Temangan, SJK(C) Pasir Parit, Pasir Mas dan SJK(C) Pulau, Gua Musang. Sekolah-sekolah ini yang memerlukan suntikan dana agar sekolah-sekolah tersebut dapat diperkasakan seperti sekolah bestari, sekolah primer dan sekolah kluster.

SJK(C) Chung Hwa, Temangan memerlukan sebuah bangunan baru kerana struktur bangunan, dinding bangunan sudah usang diserang oleh serangga anai-anai dan sering di tenggelami air setiap kali hujan lebat dan banjir. Di samping itu, SJK(C) Pasir Parit pula tidak mempunyai makmal sains dan gelanggang permainan yang sempurna serta menyebabkan pelajar sekolah tidak dapat menjalankan aktiviti kurikulum. Manakala SJK(C) Pulau Gua Musang merupakan sekolah cawangan bagi SJK(C) Gua Musang diletakkan di bawah satu pentadbiran yang sama sehingga berlaku masalah dalam membuat keputusan dan tiada guru besar. Oleh itu,

saya mencadangkan agar supaya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pulai, Gua Musang diiktiraf sebagai sebuah sekolah induk dengan adanya lembaga sekolah yang tersendiri.

Ini dapat membolehkan pihak lembaga dapat memberi tumpuan ke atas sekolah tersebut. Dalam usaha untuk memperkasakan sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini oleh kerajaan dari segi pembangunan prasarana khususnya, sebetulnya memberi manfaat kepada semua pelajar tanpa mengira etnik. Ini kerana kaum Melayu juga belajar di sekolah jenis kebangsaan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini dan Kementerian Pelajaran Malaysia, SJK(C) Kay Boon Rantau Panjang merupakan satu contoh yang terbaik yang mana 70% keseluruhan pelajar sekolah tersebut terdiri daripada pelajar kaum Melayu. Ini menunjukkan integrasi kaum di kalangan pelajar dapat diwujudkan melalui penerapan nilai dan budaya bangsa lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna ada di Kelantan sekolah Cina yang 70% muridnya orang Melayu?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Itu contoh sahaja Tuan Yang di-Pertua. Di Kelantan ada 14 buah sekolah Cina jenis kebangsaan. Boleh dikatakan tiap-tiap sekolah lebih daripada 20% yang ada 30% dan 40% daripada kaum Melayu belajar di sekolah Cina. Di Kelantan ramai di kalangan orang Melayu, pelajar-pelajar Melayu pandai cakap Mandarin Tuan Yang di-Pertua. Jadi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini apa yang disebutkan tadi 70% adalah daripada pelajar-pelajar kaum bukan Cina. Di negeri Kelantan hanya terdapat dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan yang terpaksa menampung 7,000 pelajar dari sekolah rendah jenis kebangsaan di sekitar bandar Kota Bharu. Sekolah yang dimaksudkan ialah SMJK, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa, Kota Bharu yang kini dapat menampung 2,000 pelajar sehingga menyebabkan ramai pelajar dari sekolah luar di kawasan Kota Bharu tidak diterima belajar di sekolah tersebut.

Selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010 telah meletakkan cita-cita agar Kementerian Pelajaran Malaysia tidak meminggirkan SJK(C), SJK(T) dan SMJK dalam meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan supaya sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan baru dapat dibina di negeri Kelantan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Di antara sekolah-sekolah tersebut iaitu sekolah menengah jenis kebangsaan ketiga selain Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa dan Chong Cheng yang hanya terletak di jajahan Kota Bharu. Ini bagi menampung kesesakan pelajar sehingga menjejaskan sistem pelajaran dan pengajaran.

Walau bagaimanapun sebagai rakyat Kelantan, saya turut berbangga dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan sebuah Universiti Malaysia Kelantan iaitu UMK. Di sini timbul persoalannya bilakah mahasiswa mahasiswi ini akan belajar di kampus baru tersebut? Oleh itu, persiapannya bagi persekolahan perlu disegerakan agar lebih graduan diterima belajar di universiti ini dan lebih ramai lagi rakyat tempatan dapat melanjutkan pelajaran di tanah tumpahnya sendiri termasuk kaum minoriti di negeri Kelantan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat janji 10 minit. Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Selain sistem pendidikan tonggak kepada kepentingan kaum minoriti di Kelantan lebih berkisar kepada kegiatan ekonomi dan budaya. Kedua-dua kepentingan ini perlu diperincikan dan diberi penekanan kerana ia berkait rapat dengan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Maka saya ingin mendapat penjelasan bilangan rumah kos rendah dan sederhana telah dibina untuk rakyat miskin di negeri Kelantan. Kebanyakan rakyat miskin adalah termasuk kaum Cina, Siam dan India di Kelantan. Selain itu, di negeri Kelantan terdapat 77 buah kampung tradisional masyarakat Cina, lapan buah kampung baru Cina, 27 buah kampung masyarakat Siam dan sembilan buah kampung tradisional India yang berjumlah 121 buah keseluruhannya.

Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan bagi membantu lapan buah kampung baru. Kampung baru kerajaan tidak perlu bantu sebab di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peruntukan ini disalurkan bagi membina pusat komuniti dan membina infrastruktur asas seperti jalan dan longkang. Walau bagaimanapun, kebanyakan kemudahan di kampung-kampung tersebut perlu dinaiktarafkan lagi. Keadaan jalan kampung yang rosak perlu diperbaiki dan jalan tanah masih banyak belum diturap dengan tar. Kebanyakan kampung ini terletak di sepanjang Sungai Kelantan yang memerlukan sistem perparitan yang baik untuk mengelak hakisan dan banjir di sesetengah kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh serba sedikit mengenai budaya dan aktiviti masyarakat kaum minoriti di Kelantan, amat-amat memerlukan bantuan segera oleh Kerajaan Pusat. Di Kelantan terdapat 221 persatuan atau pertubuhan Cina bukan kerajaan atau NGO. Sebanyak 31 NGO Siam dan 8 persatuan NGO India. Pertubuhan bukan kerajaan ini memerlukan sokongan padu dalam menjalankan aktiviti mereka. Oleh itu, pemimpin kerajaan perlu mendekati NGO-NGO ini supaya mereka boleh menyokong perjuangan kerajaan dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Akhir kata, saya berharap isu-isu ini dipandang serius daripada Kerajaan Persekutuan dan janganlah seperi melepaskan batuk di atas tangga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dengan kerjasama.

■1640

**Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut membenarkan saya untuk membahaskan Bajet pada tahun ini. Saya ingin mulakan dengan ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana berjaya mengendalikan Dewan yang mulia ini dengan keadaan yang cukup membanggakan dan dapat memberikan pembedaan-pembedaan serta nasihat-nasihat yang berguna untuk meningkatkan dan memartabatkan Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa masih terhad

**Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan Ahli Dewan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan bagaimana kita ingin memartabatkan lagi dan memperkasakan lagi keadaan di Parlimen kita, yang pertama, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengaktifkan Sistem Jawatankuasa ataupun Komite Sistem dalam Parlimen khususnya untuk penggubalan undang-undang, Parlimen tidak semestinya terikat secara mutlak kepada Peguam Negara yang bertindak menasihati Perdana Menteri dalam Hal Ehwal Undang-undang.

Dalam melicinkan proses pembuatan dan perbincangan undang-undang harus dibuat melalui sistem komiti yang dianggotai di kalangan Ahli Parlimen dari semua parti. Draf undang-undang yang telah dikaji di peringkat jawatankuasa dengan sendirinya akan melancarkan masa perbahasan di Parlimen dan meratakan kefahaman sebelum sesuatu rang undang-undang itu digubal dan diluluskan.

Proses membenteng bacaan kali pertama, kedua dan ketiga di kedua-dua Dewan bukanlah proses retorik dan manual yang hanya ada pada rekod dan *Hansard* tapi tidak ada kesan pada akta dan undang-undang yang digubal itu sendiri. Kita tidak seharusnya mencari perbahasa rang undang-undang yang menjadi *mockery system*. Bercakap soal kebebasan kita merasakan bahawa demokrasi hakiki akan hanya bermula sekiranya dapat dibuat di Parlimen dengan lebih baik.

Sekurang-kurangnya untuk pemisahan kuasa, maka sekaranglah masa yang paling baik untuk mencabar ketelusan dan kecekapan terutama di saat kegawatan ekonomi dan kekuatan yang setara di antara Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Maka keputusan dan manfaat yang perlu dinikmati oleh rakyat ialah tahap pembuatan dan penggubalan undang-undang iaitu tahap legislatif mestilah dikendalikan sepenuhnya oleh Parlimen.

Berkait dengan perkara ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar bajet untuk Parlimen sewajarnya diurus dan diberi bajet yang tertentu secara terasing dan tersendiri bukannya terikat kepada kelulusan kepada Kementerian Kewangan sebagaimana amalan sekarang. Kos yang diperlukan oleh Parlimen untuk membangunkan jati diri Parlimen dan anggotanya di semua peringkat nasional serantau dan antarabangsa perlu diputuskan dan diselia sendiri oleh Speaker. Kadang-kadang kepentingan dan keunggulan Parlimen mungkin bukan keutamaan dipandang penting oleh Kementerian Kewangan untuk menghadiri perbincangan serius dan penting di peringkat antarabangsa seperti AIPA, CPA, IPU.

Ahli Parlimen kita tidak berpeluang untuk diiringi oleh pegawai penyelidik dan pegawai daripada Kementerian yang berkaitan kerana tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh berbanding dengan negara-negara lain yang jauh lebih mundur tetapi menyediakan semua perbelanjaan yang berkaitan. Masa dan konsentrasi terhadap dialog dan perbincangan memerlukan penumpuan dan bantuan penyelidikan dan maklumat tepat dan bernas.

Seterusnya berkaitan dengan keanggotaan dan pencalonan keanggotaan kita dan pencalonan serta perubahan syarat dan peraturan di saat-saat akhir tidak dapat dipantau dengan

baik dan teratur kerana kita tidak mempunyai jawatankuasa khas di peringkat Parlimen melainkan untuk AAPP sahaja. Kita telah pun membatalkan keanggotaan untuk AAPP ataupun APA, ini menyebabkan kita menghadapi masalah di peringkat antarabangsa.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menubuhkan sekretariat di Parlimen. Kita memerlukan beberapa sekretariat yang berfungsi sepanjang masa untuk membantu Ahli Parlimen kita sekali gus memartabatkan Parlimen sebagai institusi paling tinggi dalam melaksanakan pemerintahan Raja Berperlembagaan. Parlimen negara kita juga kerap dikunjungi oleh lawatan daripada luar negara, Parlimen kita semakin kerap dikunjungi oleh rakan sejawatan dari pelbagai negara yang sebenarnya memakan masa dan memerlukan pandangan dan pengalaman kita dalam komiti yang ditubuhkan secara spesifik bagi menangani isu sebelum diputuskan dalam Parlimen. Kita dalam negara serantau mahupun negara membangun dianggap sebagai pelopor dan rakan utama yang pandangannya dihargai dan diberi perhatian.

Penyelarasan dan perbincangan antara Ahli parlimen Malaysia dan Ahli-ahli Parlimen negara lain tidak dapat dibuat kerana komiti kita tidak aktif dan berfungsi sebagai mana sepatutnya. Justeru itulah yang sebenarnya merencatkan beberapa proses penyelarasan dan manfaat bersama dengan mengambil kira pandangan dan pengalaman negara lain dalam isu yang sama. Begitu juga dengan lawatan kerja ke luar negara. Jarang sekali lawatan kerja keluar negara yang melibatkan Ahli Parlimen yang berada di luar negara atas urusan rasmi negara dikunjungi atau diatur program beramah mesra dengan pegawai dari kedutaan atau pesuruhjaya yang bertugas di luar negara demi merapatkan hubungan silaturahim dan kekitaan sesama warganegara di luar negara.

Penyaluran maklumat dan adat budaya yang seharusnya dijunjung tidak diberikan taklimat secara rasmi mahupun tidak rasmi yang sebenarnya menjadi inti kepada kelancaran proses komunikasi dan rundingan Ahli Parlimen hanya kunjungan Menteri dan rombongan pedagang dan usahawan akan mendapat tempat. Adakah ini menyalahi atau betul dengan protokol negara? Begitu juga dengan brosur serta CD tentang negara sepatutnya dibekalkan dengan cara yang berkesan kerana inilah peluang kita untuk mempromosikan dan memperkenalkan negara kita melalui ahli parlimen yang dihantar selaku duta negara yang bergerak, yang berpotensi dan berpengaruh.

Gesaan ini kita buat kerana kita mendapati bahawa di negara-negara yang kita pandang mundur, sebenarnya komiti ini telah pun mendapat tempat yang baik, *syllabus* dan aktiviti Parlimen seharusnya dijana agar menepati ciri-ciri minda kelas pertama. Rakyat juga seharusnya mula menyedari kepimpinan yang dipilih dan terpilih setiap lima tahun mempunyai fungsi yang sebenarnya untuk membincangkan polisi pemerintahan negara, sebagai contoh keanggotaan Malaysia di IPU sebagai contohnya masih lagi bersifat *ad-hoc*, maka satu lagi usaha giat perlu dibuat untuk memastikan kita menjadi ahli yang sepenuhnya.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar sekiranya setiap kementerian mempunyai bajet yang tertentu seharusnya juga untuk Parlimen diberikan bajet sekurang-kurangnya melebihi berapa juta untuk memastikan Parlimen ini dapat berfungsi dengan cara yang lebih baik. Kunjungan dialog luar negara yang dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen dalam rangka lawatan kerja seharusnya juga mendapat layanan yang seimbang kerana kita menyedari bahawa tekanan kerja dan keletihan yang dialami dalam perjalanan yang dialami oleh Ahli parlimen ini, mereka perlu bertindak dan menghadiri program sebaik sahaja mereka sampai.

Oleh yang demikian, kebanyakan negara lain memberikan tiket kelas pertama kepada Ahli Parlimen berbanding dengan negara kita di mana Ahli Parlimen hanya diberikan sama ada kelas ekonomi ataupun kelas perniagaan yang sekali skala ditingkatkan menjadi kelas satu. Maka saya kira sekiranya dapat Parlimen memperuntukkan tiket kelas pertama untuk program Ahli Parlimen terbabit.

Ini memastikan kelancaran kerana mereka datang ke luar negara itu atas urusan rasmi negara. Sistem sokongan, berkait dengan sistem sokongan saya ingin mencadangkan kepada pihak-pihak kerajaan, pembinaan sistem sokongan kepada setiap Ahli parlimen sama ada dari segi parti mahupun kerajaan untuk memperkasakan Ahli parlimen adalah amat perlu. Bilangan pegawai penyelidik di negara kita adalah yang terkecil di ASEAN. Sebagai contoh, Thailand, seorang Ahli Parlimen akan dibantu oleh tujuh orang pembantu, tiga orang adalah pembantu tetap sebagai pegawai penyelidik, setiausaha kerja dan pegawai khas dan empat orang yang bersifat *ad-hoc*. Ini bertujuan untuk meninggikan mutu perkhidmatan di Parlimen berdasarkan penyelidikan yang rapi yang menjadikan ia nya boleh diaplikasikan sebaik sahaja dipersetujui oleh Parlimen, sekiranya perkara ini dapat dibuat, saya juga mohon pihak kerajaan untuk memberikan *research allowance* kepada semua Ahli Parlimen sekurang-kurangnya mereka ini melantik pegawai penyelidik untuk membantu Ahli Parlimen ini untuk menjalankan penyelidikan mereka.

Di negara Indonesia, setiap Ahli parlimen diberikan bilik yang tersendiri untuk membantu mereka ini semasa mereka berada di Parlimen. Ini khususnya kita nampak kepentingan yang amat-amat terutamanya kepada pihak-pihak Ahli Parlimen Dewan Rakyat yang berada di Parlimen sekurang-kurangnya enam bulan setahun, begitu juga dengan giliran antara lelaki dan perempuan untuk memastikan dalam masa lima tahun semua Ahli Parlimen dari semua parti berhak untuk mewakili negara dalam kapasiti dan kemampuan yang ada maka perlu diperkenalkan sistem giliran lawatan dan mesyuarat luar negara.

Kita perlu bersedia melantik Ahli Parlimen kita tidak mengira jantina untuk mewakili negara dalam Parlimen namun kerana peluang yang ada amat terhad dan bilangan Ahli Parlimen perempuan adalah amat kecil berbanding lelaki maka perlu buat polisi sebagaimana negara lain yang mempunyai kuota tertentu yang seterusnya berdasarkan merit dan kemampuan. Begitu juga dengan hal giliran bercakap, sepatutnya dalam keadaan sekarang ini kita mampu menyediakan jadual untuk memastikan kualiti ruang dan masa pihak Ahli Parlimen junior ataupun Ahli Parlimen

kanan boleh memberikan pandangan yang sama dan terbukti baik dalam masa persidangan Parlimen.

Kualiti dan *monitoring* sistem di Parlimen, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar satu jawatankuasa peringkat Ahli Parlimen dibuat untuk memantau keberkesanan cadangan dan tindakan yang telah diambil atau memastikan kualiti perbahasan Ahli Parlimen sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa sebagai satu cabang besar pada pemerintahan negara. Berkaitan dengan ini juga, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan sumber pencarian maklumat di laman web Parlimen dikemaskinikan, carian soalan dan perbahasan boleh dibuat mengikut nama ataupun kawasan yang diwakili ataupun boleh disusun mengikut subjek untuk membolehkan rakyat mengikuti dengan spesifik perbahasan isu-isu yang terjadi dalam Parlimen. Maklumat-maklumat yang terdapat dalam laman web rasmi Parlimen terutamanya maklumat yang bukan Penyata Rasmi dan RUU juga hendaklah dikemas kini bagi memastikan rakyat mengetahui apa yang sebenarnya berlaku dalam Parlimen.

■1650

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan sekiranya kita melihat ada kayu di luar itu yang meletakkan nama Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat kenapa perkara sama tidak dapat dibuat untuk Ahli-ahli Dewan Negara. Saya merasa cukup terkilan apabila melihat kedatangan angkat sumpah dan pengakhiran penamatan tugas Ahli Dewan Negara seolah-olah berlaku secara biasa tanpa ada sebarang benda-benda yang dibuat sebagai jasa untuk menghargai jasa-jasa yang telah dikemukakan ataupun yang dibuat oleh Ahli-ahli Dewan Negara walaupun kita menyedari bahawa di peringkat kerajaan sendiri mungkin menanggap ini Dewan yang lebih kecil ataupun kurang penting berbanding dengan Dewan Rakyat.

Berkaitan dengan soal jawapan, jawapan yang dikemukakan oleh mana-mana menteri diharap tidaklah menjawab secara pesimis untuk membolehkan kita berganjak ke depan dan saya melihat selepas Pilihan Raya Ke-12 baru-baru ini jawapan yang kita terima adalah lebih positif berbanding dengan jawapan-jawapan yang kita terima sebelum ini kerana ini akan menyebabkan kita lebih lagi berminat kerana semua Ahli Parlimen yang bertanya itu bertujuan untuk *proof into accountability* supaya eksekutif yang bertanggungjawab dan mengemukakan masalah dapat di atasi dalam pentadbiran. Tidak semua soalan-soalan memerlukan jawapan yang terdekat. Peranan Ahli Parlimen mengemukakan pandangan dan idea jadi terpulang kepada menteri melalui mesyuarat pasca Kabinet dan Parlimen dan jabatan untuk mengkajinya kerana ini merupakan tempat untuk menggubal polisi.

Seterusnya berkaitan dengan JAKIM. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak Jauhar untuk menggalakkan wakaf di kalangan Muslim berbanding dengan program amal jariah yang bersifat semasa kerana wakaf itu sifatnya lebih besar dan aset yang lebih tinggi dan lebih bermanfaat untuk perkara itu. Siapakah yang memantau aktiviti program amal jariah kerana kita difahamkan dalam bajet ini program amal jariah ini menelan belanja RM100 juta.

Berkaitan dengan JAKIM juga saya ingin bertanya tentang keadaan yang melibatkan fatwa. Saya ingin mengemukakan pertanyaan, apakah perbezaan peranan yang akan dimainkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Darul Ifta' yang dia katakan akan ditubuhkan. Apakah kedudukan dan kesan undang-undang ke atas semua fatwa yang dikeluarkan di Malaysia. Apakah kesan pewartaan atau keingkaran untuk menguatkuasakan fakta ke atas Muslim kerana ini jelas akan mengelirukan rakyat.

Adakah fatwa juga turut terlibat dalam usaha kerajaan untuk membuat penyeragaman undang-undang dan apakah prosedur dan kaedah pengeluaran fatwa, siapa yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan fatwa yang telah diwartakan oleh negeri-negeri. Adakah JAKIM mempunyai piawaian dan tempoh pewartaan dan tempoh pengeluaran sesuatu fatwa. Sebagai contohnya fatwa untuk menghormati atau mengunjungi Tugu Negara yang memang telah *clear* bahawa perkara ini tidak boleh dibuat oleh orang Islam, telah dilanggar oleh pemimpin Muslim negara dan apakah kerajaan mempunyai fatwa setelah setahun mereka membina pusara kerana jelas bagi kita keperluan pusara negara ini tiada keperluan yang mendesak terutama dalam keadaan ekonomi seperti sekarang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada pihak kerajaan untuk cuti sekurang-kurangnya untuk Hari Raya Haji sebagaimana semalam sepatutnya kita menyedari bahawa untuk Aidiladha, Hari Yaumul Tasyrik adalah tiga hari bukannya dua hari. Mungkin perkara ini dipandang ringan bagi sesetengah orang tetapi kerana untuk orang Islam, hari ketiga mereka masih lagi boleh menumbangkan lembu untuk korban. Sepatutnya pihak kerajaan dalam merangka hari untuk persidangan Parlimen boleh memerhatikan perkara ini agar sepatutnya hari raya ketiga untuk Hari Raya Haji ini tidak dilibatkan sebagai hari persidangan Parlimen kerana kita sedar bahawa terutamanya bagi wakil rakyat di peringkat Dewan Rakyat, mereka ada rakyat untuk diziarahi, kenapa kita tidak benarkan hari ketiga ini dijadikan hari cuti sekurang-kurangnya untuk wakil rakyat ini menziarahi kawasan.

Saya juga ingin memohon kepada pihak kerajaan macam mana kaedah yang perlu diketahui oleh umat Islam untuk membezakan hukum yang dimaktubkan oleh Al-Quran dan bila pula kita perlukan fatwa. Bagaimana dengan fatwa rokok, fatwa pengharaman riba, fatwa membincang anak kurang daripada enam bulan sebagaimana yang telah dibenarkan di Perlis, macam mana dengan negeri lain. Jadi apabila disebut soal-soal fatwa ini, kenapa kita menjadi sensitif bilamana yang mengeluarkan fatwa adalah Majlis Fatwa Kebangsaan contohnya untuk kes fatwa yoga. Di Britain dan Singapura sudah lama mengharamkan tetapi tidak menjadi isu tetapi apabila kerajaan mengatakan bahawa fatwa yoga ini diharamkan di Malaysia ia menjadi isu yang amat sensitif. Jadi kita mengharapkan agar perkara ini dipandang dari sudut kesannya kepada rakyat bukan hanya untuk menjadi isu.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua kepada satu tajuk dalam Berita Harian yang disiarkan dalam bulan lepas. Tajuk yang disiarkan ialah ditulis tajuk isu, *Allah Dibawa Ke Mahkamah Persekutuan*. Dalam tajuk ini sebagai seorang Islam saya

cukup terkilan kenapa editor ataupun wartawan yang menulis tentang isu ini tidak meletakkan isu, nama Allah dibawa ke Mahkamah Persekutuan, dengan memasukkan isu Allah dibawa ke Mahkamah Persekutuan, seolah-olahnya kita begitu marah apabila orang menghina agama kita tetapi kita sendiri yang merendahkan dan menganggap seolah-olah isu ini adalah layak kita perbincangkan dan tajuknya pun kita sudah kelirukan rakyat. Saya minta agar pihak yang berkenaan tidak mengulangi perkara-perkara seperti ini kerana ini jelas perbuatan yang sebenarnya menghina Islam secara tidak langsung.

Begitu juga berkenaan dengan HDC. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bagaimana kerajaan mengatasi isu kehalalan gula-gula dan *chewing gum* kerana kita melihat sekarang ini kalau untuk makanan berbentuk ayam ataupun bentuk bahan-bahan yang disembelih kita amat sensitif tetapi apabila kita melihat kepada perkara yang kita guna setiap hari sebagai contohnya gula-gula dan coklat, kita jarang melihat sama ada perkara tersebut itu halal ataupun tidak sedangkan ini merupakan hidangan ataupun snek ringan yang sentiasa dihidangkan kepada kanak-kanak.

Saya meminta pihak *Halal Development Centre* untuk melihat ataupun menubuhkan unit khas untuk memantau perkara-perkara kehalalan yang berkaitan dengan makanan ringan. Sehingga kini saya juga bertanya kepada pihak kerajaan berapakah nisbah permohonan sijil halal oleh kilang di Malaysia berbanding dengan bilangan kilang-kilang sejak HDC ditubuhkan dan apakah piagam pelanggan serta bilangan kakitangan pakar yang telah menganggotai HDC setakat ini.

Bilakah kerajaan akan menguatkuasakan seluruh makanan yang tidak halal atau pun yang halal yang telah mendapat halal JAKIM diletakkan di suatu tempat dalam pasar raya, ini demi untuk mempercepatkan agar orang ramai menyedari akan hakikat dan kepentingan mendapatkan keperluan halal daripada JAKIM kerana kita melihat hari ini kita mempunyai pelbagai jenis produk halal dan saya ingat sepanjang perbahasan dalam Parlimen sudah banyak kali kita minta dengan kerajaan tentang perkara halal tetapi yang diberitahu akan dibentangkan. Saya minta dengan secara spesifik bilakah kerajaan akan membentangkan perkara ini kerana ini perkara yang membabitkan soal agama bukan hanya soal suka-suka.

Begitu juga dengan soal ubat. Saya ingin bertanya pihak kerajaan, setakat ini berapakah jumlah ubat yang telah disahkan halal yang telah diminta daripada JAKIM supaya kita ini boleh mendapat ubat dengan kita yakin bahawa ubat yang kita makan itu adalah ubat yang halal, bukan sekadar halal kandungannya tetapi halal dari segi proses pembuatannya.

Berkenaan dengan Kementerian Sumber Manusia, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar menambah prasarana penjagaan secara berkualiti sebagai contohnya kemudahan perpustakaan awam yang boleh menjaga anak selama tempoh dua tahun disediakan di perpustakaan-perpustakaan di seluruh negara. Ini bagi memudahkan ibu bapa mencari ilmu dan juga boleh memastikan keadaan anak-anak mereka selamat kerana *child care* di tempat-tempat awam seperti perpustakaan ini boleh menjana rakyat yang berminda kelas pertama.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan daripada jawapan yang kita terima daripada sidang-sidang yang lepas negara kita telah bergantung kepada sumber pembantu rumah iaitu daripada tenaga asing. Setakat ini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah pelan strategik yang telah dirangka oleh kerajaan untuk menangani masalah ini kerana kita difahamkan 80% majikan yang menggaji pekerja asing sebagai pembantu rumah kita terdiri daripada kaum Cina, jadi apakah tindakan yang telah dibuat untuk mengatasi masalah ini.

Saya juga ingin menyeru pihak kerajaan untuk memberi pengiktirafan kepada ibu bapa yang melahirkan dan menjaga warganegara kita dengan mengasingkan individu yang menanggung anak dengan menaikkan nilai pengecualian ataupun rebet bagi pengiraan cukai bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri dan memberikan bonus RM200 kepada ibu yang menjadi suri rumah sepenuh masa. Bagi keluarga yang menggaji pekerja tempatan sebagai pembantu rumah, ianya boleh disokong oleh penyata caruman KWSP dan PERKESO agar mereka ini mendapat tempat dan sebagai usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk memastikan orang tempatan berminat untuk menjadi pembantu rumah.

Ini kerana kita melihat di negara-negara lain contohnya seperti mana negara Singapura. Mereka telah menghadapi masalah kekurangan anak yang tingi sehingga mereka terpaksa memberikan rebet-rebet yang jauh lebih tinggi untuk memastikan tidak pupus ataupun warganegara mereka masih boleh berkembang dengan baik dan negara mereka boleh berfungsi dengan baik. Kita tidak mahu negara kita menerima nasib yang sama baru kita nak bertindak untuk memberikan cara-cara bagaimana kita nak menggalakkan orang ramai di Malaysia ini mempunyai anak yang ramai. Sekiranya kerajaan boleh memberikan potongan cukai ataupun rebat yang lebih tinggi, saya percaya rakyat kita bersedia untuk melahirkan anak ataupun aset yang lebih ramai untuk negara kita. Ini kerana ia merupakan satu sumber yang tidak dapat kita beli ataupun sumber yang tak dapat kita gadai demi masa depan negara.

■1700

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Sumber Manusia, apakah pelan tindakan yang dirujuk ataupun *retirement planner*, pelan tindakan pelan persaraan untuk kakitangan awam dan swasta. Kita difahamkan di negara-negara maju, mereka mempunyai pelan-pelan yang tertentu iaitu satu tahun ataupun dua tahun sebelum persaraan, enam bulan sebelum persaraan, tiga bulan sebelum persaraan. Mereka juga mempunyai *retirement calculator* dan peluang kepada pesara kerajaan dan swasta untuk bekerja selepas mereka bersara. Adakah kita juga mempunyai pelan-pelan yang terbaik seperti ini kerana kita dijangka sebagaimana jawapan menteri pada pagi tadi, kita akan menjadi negara tua menjelang 2035.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, setelah kita meluluskan bajet yang kita bentangkan ini, pihak majikan tidak akan terkena beban untuk membayar sumbangan premium bagi bahagian majikan untuk PERKESO dan KWSP khususnya kepada sumbangan yang telah diberikan oleh mereka untuk bayaran minyak kepada kakitangan yang bekerja di tempat mereka.

Bayaran yang dikecualikan sebelum ini disebut sebanyak RM2400. Adakah bayaran ini tidak termasuk dalam pengiraan untuk sumbangan premium majikan kepada kakitangan yang terbabit.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Sumber Manusia, bilakah penyata caruman PERKESO akan dihantar? Ini kerana jawapan yang diberikan oleh menteri sebelum ini bahawa kerajaan bercadang untuk memberikan penyata caruman PERKESO kepada semua pencarum-pencarumnya. Sehingga kini kita belum lagi melihat penyata caruman PERKESO yang dihantar dan adakah kerajaan bersedia untuk memberikan opsyen agar bayaran PERKESO ini boleh dibuat secara islamik untuk kakitangan yang Islam.

Berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dalam membincangkan jaminan kawalan makanan yang akan menelan belanja lebih kurang RM1 bilion untuk menambah dan menampung keperluan pembelian beras, saya ingin menarik perhatian berdasarkan kepada apa yang telah dibentangkan semalam oleh rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Sejauh mana keseriusan kerajaan dalam usaha untuk menambah dan menampung serta menjamin bekalan makan negara. Adakah kerajaan berhasrat untuk mendirikan semula Universiti Pertanian Malaysia yang sekarang telah menjadi Universiti Putra Malaysia bagi menunjukkan keseriusan kita untuk menjadi negara pertanian dan bagi mengatasi masalah miskin tegar sebagaimana yang telah dinyatakan pagi tadi oleh kerajaan.

Dalam sirah Nabi Yusuf SAW yang mentafsirkan mimpi raja yang seterusnya telah melahirkan pelantikan Nabi Yusuf sebagai menteri yang bertanggungjawab untuk membincangkan ataupun untuk menjaga *stockpile* makanan dalam sejarah Islam. Tindakan penambahan pengeluaran, kawalan dan pengurusan makanan sehingga mampu membekalkan makanan kepada rakyat di negara lain. Dalam sirah Nabi Ibrahim bagaimana Nabi Ibrahim ini telah mendoakan agar pelbagai makanan dan buah-buahan supaya anak-anak yang ditinggalkan iaitu Nabi Ismail dan Hajar dapat meneruskan kehidupan untuk orang ramai berkongsi di kemudian harinya di Mekah.

Jadi kita melihat bagaimana sirah-sirah Islam ini memastikan, mengharap kita membuat simpanan untuk jaminan bekalan makanan. Ini kerana akan menyebabkan negara kita dalam bahaya sekiranya kita masih terus berasa lega bila mana sekarang soal beras dah tak jadi isu. Jadi kita mengharap walaupun beras sekarang diberitahu bahawa *stockpile* makanan negara telah pun menjadi banyak tetapi harapannya agar perkara ini tidak dipandang sebelah mata kerana perkara ini mungkin akan berulang dalam masa yang terdekat.

Berkaitan dengan perkara yang sama juga, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membuat kajian khas dan melantik saintis dan *dietician* yang khas untuk memastikan kaedah kesihatan awam ini menjadi satu perkara yang penting. Cadangan pemakanan keledak di beberapa negeri perlu diperkukuhkan dengan dapatan kajian yang ianya tidak akan membantutkan pembesaran. Perkara ini mesti dibuat secara serius.

Makanan tambahan semula jadi seperti buah-buahan, jus, madu dan susu perlu dijadikan snek sihat dan diwajibkan di sekolah dan di tadika agar ia menjadi budaya pemakanan yang sihat

pada dekad yang akan datang. Kerjaya yang berkaitan dengan pemakanan ini perlu digalakkan dan dipopularkan dalam media dengan pendedahan yang sewajarnya.

Kehadiran baja dan bahan racun serta bahan awet dalam makanan perlu kepada pemantauan yang lebih kerana dalam akhbar melaporkan bahawa menjadi lelaki lembut di Malaysia ini adalah kerana sumbangan pemakanan yang mereka makan. Ini menyebabkan pertambahan hormon estrogen kepada laki-laki yang akhirnya menyebabkan mereka menjadi lembut. Jadi perkara ini bukan hanya sekadar makan untuk makan tetapi makan untuk membentuk peribadi.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkaitan dengan apakah bentuk-bentuk polisi dan program yang telah dibuat oleh kementerian berkait dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terhadap gagasan *Investing in Women and Girls* yang telah pun dilancarkan oleh PBB. Setakat ini kita tidak melihat gagasan secara umum ataupun induk yang telah dilancarkan oleh kementerian terbabit.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menubuhkan Bank Daftar Nikah Cerai peribadi keluarga di Malaysia. Ini terutama untuk mereka yang mempunyai kes-kes di mahkamah kerana kita lihat untuk pinjaman perumahan, untuk pinjaman peribadi, pihak bank boleh merujuk kepada CCRIS dan CTOS.

Akan tetapi untuk kes-kes yang melibatkan masalah nafkah anak ini, banyak perkara yang terpaksa di hadapi oleh ibu-ibu di seluruh Malaysia. Oleh kerana tidak ada mana-mana pihak yang memantau atau memegang data-data peribadi sehingga kita boleh mengesan kedudukan ataupun keadaan keluarga-keluarga yang sebenarnya boleh menimbulkan sebagai keluarga yang berisiko tinggi di Malaysia. Ini kerana mereka ini tidak dijaga secara peribadi kerana mungkin pada pandangan bank ataupun pandangan kerajaan, mereka ini bukanlah boleh menjanakan pendapatan.

Namun, sekiranya pihak kerajaan boleh mempunyai Jabatan Pemegang Harta yang boleh *control* harta ataupun yang boleh mengetahui data berapa orang muflis di Malaysia, tak salah kalau kementerian juga mempunyai bank daftar peribadi untuk kita mengesan berapa kes di seluruh Malaysia. Iaitu rakyat kita yang menghadapi masalah nikah cerai dan menghadapi masalah khususnya daripada segi *maintenance* ataupun nafkah kepada anak.

Saya juga ingin mencadangkan wujudnya *one-stop-center* untuk ibu tunggal bagi penyelesaian setempat masalah tuntutan dan penyelesaian pusaka, KWSP, PERKESO, insurans, hutang dengan bank dan pewaris dan lain-lain. Ini kerana setakat ini kita difahamkan untuk seorang ibu tunggal berkelas dan berstatus mendapat pendidikan sehingga Ph.D, mereka memakan masa kurang-kurangnya enam bulan untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan pusaka, KWSP, PERKESO dan insurans. Sekiranya pihak kementerian boleh menyediakan *one-stop-center* sebagai pakar rujuk, kemungkinan perkara ini dapat membantu ibu-ibu tunggal yang menghadapi masalah setelah kematian suami.

Saya juga ingin mengetahui apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian khususnya untuk memastikan nilai mas kahwin di negeri-negeri perlu dinilai kembali. Ada negeri-negeri yang mas kahwinnya RM80, ada negeri yang mas kahwinnya mungkin RM200. Jadi perkara ini sebenarnya memberi impak kepada mahkamah syariah kerana sesuatu bayaran mutaah itu sebenarnya dikira berdasarkan kepada nisbah mas kahwin di negeri yang terbabit. Jadi ini sebenarnya menjejaskan maruah serta imej seorang wanita kalau mas kahwinnya berada dalam keadaan yang amat rendah. Walaupun kita sedar perkara ini beradar di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi sekiranya kementerian boleh mengubah khususnya di Wilayah Persekutuan untuk meninggikan mas kahwin ini dalam keadaan yang munasabah, kita mengharapkan perkara ini dapat dibuat dengan segera. Oleh kerana hari ini kita melihat mas kahwinnya mungkin RM80 tetapi yang lebih orang ramai tekankan ialah hantaran.

Sedangkan hantaran ini bukanlah menjadi satu perkiraan sekiranya kes ini dibawa ke mahkamah kerana yang ditekankan dalam Islam ialah mas kahwin, bukannya hantaran. Jadi sekarang ini kita melihat bagaimana orang dah mula keliru ingatkan hantaran itu yang penting. Sebenarnya hantaran bukanlah pokok kepada perkahwinan tetapi mas kahwin.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang penyediaan *syllabus* dan program bersepadu untuk program kebapaan. Saya merasakan program kebapaan ini wajib dirangka oleh kementerian untuk dimasukkan dalam kursus induksi penjawat awam dan kursus pengurusan dan kepimpinan dan interpersonal di sektor swasta bagi menjadikan kelancaran pendidikan kekeluargaan di Malaysia. Ini kerana kita menyedari bahawa banyak pihak-pihak yang menganjurkan kursus memberitahu dan menyedari bahawa untuk kursus-kursus keibubapaan ataupun kursus kebapaan ini amat sukar untuk mendapat peserta lelaki. Jadi sudah sampai masanya kerajaan memasukkan kursus ini ke dalam proses kursus induksi untuk penjawat awam bagi memastikan kita mempunyai aset-aset negara yang berminda kelas pertama daripada bapa sehingga kepada anak untuk memastikan keluarga di Malaysia adalah keluarga yang terjamin.

Saya juga ingin mengetahui adakah kerajaan mempunyai agenda untuk menghalang semua bentuk program gender songsang dalam siaran rasmi ataupun majalah agar budaya homoseksual dibanteras di dalam negara. Sekatan terhadap perkara sebegini seharusnya dititikberatkan dan janganlah digalakkan mana-mana filem untuk menerbitkan budaya-budaya yang songsang sebegini kerana ianya memberi kesan kepada pemikiran rakyat.

▪ 1710

Berkait dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sebelum ini dalam sidang yang lepas, timbalan menteri yang hadir ke Parlimen memberikan janji bahawa untuk kemasukan ke IPT yang baru ini, pihak mereka akan mempertimbangkan untuk melihat kepada kelulusan ataupun kecemerlangan dalam subjek agama dan subjek moral. Setakat ini sejauh manakah perkara tersebut menjadi kenyataan? Adakah laporan adab serta pencapaian dalam subjek agama dan moral dijadikan pra syarat untuk

kemasukan ke IPT dan maktab. Bilakah janji ini akan menjadi kenyataan? Dan perlukah perkara ini menjadi merit untuk pelajar kita?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan tentang nasib 11 orang mahasiswa UM yang telah digantung pengajian sehingga kini sebelum kita meluluskan akta selepas ini yang berkenaan dengan akta AUKU. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan cadangan kita ini makan di rumah ataupun untuk berjimat dan untuk menjadi warganegara yang sihat. Bagaimana kursus sains rumah tangga yang dijalankan di peringkat sekolah? Kita lihat setakat ini kursus-kursus kalau sebelum ini pelajar wanita diminta untuk mengambil kursus sains rumah tangga, pelajar lelaki mengambil kursus vokasional. Sekarang perkara ini dah jadi agak seimbang.

Bagaimana pihak kerajaan memantau perkara ini agar kita boleh memastikan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang kita lahirkan di sekolah-sekolah bukan hanya boleh jadi pekerja yang baik pada masa hadapan, menjadi pelajar yang cemerlang tetapi boleh menjadi pengurus rumah tangga yang efektif kerana mereka ini lama-kelamaan selepas habis belajar SPM ataupun selepas universiti, mereka akan berkahwin. Sekiranya mereka ini tidak dilatih menjadi pengurus rumah tangga yang efektif, mereka hanya akan bergantung pada pembantu rumah dan mengharapkan pembantu rumah untuk menjadi hamba kepada mereka kerana mereka merasakan bahawa duit boleh menjadi segala-galanya.

Sedangkan untuk pendidikan anak, duit bukanlah segala-galanya tetapi bagaimana ibu bapa boleh menjadi pengurus rumah tangga yang efektif. Jadi saya cadangkan kepada pihak kerajaan agar mewajibkan kursus sains rumah tangga kepada semua pelajar lelaki dan perempuan dan dijadikan subjek wajib, bukan hanya subjek elektif kerana perkara ini penting untuk masa depan negara, keluarga dan masyarakat di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Dalam 10 minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setakat ini berapa banyakkah kes yang telah dilaporkan ataupun diadu kepada pihak Kementerian Pengangkutan berkaitan dengan kes curah minyak di lebuh-lebuh raya di Malaysia? Adakah kes curah minyak di jalan raya ini telah diletakkan di bawah kesalahan untuk *intentional murder* di bawah APJ dan *Penal Code*. Dan saya juga ingin bertanya dengan pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk memanjangkan sekatan bahawa lori tidak dibenarkan bergerak pada masa hari raya juga dilanjutkan ke masa cuti sekolah untuk mengelakkan ataupun untuk menurunkan kes-kes kemalangan jalan raya yang sebenarnya merupakan antara pembunuh nombor satu di negara kita.

Adakah kerajaan juga bercadang untuk mendakwa ahli lembaga pengarah syarikat pengangkutan ataupun pemunya berdaftar secara asing dan bersama dengan pemandu motor,

lori dan bas untuk kesalahan di bawah seksyen 43(1) dan 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana setakat ini tindakan yang diambil kepada pemandu lori dan pemandu bas nampaknya tidak memberi apa-apa kesan kepada syarikat atau tuan punya syarikat kenderaan-kenderaan yang terbabit. Bila mana kerajaan memberikan insentif ataupun menyamakan antara cukai ataupun harga petrol dan juga diesel kepada semua pemandu di Malaysia, adakah kerajaan juga ingin menambahkan ataupun saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memberikan insentif khas untuk enjin-enjin NGV dan menambahkan stesen NGV di seluruh Malaysia.

Kerana kita menyedari bahawa akhir-akhir ini untuk isu hibrid, untuk isu tali pinggang, kerajaan bersedia untuk memberikan insentif. Adakah kerajaan bersedia untuk menimbangkan perkara yang sama untuk NGV. Kita memang sedih dalam akhbar bulan lepas, seorang lelaki telah meninggal dunia kerana beliau bertindak sendiri untuk memasang enjin NGV kerana kos untuk pemasangan enjin NGV ini sebenarnya adalah amat tinggi. Jadi sekiranya pihak kerajaan memberikan insentif ianya dapat membantu bukan hanya seorang tetapi seluruh rakyat Malaysia.

Berkenaan dengan lebuhraya. Saya juga ingin bertanya pihak kerajaan, kenapakah pihak yang terbabit gagal untuk menyediakan mesin *SmartTAG* untuk dibeli oleh pengguna-pengguna PLUS dan lebuhraya. Setakat ini beberapa aduan yang kita terima bahawa adalah amat sukar untuk pihak pengguna mendapatkan mesin *SmartTAG* walaupun untuk menambah jumlah ataupun menambah kredit untuk *SmartTAG* ini senang tetapi nak beli mesin itu susah. Sepatutnya perkara itu boleh diatasi dengan baik kerana ini melibatkan isu-isu kepenggunaan.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat, saya minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ada sebut tentang *SmartTAG*, susah nak beli. Saya dapati bahawa harga *SmartTAG* agak mahal, RM100. Kemudian *Touch 'n Go* RM100, kalau kita nak bermula kita kena ada RM200. Pada kita bolehlah kita beli tetapi Tuan Yang di-Pertua untuk keseluruhan, untuk memudahkan cara, untuk memberikan keselesaan, biar ramai guna *SmartTAG* agar bila kita sampai sahaja di tol, kebanyakan majoriti pakai *SmartTAG* bermakna kesesakan boleh diatasi. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita kurangkan?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya sebenarnya memang bercadang untuk mengemukakan perkara tersebut kerana pihak kerajaan dalam Bajet 2009 ini memberikan pengecualian cukai untuk pembelian alat-alat elektrik termasuklah untuk ketuhar, periuk nasi. Sepatutnya saya rasa untuk program membeli mesin *SmartTAG* ini sepatutnya lebih diberi keutamaan. Kita mohon diprogramkan satu produk *SmartTAG* percuma dan bersyarat seumpama perkhidmatan ala kad kredit untuk pembelian *SmartTAG* dikecualikan daripada yuran tahunan daripada harga asal dengan kerapnya penggunaan kerana ini adalah alatan asas untuk memudahkan dan menguntungkan pihak *SmartTAG* juga bukannya pengguna.

Sepatutnya ada diskaun yang diberikan oleh pihak *SmartTAG* untuk menggalakkan dan mengurangkan kesesakan yang berlaku di lebuhraya kerana kalau kad kredit kalau kita guna banyak kali, ia akan jadi tiada yuran tahunan. Sepatutnya *SmartTAG* kita guna tiap-tiap hari,

ia akan terhapus secara tidak langsung. Ini perkara yang patut dibuat oleh pihak kerajaan, bukan hanya memberikan pengecualian cukai untuk periuk nasi kerana periuk nasi kita beli lima tahun sekali tetapi *SmartTAG* ini hari-hari kita guna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi telefon pun kadang-kadang dapat telefon percuma. Kerana apa yang dihajati oleh syarikat Telekom ialah supaya kita kekalkan akaun.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Ya Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya perkara ini dilihat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Prinsipnya sama.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Prinsip yang sama. Jadi kita mengharapkan tindakan dibuat oleh pihak terbabit kerana ini menyenangkan rakyat kita pada masa hadapan. Berkait dengan Kementerian Kesihatan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh gulung sekarang.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Berkait dengan rawatan dan pencegahan sakit gigi. Saya ingin bertanya pihak kerajaan, berapakah perbelanjaan yang dikhususkan untuk kaedah pencegahan sakit gigi kerana kita melihat hari ini kalau kita hadir ke klinik gigi kerajaan, kebanyakan daripada peralatan yang dibekalkan di klinik gigi adalah amat terhad. Sedangkan perkara ini merupakan perkara yang mesti diberi perhatian kerana mungkin pada pandangan kita gigi ini perkara kecil tetapi sebenarnya untuk jangka masa panjang, kesihatan pergigian ini merupakan perkara yang juga menjadi asas.

Berkaitan dengan Kementerian Pelancongan, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah pakej ataupun program yang telah direncanakan oleh pihak kerajaan untuk taman botani dan taman-taman lain di Putrajaya? Kerana kita melihat, kalau kita melawat tempat-tempat di Putrajaya, kita mempunyai banyak taman tetapi taman-taman ini kelihatannya agak kosong. Jadi adakah Kementerian Pelancongan mempunyai pakej-pakej khas ataupun rancangan-rancangan khas kerana kita mahu agar perbelanjaan oleh kerajaan untuk pembinaan taman dan landskap di Putrajaya ini adalah berbaloi setelah ianya disiapkan.

Saya juga ingin bertanya berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Saya ingin bertanya sekiranya pihak Kementerian Kewangan dalam Bajet 2009 ini boleh memberikan peluang kepada semua syarikat insurans untuk menjadi penanggung insurans dalam kes-kes pembiayaan rumah. Bilakah pula syarikat takaful-takaful yang ada di seluruh Malaysia ini boleh menawarkan produk untuk *professional indemnity insurance* untuk dinikmati oleh para peguam Islam kerana setakat ini semua peguam di Malaysia yang berjumlah lebih kurang 12,000 orang peguam hanya boleh membeli ataupun mendapatkan produk perlindungan daripada bayaran premium untuk insurans konvensional.

#### ■1720

Tidak ada usaha yang sama daripada pihak kerajaan ataupun pihak yang menawarkan perkhidmatan tersebut untuk memberikan produk secara Islam, kerana jumlah yang terlibat untuk bayaran asas untuk profesional *indemnity insurance* ini saya kira berjumlah premium sahaja lebih

kurang RM17,400,000. Ini adalah bayaran asas tanpa bayaran *top up* untuk firma-firma yang mengendalikan kes bernilai lebih tinggi atau berisiko lebih tinggi. Berkaitan dengan alam sekitar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh simpulkan sekarang.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Dalam tiga minit Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berhubung dengan penghakis ombak yang dibina di Pantai Sabah, kerana setakat ini dalam keadaan banjir, penghakis ombak yang dibina ini tidak mencapai matlamat. Saya pohon agar kajian *design* ataupun kajian berkeberkesannya dibuat segera kerana kita dapati masalah alam sekitar terutama negeri Kelantan telah menjejaskan keadaan dan struktur ekonomi rakyat negeri Kelantan. Begitu juga benteng penghakis banjir yang berada di Sungai Golok.

Terakhirnya, berkenaan dengan pindaan kepada Kanun Tanah Negara. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk meminda Seksyen 326 Kanun Tanah Negara untuk menguatkuasakan kaveat luar oleh Mahkamah Syariah sejajar dengan penghakiman dan perintah yang berkait dengan aset hartanah, kerana ini sebenarnya menyulitkan pasangan yang bercerai atau *litigant*, kerana tanah terletak di bawah bidang kuasa *civil*. Setakat ini kuasa yang diberikan di bawah seksyen 326 hanya melibatkan mahkamah *civil* sahaja.

Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yip Kum Fook.

#### 5.22 ptg.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama-sama dalam perbincangan Bajet 2009.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat tidak dapat habiskan pada waktu 5.30 petang, kita akan memberi Yang Berhormat peluang untuk bersambung pada hari Isnin.

**Dato' Yip Kum Fook:** Baik. Terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada MATRADE di bawah MITI kerana MATRADE pada pendapat saya telah menjalankan kerja-kerja dengan baik khususnya dalam usaha mempromosikan barangan Malaysia. MATRADE merupakan satu jabatan kerajaan yang patut menerima kepujian kerana sebelum ini saya telah melawat ke MATRADE dan saya mempunyai satu kenangan yang baik terhadap MATRADE yang berada di Jalan Duta itu. MITI pada dasarnya ada respons kepada permintaan Dewan ini mengenai mengecualikan AP bagi pengimportan besi *steel rod*, dengan izin, kerana pada musim yang lepas, negara kita menghadapi melambung naiknya harga besi di pasaran tempatan yang telah membawa banyak masalah kepada kontraktor tempatan. Walaupun, MITI telah mengecualikan AP terhadap pengimportan, tetapi mereka memerlukan pengimport itu mengimport besi mengikut spesifikasi *Malaysian Standard* (MS) yang sekarang dapat menentukan MS ini hanya SIRIM sahaja di Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negara kita terdapat tiga standard. Satu ialah *BS* (*British Standard*), satu lagi *JS* (*Japanese Standard*). *Malaysian Standard* atau *Mandatory Standard* dikatakan oleh persatuan pengimport ini. Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang yang

menghasilkan besi keluli ini, di negara kita sendiri pun tidak ikut standard MS, iaitu tidak perlu diperiksa oleh SIRIM. Akan tetapi apabila kita mengimport barang-barang besi untuk kegunaan pembinaan, itu secara *raw* lagi belum *finish product*, dengan izin, kita perlu diperiksa oleh SIRIM. Proses ini telah melambatkan proses pengimportan dan sebarang pengimport barang itu akan mengambil masa yang panjang dan perkara ini telah menimbulkan masalah dan banyak perkara telah disoal dan berbangkit akhirnya dengan kehendak ini.

Semua besi yang dikeluarkan oleh empat kilang besi tempatan ini, tidak ada satu pun mengikut spesifikasi MS ISO 16120. Perkara ini telah membuka satu peluang kepada jabatan kita dikatakan birokrasi atau sengaja melambatkan proses pengimportan. Saya berharap MITI dapat mengikuti perkembangan perkara ini. Dalam Bajet 2009 ini, takrif kod 7004 iaitu pengimportan gelas, cermin telah diturunkan duti 50%, itu satu perkara yang baik tetapi pada musim yang lalu, saya minta *low-e*, iaitu *low admissions* atau *admission effective* yang mempunyai *environment friendly*, dengan izin, haruslah dikecualikan duti import. Kita mesti menggalakkan penggunaan barang-barang yang berteknologi baru supaya kita dapat menjimatkan tenaga sama ada elektrik atau lain-lain di negara kita.

Ini juga seterusnya akan menjimatkan penggunaan petroleum yang menjanakan elektrik untuk *electricity* ini. Malangnya kementerian tidak membezakan apa jenis gelas. Dia satu sahaja dalam bajet ini, dia cuma ada satu jenis gelas, semua disebut gelas. Ini akan menimbulkan masalah kepada mereka yang benar-benar ingin mengimport barang-barang yang berteknologi baru.

Berkenaan dengan satu lagi isu *unclaimed money*. Pada tempoh hari saya telah menimbulkan dalam Dewan yang mulia ini, wang yang tidak dituntut. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Yang Berhormat Tuan Hashim bin Ismail pada ketika itu, iaitu pada tahun 2005, telah berkata Jumlah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa telah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada...

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan bersidang semula pada hari Isnin jam 10 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.***